

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Khamis

18 Mac 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong – *YB. Dato' Haji Ismail bin
Haji Mohamed Said (Kuala Krau)*

(Halaman 32)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 18 Mac 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap "*bloggers*" yang sering menyebarkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara dan apakah tindakan berterusan kerajaan dalam menangani masalah ini.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Libaran bertarikh 1 April 2010 kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu tindakan terhadap "*bloggers*" yang menyebarkan isu yang menjejaskan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih sekali lagi. Bagi tempoh Januari hingga 23 Februari tahun ini, pihak SKMM telah menerima sebanyak 101 aduan berhubung kandungan laman web atau *blog* di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Sebanyak 58 aduan adalah bagi kandungan lucah manakala 43 aduan bagi kandungan mengancam dan jelik termasuklah laman web yang menghina Sultan.

Dari jumlah ini, 15 kes aduan sedang disiasat di bawah seksyen 211 dan 233 (1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 manakala 63 kes lagi disiasat kerana kesalahan melanggar pelbagai akta. Terdapat enam kes pendakwaan di bawah akta yang sama berhubung pelbagai kesalahan berkaitan dengan kandungan laman web atau *blog*.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita berbangga dengan usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kesedaran IT di negara kita tetapi kita kecewa cadangan penyebaran fitnah dan hasutan melalui alam siber ini yang bukan sahaja menjadikan ancaman masalah kepada negara bahkan boleh memecahkan perpaduan dan juga

boleh membawa kepada pembunuhan. Namun begitu, saya di dalam sehari dua ini, saya berasa bangga kerana ada pemimpin kita seperti Yang Berhormat Bayan Baru yang secara ikhlas sanggup mendedahkan kemungkaran berlaku dalam kepimpinan dan masalah di negara kita.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, saya kira mungkin kementerian menghadapi juga batasan-batasan ataupun kekangan dalam melaksanakan tindakan undang-undang kepada mereka yang terlibat. Jadi saya ingin tahu apakah halangan-halangan yang mungkin dihadapi menyebabkan kadang-kadang kita gagal melaksanakan tindakan undang-undang ini yang dihadapi oleh suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini?

Apakah cadangan yang lebih serius yang akan dicadangkan oleh kementerian kepada kerajaan supaya kita dapat melaksanakan tindakan yang betul-betul memberi kesan di mana para "*bloggers*" ini tidak akan lagi berani untuk melahirkan ataupun mengeluarkan isu-isu yang boleh memecahkan perpaduan dan keselamatan negara kita? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Maran di atas soalan tambahan tersebut. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya merupakan persoalan induk kepada kementerian ini dan juga semua agensi penguat kuasa yang terjurus kepada menjalankan tugas-tugas di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sesungguhnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mempunyai kuasa-kuasa yang boleh dikatakan genap di bawah seksyen-seksyen seperti 211, 233 dan kekuasaan-kekuasaan yang ada di bawah undang-undang yang lain yang terjurus kepada akta hasut seperti Hasutan 1948, akta yang menjurus kepada jenayah seperti Kanun Keseksaan dan juga undang-undang yang lain.

Namun sukacita dimaklumkan bahawa pada kira-kira tiga bulan yang lalu, kerjasama antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Bahagian Undang-undang telah memupuk satu kerjasama yang erat dan perkara-perkara berkaitan penyusulan pembuktian dan juga kerja-kerja antarabangsa sedang disusul dan *insya-Allah* dengan kerapian tindakan-tindakan ini, kita akan dapat menjalankan tugas di bawah undang-undang negara kita.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Maran tadi bahawa jika ada kebenaran, ia mestilah

kita setuju, dan jika ada pembohongan mestilah kita bantah. Seperti juga Yang Berhormat Bayan Baru yang banyak berbohong semalam yang memberikan hak kepada kita untuk membantah. *[Dewan riuh]*

■1010

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Suruhanjaya Multimedia ini perlu mengawasi *bloggers* dan juga media-media. Malangnya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya melayani *Blackberry* yang diberikan dalam skim di bawah BERNAMA. Pada hari Isnin yang lalu berita BERNAMA yang saya terima berkenaan dengan tajuknya, “Agong Rasmi Penggal Ketiga Parlimen Kedua Belas”. Menyebut sini bahawa, “..disusuli dengan kibaran bendera, selepas Negaraku, Yang di-Pertuan Agong kemudiannya memeriksa kawalan kehormat yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu, Kem Sungai Besi selepas memeriksa perbarisan...” dan seterusnya.

Ini yang mana Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara yang betul-betul tidak betul dan tembakan meriam 13 das. Walhal kalau ditengok buku rasmi pun 21 das jadi nampaknya taraf media kita Tuan Yang di-Pertua, adalah amat rendah sekali. Malah saya ingin menyeru dan menanya pada Yang Berhormat Menteri. Bahawa kawalan kita itu bukan hanya terhadap *bloggers* tetapi semua saluran media termasuklah di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Tumpat. Oleh kerana itu bukan soalan, maka kami akan susul perkara tersebut.

2. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status terkini pembinaan jambatan-jambatan yang berjumlah 8 buah daripada Pokok Sena-Nami. Bilakah ia akan disiapkan dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menggantikan lapan unit jambatan di Jalan Naka-Nami daerah Padang Terap, Kedah merupakan projek di bawah Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah (KKLW) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya ataupun JKR. Projek ini telah ditawarkan kepada Syarikat Tandop Besar Construction Sdn. Bhd. menerusi kaedah tender terbuka dengan harga kontrak sebanyak RM16.38 juta.

Skop projek ini melibatkan pembinaan lapan unit jambatan dengan piawaian JKR R3 satu lorong sehala sepanjang satu span dengan kata lain, jambatan yang pendek setiap satu di antara Padang Terap-Sik, Kedah. Projek penggantian lapan unit jambatan ini telah dimulakan secara serentak pada 14 Januari 2008 dengan tempoh siap asal selama 18 bulan. Di mana tarikh siap sepatutnya ialah pada 12 Julai 2009. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini telah mengalami kelewatan dan kontrak terpaksa ditamatkan pada 10 Disember 2009. Iaitu setelah dua kali tempoh lanjutan masa ataupun EOT selama 183 hari diberikan kepada pihak kontraktor berkenaan.

Sehingga tarikh penamatan kontrak kemajuan fizikal di tapak ialah hanya 25% berbanding 100% mengikut jadual. Sehubungan itu JKR Negeri Kedah akan mempelawa tender baru. Secara kebetulan tender itu dipanggil pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan perancangan terkini projek ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan dari sekarang. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Sesi yang lepas masih lagi basah lagi jawapan yang diberikan oleh Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah. Menyatakan bahawa projek ini akan dipercepatkan dan bila saya bangkitkan tentang berapa peruntukan daripada kementerian yang bagi kepada rakyat Padang Terap, ada lapan jambatan lebih kurang RM16.38 juta seperti yang disebut tadi.

Saya jadi wakil rakyat dua tahun. Sebelum saya jadi wakil rakyat jambatan ini dibina, dua tahun kemudian jambatan tidak siap. Ini jawapan bagi saya satu percanggahan yang begitu nyata di antara Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah. Jadi bila saya balik ke Padang Terap dan terlibat dengan Mesyuarat Tindakan Daerah. Di sana jawapannya ialah dalam proses *re-tender*.

Sampai bila rakyat Padang Terap terpaksa menanggung kesusahan hendak lalu jalan tidak siap kemudian daripada Pokok Sena sampai ke Sik. Jadi saya mintalah kepada pihak kementerian, adakah projek ini akan diberi lagi kepada kontraktor-kontraktor kroni seperti mana yang diberi kepada Tandop Besar Sdn. Bhd. Jadi saya pohon jawapan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin katakan saya tidak berapa faham bila kata ada percanggahan di antara Kementerian KKLW dengan Kementerian Kerja Raya. Ini yang mana jelas dalam berhubung dengan projek ini sebagaimana yang saya katakan tadi kebetulan hari ini 18

Mac, projek itu telah dipanggil semula untuk *re-tender*. Saya juga nyatakan tadi dengan jelas bahawa kita menjangkakan ia akan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan.

Berhubung dengan tuduhan Yang Berhormat. Sering saya katakan di sini bahawa sepanjang saya ingat pada hari ini kita tidak mengamalkan projek secara runding terus kecuali projek-projek yang tertentu. Malah dalam projek ini ternyata projek ini merupakan satu projek yang kita laksanakan secara tender terbuka. Sekiranya Yang Berhormat menuduh membuat tuduhan begitu nyata sekali Yang Berhormat tidak percaya dengan seluruh kakitangan Jabatan Kerja Raya ataupun Kementerian Kerja Raya yang ditugaskan untuk memantau dan menyelia pemberian projek ini kepada syarikat berkenaan. Terima kasih.

3. Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jenis subsidi yang diberi kepada kaum petani (mereka yang mengerjakan sawah padi) dan adakah benar bahawa beberapa jenis subsidi akan dihentikan bermula tahun ini dan jika benar, apakah jenis subsidi tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah mengeluarkan pelbagai jenis bantuan kepada petani yang mengusahakan penanaman padi. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pemberian subsidi dan insentif. Mengikut pengiraan, setiap petani yang menanam padi akan menerima subsidi sebanyak RM2,200 per hektar berbanding dengan kos pengeluaran purata padi per hektar sebanyak RM2,800 per hektar.

Ini bermakna kerajaan telah memberi subsidi sebanyak 78% daripada kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.1 bilion untuk membantu pesawah-pesawah padi. Jenis bantuan dan insentif yang telah diberikan oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan
- (ii) Skim Subsidi Harga Padi
- (iii) Insentif pengeluaran padi
- (iv) Insentif peningkatan hasil
- (v) Insentif benih padi sah

Kerajaan melalui Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan pada tahun 2008

telah meluluskan bantuan tambahan berikut kepada penanam-penanam padi iaitu baja tambahan NPK, bantuan kawalan makhluk perosak, kapur, mekanisme ladang. Sehingga kini kerajaan masih lagi mengkaji keberkesanan sistem subsidi dan insentif yang dijalankan dan akan mencadangkan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan keperluan beras negara sentiasa mencukupi dan para petani yang mendapat manfaat yang sewajarnya. Kerajaan akan umumkan langkah-langkah tersebut selepas kajian secara teliti diadakan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Saya berasa lega mendengar bahawa kerajaan belum lagi membuat keputusan tetapi masih mengkaji keberkesanan segala bantuan dan subsidi yang diberi kepada pihak petani. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, semenjak diperkenalkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara pada tahun 2008 bagi mengatasi krisis makanan ketika itu. Mutu dan pengeluaran padi di seluruh kawasan MADA telah meningkat.

Jadi saya berharaplah kerana saya dengar bahawa itulah subsidi yang mungkin akan diberhentikan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi jaminan memandangkan bahawa kita telah mengamalkan dasar Rakyat Didahulukan. Bahawa segala bantuan dan subsidi yang diberi kepada pihak petani tidak akan diberhentikan. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kangar kerana memberikan sokongan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■1020

Saya juga menaruh harapan yang sama seperti Yang Berhormat daripada Kangar. Apabila kajian mengenai insentif dan subsidi ini diumumkan nanti supaya insentif dan subsidi yang diperuntukkan kepada petani-petani ini akan dikekalkan. Namun biasalah saya yakin bahawa insentif subsidi untuk pertanian ini amat penting kerana di negara-negara maju pun kalau kita lihat masih lagi mengamalkan subsidi kepada petani-petani ini dan saya yakin dalam usaha kita untuk memastikan keselamatan makanan dalam negara kita, masalah petani dan penternak akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, semalam kita pun dengar ketika perbahasan ada isu subsidi bukan di dalam kita membicarakan model ekonomi baru. Saya bertanya

khusus mengenai agenda subsidi pertanian ini. Di tahap sekarang dengan agenda ekonomi baru terutama sekali membantu masyarakat petani-petani, pesawah-pesawah padi di luar bandar. Seperti Yang Berhormat Menteri maklum di Balik Pulau juga ramai pesawah yang perlu dibantu. Apa konteks subsidi yang dimaksudkan? Yang tadi dikatakan kajian itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya telah nyatakan tadi bahawa banyak kajian subsidi iaitu insentif yang telah diberikan kepada petani dan juga pesawah di seluruh negara. Seperti yang saya sebut tadi, ertinya daripada tanam padi, kita bagi benih padi sah. Bila benih padi sah ini dia sudah besar, kita bagi pula baja. Kemudian bila kata tanah tidak bagus, kita bagi pula kapur. Kalau tanah tidak rata, kita bagi pula perataan tanah. Kalau tidak ada mesin, kita bagi pula mesin. Kita bagi apa yang dipanggil geran kepada petani-petani. Sampailah padi sudah berbuah, kita bagi pula lagi baja tambahan untuk menaikkan *yield* padi tersebut. Apabila padi ini sudah tambah, kemudian dia ambil pula padi. Insentif kepada hasil pengeluaran padi juga telah pun disediakan. Bila padi ini diproses menjadi beras, untuk beli beras pun kerajaan bagi lagi subsidi untuk beli beras lebih kurang RM70 juta sebulan.

Jadi inilah subsidi-subsidi dan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan yang saya nyatakan tadi. Tahun lepas sahaja kerajaan belanjakan RM3.1 bilion hanya untuk pesawah-pesawah padi. Oleh itu, kementerian dan kerajaan sedang mengkaji bagaimana cara yang lebih berkesan supaya insentif dan subsidi ini akan menambahkan lagi, bukan sahaja hendak meringankan beban petani dan juga peladang tetapi juga hendak menambahkan lagi peningkatan pengeluaran hasil padi di dalam negara kita dalam usaha kita hendak mencapai *self-sufficient* menjelang tahun 2015.

Jadi mengenai isu subsidi ini, seterusnya saya hendak menyatakan tadi saya yakin masalah pertanian amat penting dan juga masalah-masalah keselamatan makanan juga penting dan juga untuk mengurangkan imbalan perdagangan kerana kita banyak import makanan daripada luar. Maka saya rasa *insya*-Allah masalah subsidi dan inisiatif petani dan juga pesawah ini akan diberikan perhatian. Terima kasih.

4. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan World Health Organisation (WHO) melaporkan pada Disember 2009 terdapat 80,000 orang menghidap virus HIV di Malaysia;

- (a) apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan bagi memerangi wabak ini; dan
- (b) sila berikan statistik pesakit mengikut negeri dan etnik.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menetapkan di dalam Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goal*) atau dikenali sebagai MDG untuk menurunkan kadar jangkitan HIV baru dari 21.7% bagi setiap 100,000 penduduk bagi tahun 2000 kepada 11% bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. Pada tahun 2009, seramai 3,080 kes baru HIV telah dikesan atau kadar jangkitan HIV baru sebanyak 10.8% bagi setiap 100,000 penduduk.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berjaya mencapai sasaran MDG enam tahun lebih awal daripada tarikh sasaran. Kejayaan ini telah dicapai hasil daripada perancangan yang teliti dan rapi serta komitmen yang tinggi oleh kerajaan melalui Pelan Strategi Kebangsaan ataupun *National Strategic Plan on HIV AIDS 2009/2010* dengan izin dan pelan ini merupakan satu dasar jangka masa sederhana dan panjang untuk tempoh lima tahun iaitu 2006 sehingga 2010 bagi memerangi wabak HIV AIDS di negara ini.

Dasar ini telah dirangka hasil usaha sama di antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan atau NGO untuk memerangi HIV AIDS di Malaysia. Secara prinsipnya dasar ini mengambil kira penglibatan pelbagai sektor ataupun multi sektor *approach* dengan izin dalam usaha kita memerangi wabak HIV AIDS. Sebanyak enam strategi telah dibentuk di bawah Pelan Strategi Kebangsaan mengenai HIV AIDS.

- (i) Pengukuhan, kepimpinan dan *advocacy* HIV AIDS;
- (ii) peningkatan latihan dan keupayaan bagi pencegahan, penjagaan dan sokongan HIV AIDS termasuk sistem *surveillance*;
- (iii) pengurangan risiko HIV AIDS kepada penagih dadah dan pasangannya;

- (iv) pengurangan kerapuhan kepada HIV AIDS di kalangan wanita, remaja sekolah, belia dan kanak-kanak;
- (v) pengurangan kerapuhan kepada HIV AIDS di kalangan kumpulan terpinggir; dan
- (vi) pengukuhan, kemudahan, pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan kepada semua penghidap HIV AIDS.

Bagi merealisasikan strategi tersebut, beberapa aktiviti telah dan akan dilaksanakan. Di antaranya meliputi aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan komuniti, perkhidmatan ujian saringan HIV dan kaunseling, pelaksanaan program pengurangan mudarat ataupun *harm reduction* dengan izin, pelaksanaan program pencegahan HIV daripada ibu kepada anak, perkhidmatan penyiasatan dan tindak susulan, pemberian rawatan anti *retro viral*. Dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini, kejadian jangkitan HIV yang baru telah dapat dikurangkan. Selain aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, kerajaan sedang merangka sambungan Pelan Strategik Kebangsaan bagi AIDS bagi tahun 2011 hingga 2015. Dengan adanya pelan strategik ini, diharapkan kita akan dapat mengurangkan lagi kadar jangkitan HIV di negara ini serta memberikan perkhidmatan rawatan dan sokongan kepada pesakit HIV AIDS dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2009, jumlah terkumpul kes HIV yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan adalah seramai 87,710 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 15,317 iaitu 17.5% telah menjadi AIDS, 13,394 ataupun 15.3% telah meninggal dunia dan menjadikan mereka yang masih hidup dengan virus HIV adalah seramai 74,316 orang selaras dengan anggaran oleh pihak WHO seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Dari jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan, 62,953 kes terdiri daripada kalangan kaum Melayu, 12,887 daripada golongan Cina, 6,929 daripada golongan India, 2,200 bumiputera Sarawak, 630 bumiputera Sabah, lain-lain kaum seramai 478, warga asing seramai 1,298 dan seramai 535 kes tidak ketahui status bangsa.

Pecahan untuk negeri pula adalah seperti berikut.

Negeri	Jumlah Kes
Perlis	1,175
Kedah	5,784
Perak	5,789
Pulau Pinang	3,514
Selangor	11,859
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	6,604
Negeri Sembilan	6,455
Melaka	2,687
Johor	14,600
Pahang	9,036
Terengganu	8,269
Kelantan	9,891
Sarawak	1,066
Sabah	971

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, 74,000 satu angka yang besar mereka yang menanggung sakit AIDS dan tiap-tiap tahun ada pertambahan. Apakah kementerian tidak terfikir sementara kita ada laporan, macam-macam 'duk' fikir hendak dibuat oleh kementerian tetapi rakyat di bawah tidak terasa langsung. Sebab itu apabila kita masuk di pintu masuk contohnya turun dari *airport* kita hendak tengok satu *banner* yang besar ataupun daripada Johor hendak pergi Singapura ataupun dari sempadan utara hendak pergi ke Siam ataupun tempat-tempat *public*, harus ada kempen berterusan.

Sama juga dengan TV. Kalau kita tunjuk klip-klip yang memang menjijikkan tetapi kalau diceritakan betul-betul, orang yang kena AIDS ini mati macam mana, sakit macam mana, saya rasa rakyat semakin takut. Macam orang hisap rokok, sekarang ini apabila dia tengok kotak rokok itu gambar macam-macam. Mungkin dia buang rokok dan dia *transfer* kotak lain, dia tidak bawa kotak tengkorak itu.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kementerian harus mempunyai program yang serius dan program ini mesti dirasai oleh rakyat di bawah khususnya program-program yang ditayangkan dalam TV-TV kerajaan. Apakah ini akan menjejaskan bajet kerajaan ataupun kita hendak biar 74,000 ini mati kemudian kes-kes baru bertambah. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah anggaran kes HIV/AIDS yang disebutkan tadi adalah hasil anggaran bersama yang dilaksanakan oleh pihak WHO dan Unites bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga jumlah kes HIV/AIDS telah menurun sekiranya dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelum ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bagi kes-kes jangkitan HIV baru, jumlah yang dinyatakan tadi iaitu 3,080 adalah jumlah yang dicatatkan pada tahun 2009. Seperti yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program di bawah pelan strategik yang mempunyai... Sebenarnya kita melaksanakan 55 program di bawah strategi-strategi yang telah disebutkan tadi. Kita ada enam strategi dan 55 program telah dilaksanakan di bawah strategi ini dan sekiranya Yang Berhormat mengatakan program ini tidak mempunyai impak di akar umbi itu adalah salah Yang Berhormat.

Ini kerana jumlah yang dicatatkan menunjukkan pengurangan kes HIV/AIDS ini telah termaktub dan hanya negeri Kelantan yang mencatatkan kadar jumlah kes HIV baru yang tertinggi iaitu hampir 40% dibandingkan dengan jumlah kadar penduduk 100,000 orang. Kita telah mencapai sasaran MDG sejak tahun 2009 Yang Berhormat, iaitu enam tahun lebih awal daripada sasaran WHO sendiri iaitu pada tahun 2015. Hanya negeri Kelantan yang mencatatkan 40% dibandingkan dengan pencapaian kebangsaan iaitu 10.8% kepada anggaran 100,000 orang penduduk.

Jadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah salah dan sudah tentu Yang Berhormat program-program ini akan terus dilaksanakan dan seperti yang saya nyatakan tadi pelan strategik yang terbaru telah dirancang dan akan dilaksanakan bermula tahun 2011 sehingga tahun 2015 yang akan membawa pendekatan baru dan di samping itu meneruskan program-program yang telah dilaksanakan lebih awal khususnya beberapa program yang telah nyata memberikan kesan kepada pengurangan jumlah penagih ataupun pesakit HIV ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan saya, saya difahamkan hanya terdapat 25 orang doktor khusus untuk merawat penyakit HIV di hospital-hospital kerajaan yang ada ini walaupun kita tahu penyakit ini sudah bertapak di Malaysia selama 22 tahun.

Jadi soalan saya, apakah usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi jumlah petugas perubatan khusus bagi penyakit ini memandangkan jumlah pesakit yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebanyak 87,710 dan apakah langkah dan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat MDG sebelum tahun 2015 memandangkan 35% daripada jumlah 87,710 itu adalah merupakan pesakit-pesakit muda remaja yang berusia antara 13 hingga 29 tahun. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah pesakit HIV yang dicatatkan adalah jumlah sebanyak 80,000 orang itu adalah tidak benar. Kita hanya mempunyai 25 doktor yang ditugaskan untuk menjaga atau meneliti mengenai kes-kes HIV ini kerana kita mempunyai lebih ramai cuma jumlahnya tidak ada bersama-sama dengan saya...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, ini jawapan yang saya dapat daripada maklumat tepat, bukan saya bagi maklumat sembarangan. Saya bukan bagi maklumat sembarangan ini, minta maaf.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Sebenarnya Yang Berhormat, doktor pakar untuk penyakit berjangkit adalah seramai 25 orang tetapi yang khusus yang dilatih untuk menjaga aspek HIV ini adalah 180 orang untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya ingin hanya memperbetulkan kenyataan bukan 25 orang.

Pakar untuk penyakit berjangkit 25 orang tetapi yang khusus untuk membuat rawatan HIV/AIDS adalah seramai 180 orang. Jadi jumlahnya adalah lebih ramai daripada jumlah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Sebenarnya Yang Berhormat, di bawah pelan strategik kebangsaan kita mempunyai beberapa program seperti yang saya nyatakan tadi dan sudah tentu seperti juga keresahan Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mengambil berat pelaksanaan program melibatkan remaja kita dan beberapa program yang telah dan sedang dilaksanakan di bawah Kementerian Kesihatan sendiri adalah khusus untuk menjurus kepada usaha kita untuk mengurangkan kadar jumlah penagih di kalangan anak-anak muda ini adalah program PROSTAR.

PROSTAR ini adalah antara program yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah penagihan dadah dan juga peningkatan kesedaran HIV/AIDS di kalangan anak-anak muda. Jadi di samping itu Yang Berhormat, kita juga menjalankan program saringan di semua *facility* kesihatan Kementerian Kesihatan, di sekolah-sekolah kita juga melaksanakan program-program kesedaran HIV/AIDS Yang

Berhormat, sudah tentu pengkhususannya kepada pihak sekolah dan melalui kerjasama kementerian-kementerian seperti Kementerian Belia, Kementerian Pembangunan Wanita, kita juga menjalankan program-program latihan HIV di Pusat Latihan Khidmat Negara.

Jadi Yang Berhormat, antara lain program-program yang kita laksanakan ini khususnya adalah untuk meningkatkan kesedaran terutama sekali di kalangan golongan muda kita supaya mereka ini tidak *vulnerable* kepada penagihan dadah yang seterusnya melihat penjurusan kepada aspek penyakit HIV/AIDS ini. Terima kasih Yang Berhormat.

5. Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta Perdana Menteri menyatakan statistik Malaysia menunjukkan 42.68% penduduk negara berumur 21 tahun ke bawah, ini bererti lebih 2/3 rakyat negara ini belum boleh mengundi. Di Malaysia, rakyatnya yang berumur 18 tahun sudah layak menyertai parti politik secara rasmi tetapi hanya boleh mengundi pada umur 21 tahun. Adakah kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan had umur untuk menyertai parti politik dan hak mengundi di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Walaupun rakyat boleh bergiat di dalam parti politik seawal umur 18 tahun namun ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan kerana ada had umur dalam undang-undang yang lain yang menunjukkan kematangan. Sebagai contoh umur 16 tahun dianggap sebagai matang untuk berkahwin.

Hubungan jenis di bawah umur 16 tahun, walaupun *consensual*, dengan izin adalah dianggap sebagai *statutory rape*, dengan izin. Jadi mungkin ini juga boleh dijadikan sebagai satu hujah matang untuk hendak menurunkan umur menjadi boleh mengundi kepada 16 tahun.

■1040

Jadi kita membukakan banyak *Pandora's box* lah kerana orang kata kalau matang untuk berkahwin sudah tentu juga matang untuk mengundi. Oleh sebab itu kerajaan tidak berhasrat untuk hendak menyelaraskan umur mengundi kepada 18 tahun dan seperti mana yang telah kita sebut, kerajaan telah menentukan kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun. Ini berdasarkan kepada Perkara 119(1), Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-

mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih layak untuk mendaftar sebagai pemilih.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu tadi. Menurut laporan SPR, ada seramai 4.3 juta rakyat Malaysia yang belum lagi mendaftar sebagai pengundi ataupun pemilih. Antara alasan-alasan yang dapat kita kenal pasti, antara mereka malas hendak berdaftar, ada pula itu tidak mahu mengambil berat dan ada juga tidak mahu campur tangan dan lain-lain sebab. Oleh itu, saya ingin menanyakan kerajaan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih dan langkah-langkah juga untuk menggalakkan pemilih tadi keluar mengundi semasa pilihan raya? Ini kerana, kita dapati semasa pilihan raya bilangan yang keluar mengundi *maybe* 60% hingga 70% sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sebuah negara tidak membuat paksaan dalam soal untuk mengundi. Jadi oleh sebab itu, kita menganggap itu bahawa tidak mahu mendaftar itu juga sebagai pilihan bahawa mereka tidak berhajat untuk mengambil bahagian di dalam sistem pengundian di negara kita. Namun, kita sentiasa menjalankan dan mengambil tindakan-tindakan. Pertamanya sudah tentulah kita mengadakan iklan-iklan untuk mengingatkan kepada rakyat supaya mereka tampil ke hadapan untuk mengundi.

Keduanya sudah tentulah kita juga tahu bahawa yang tidak mahu mengundi ini selalunya ialah remaja. Maka, kita sentiasa membuat pendaftaran pengundian berkala. Bermakna, dalam tiap-tiap beberapa bulan kita adakan berkala. Ada kalanya juga setiap masa, sistem mendaftar setiap masa sekarang ini tidak silap saya. Untuk remaja kalau mereka tidak mahu datang ke pusat pendaftaran, maka kita bawa pusat pendaftaran itu kepada mereka. Kita membuka meja untuk mereka mendaftar di tempat-tempat keramaian seperti di *shopping complex*, yang mana kita tahu mereka berada di sana. Jadi ini di antara perkara-perkara yang kita lakukan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat rasa ada perkara yang boleh kita buat lagi, maklumkan kepada kita. Sudah tentu kita akan mengambil tindakan untuk memastikan ramai lagi yang akan datang untuk mendaftar sebagai pemilih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Bukit Katil itu tadi adalah segelintir sahaja remaja yang telah mencapai umur 21 tahun yang enggan mendaftar. Akan tetapi persoalannya ialah apakah pendirian kerajaan tentang cadangan oleh Pengerusi SPR

mengadakan satu pendaftaran rakyat Malaysia yang telah berumur 21 tahun, pendaftaran pemilih secara automatik? Tunjukkan *political will* kerajaan. Jimat kos, jimat masa dan kurangkan birokrasi. Apakah kerajaan sudi berbuat demikian dan mengadakan pendaftaran *online* jika enggan kerajaan jalankan pendaftaran secara automatik? Jika kerajaan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerajaan takut.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Enggan menjalankan pendaftaran secara automatik, saya juga ingin tahu apakah halangannya menjadikan kerajaan enggan berbuat demikian? Jangan bagi alasan undang-undang. *Those are man made law*. Kalau ada *political will*, boleh dijalankan... [Tepuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Gajah ini peguam. Saya fahamlah memang sebelah sana tidak menghormati undang-undang. Itu kebiasaan mereka... [Dewan riuh] Akan tetapi, kita ada undang-undang dan kita ada *rules of law*. Saya sudah sebut iaitu bahawa dalam pilihan raya ini kita tidak boleh paksa orang walaupun itu merupakan kebiasaan bagi pihak sanalah memaksa orang... [Ketawa] Jadi oleh kerana itu, kita mengamalkan *freedom of association, freedom of expression and freedom to make decision*. Jadi itu merupakan satu pilihan mereka untuk tidak mahu mendaftar dan jangan kita paksa dia. Saya tidak suka paksa-paksa. Banyak kes yang berlaku sebelah sana banyak paksaan... [Ketawa] Jadi kita kerajaan akan terus dengan apa yang ada dan kita tidak berhajat hendak buat pendaftaran secara automatik.

6. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pelajaran menyatakan, sama ada pengurangan bajet bagi sektor pendidikan membawa kesan kepada kekurangan tenaga pengajar di sekolah dan jika ada, apakah rancangan kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan akses pendidikan yang terbaik demi kepentingan pembangunan modal insan yang berkualiti. Justeru, di dalam kegawatan ekonomi global yang memberi kesan kepada keadaan ekonomi negara, KPM mengambil langkah penjimatan berhemah di semua peringkat termasuklah di pihak kementerian sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan untuk KPM telah dikurangkan sebanyak RM1.8 bilion pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009. Namun, pengurangan tersebut tidak menjejaskan operasi keseluruhan di peringkat sekolah di bawah KPM. Sebanyak RM20.23 bilion disediakan oleh kerajaan untuk pembayaran emolumen bagi 537,221 orang pegawai, guru dan anggota khidmat sokongan di sekolah di bawah KPM. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, adakah pengurangan bajet bagi sektor pendidikan membawa kesan kepada kekurangan tenaga pengajar di sekolah? Jawapannya ialah tidak. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jangkalah soalan akan begitu... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jawapan... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jawapan akan begitu kerana saya rasa pihak kerajaan tidak akan mengakui walaupun masalah itu adalah benar. Ini kerana saya telah menerima bahawa beberapa sekolah di Pulau Pinang mengatakan bahawa tidak ada dana untuk mengupah guru ganti ataupun guru sementara. Pihak sekolah ataupun pihak pengelola sekolah yang harus menyediakan gaji untuk mereka. Ini adalah yang pertama.

Kedua ialah ada beberapa sekolah di Kedah dan Pulau Pinang mengatakan bahawa bayaran untuk *electricity* untuk sekolah tidak cukup untuk dibayar sehingga Sekolah Menengah Methodist di Nibong Tebal di mana *electricity* nya dipotong, diputuskan kerana tidak mampu bayar bayaran *electricity*. Bukankah ini harus ditanggung oleh pihak kementerian ataupun kerajaan, kerana ini ialah sekolah bukan rumah sendirian, ini untuk pelajaran. Jadi bukankah ini adalah menunjukkan bahawa memang ia mendatangkan masalah. Sekiranya tidak, bolehkah Timbalan Menteri memberi gerenti bahawa masalah-masalah seperti ini tidak akan timbul? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat di atas ramalan yang telah dibuat... *[Ketawa]* Sebenarnya, kalau Yang Berhormat melihat soalan asal Yang Berhormat, "Adakah kekurangan bajet itu membawa kesan kepada kekurangan tenaga pengajar?" Maka jawapan saya sudah kata, tidak. Oleh sebab walaupun kita menghadapi masalah pengurangan bajet, tetapi dari segi emolumen iaitu gaji dan juga termasuk bayaran kepada GSTT, kepada penggajian guru di bawah KGSK dan juga

guru gantian, kita telah memperuntukkan peruntukan. Jadi, sebarang usaha ataupun kerja yang kita lakukan ini, pengurangan ini, kita memberi keutamaan supaya kita dapat elak daripada apa sebarang aktiviti ataupun tindakan yang mengurangkan bajet itu supaya tidak kena pada P&P.

■1050

Maksudnya tenaga pengajar itu merupakan satu *priority* utama. Jadi itu saya berharap Yang Berhormat jelas. Kedua, apa Yang Berhormat sebutkan itu pernah bangkit di surat khabar pada Ogos tahun lalu. Memang benar pada ketika itu mereka masih lagi. Ada yang mengatakan bahawa kementerian tidak boleh mengambil guru ganti tetapi selepas itu, selepas kementerian mendapat bajet itu, kita telah membuat perancangan semula. Bermaksud pengurangan bajet, pada asalnya KGSK tidak ada iaitu guru kontrak tidak ada. Akan tetapi kita memperuntukkan daripada keseluruhan *operating* bajet itu untuk tujuan ini, untuk mendapatkan guru supaya kita membekalkan guru cukup di sekolah.

Apa Yang Berhormat bangkitkan sebenarnya adalah kalau dahulu untuk seminggu guru itu kalau dia tidak ada di sekolah, kita boleh menggunakan perkhidmatan guru ganti dalam soal ini. Akan tetapi kita telah membuat satu keputusan untuk guru yang bersalin 60 hari, itu memang wajib dapatkan guru gantian. Jadi saya rasa kita telah memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada JPN dan PPD tentang perkara ini, itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat mengatakan dari segi tenaga pengajar, apa Yang Berhormat katakan dakwaan kononnya pengurangan bajet akan membawa kesan, kita masih lagi mengambil tenaga GSTT yang ramai, kita juga mengambil guru pelatih. Untuk makluman Yang Berhormat untuk ambilan Jun ini banyak lagi di bawah KPLI dan KPLSPM, maka kita teruskan usaha ini Yang Berhormat.

Jadi apa Yang Berhormat katakan soalan tambahan kedua, sebenarnya tidak ada dalam soalan asal tentang *electricity*, tetapi saya jawab juga Yang Berhormat. Kalau kita lihat *operating* bajet, apabila dikurangkan, pada mulanya mungkin ada sedikit masalah kerana kita tidak menggunakan sistem pembayaran pukal. Selepas itu kita sudah pulihkan dan inilah masanya kita melihat bagaimana kita boleh menambah PCG kepada sekolah dan kita sedang mengkaji dan lihat macam mana. Kalau sebarang perbelanjaan *electricity* atau air atas kegunaan P&P, maka saya rasa wajar. Kalau adalah untuk hawa dingin di dewan, saya rasa kita sepatutnya meletak satu meter yang

berlainan. Saya rasa dari segi ini kita memang jelas. Kalau untuk sewaan luar, itu lain tetapi untuk P&P kita akan tanggung juga. Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun kita mengalami kekurangan bajet yang agak ketara dan saya rasa pihak kementerian mampu menangani masalah ini bagi memastikan kekurangan tenaga pengajar di sekolah-sekolah, supaya tidak menjejaskan proses P&P. Saya ingin bertanya Yang Berhormat berhubung dengan kemasukan pelajar-pelajar KPLI ini masih berterusan, walaupun sebagai usaha untuk menambah tenaga pengajar dan kekurangan guru di peringkat sekolah. Cuma saya ingin tahu status kedudukan mereka yang berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan yang belum diberikan penempatan, sedangkan di sini kita ambil tetapi mereka berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan masih lagi belum mendapat penempatan. Berapa jumlah kalau sekiranya terdapat pihak kementerian belum menangani masalah ini?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Arau, sebenarnya kita mempunyai satu Jawatankuasa bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam soal ini, kerana latihan guru untuk sekolah menengah, ianya dilakukan oleh universiti tempatan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Sememangnya wujud satu mekanisme untuk kita bincang bersama, untuk memenuhi keperluan di sekolah kita, maka *end user* adalah Kementerian Pelajaran. Dalam soal ini dari semasa ke semasa, kita berbincang dengan pihak MOHE dan kita melihat kekosongan itu di sekolah dan kita tempatkan seboleh-bolehnya bagi mereka yang telah lulus dengan CGPA 2.75 ke atas.

Jadi, kita masih lagi mengikut prosedur kerana latihan perguruan yang dibuat di IPG adalah berbeza sedikit dengan yang dibuat oleh universiti maka kita perlu lihat pengkhususan itu. Kita sedang menangani satu persatu kes ini dan memang setakat ini ada juga sebilangan kecil yang masih belum mendapat *posting* dan ianya sedang diatasi oleh satu jawatankuasa bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

7. **Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan usaha yang diambil oleh kementerian bagi mewujudkan usahawan francais bumiputera yang lebih ramai dan mampu bertahan di samping berkembang ke peringkat global.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Salak yang dijadualkan pada 23 Mac, dijawab serentak

dengan Yang Berhormat Lipis pada hari ini kerana kedua-dua soalan menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

Dato' Tan Lian Hoe: Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan meningkatkan bilangan usahawan francais bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menjalankan program-program pembangunan francais. Antara program-program yang dianjurkan oleh pihak kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Produk Francais Tempatan
- (ii) Program Dana Bantuan;
- (iii) Pembangunan Francais;
- (iv) Program Francais Siswazah;
- (v) Program Francais Wanita; dan
- (vi) Program Promosi Tempatan dan Antarabangsa

Melalui program pembangunan produk francais tempatan, usahawan bumiputera yang mempunyai produk atau perkhidmatan yang berpotensi untuk di francais kan akan dibimbing daripada permulaan dengan menukarkan sistem perniagaan konvensional kepada sistem francais yang lengkap, pembukaan *outlet prototype* sehingga ke peringkat kelulusan lesen francais. Setiap syarikat bumiputera dibiayai sehingga RM120 ribu untuk urusan perundingan dalam penukaran perniagaan kepada sistem francais. Sehingga akhir Februari 2010, sebanyak 22 francaisor bumiputera berjaya dibangunkan melalui program ini.

Dalam dana bantuan pembangunan francais pula berbentuk *matching grant* di mana kerajaan membayar balik perbelanjaan yang telah dilakukan oleh syarikat untuk membangunkan sistem perniagaan francais. Melalui dana ini syarikat bumiputera yang telah didaftarkan di bawah Seksyen 6 Akta Francais 1998 dan berdaftar di bawah Program Pembangunan Francais kementerian diluluskan. Kementerian meluluskan pembayaran balik *reimbursement* dengan izin sehingga RM120 ribu bagi membiayai khidmat perundingan yang telah digunakan untuk membangunkan sistem perniagaan francais tersebut.

Sebanyak 13 francaisor bumiputera telah diberi sokongan melalui program dana ini dan bagi tujuan membangunkan francais bumiputera, dua program khusus dijalankan secara berpakej iaitu Program Francais Siswazah dan Program Francais Wanita.

Kedua-dua program ini peserta dari kalangan graduan atau wanita yang layak akan melalui ujian *psycho matrix* dan diberikan kursus intensif selama enam bulan sebelum sesi pepadanan antara peserta dengan *francaisor* akan diadakan. Seterusnya peserta yang lulus layak untuk memohon pembiayaan dari Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dengan kadar faedah yang rendah. Perbelanjaan peserta bagi seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan sepanjang program berserta elaun bulanan ditanggung oleh kerajaan.

Sebanyak 116 *francaisi* telah dibangunkan di bawah kedua-dua program ini. Selain itu juga mengadakan program-program promosi bagi menggalakkan penyertaan bumiputera di dalam sistem perniagaan *francais*, sama ada sebagai *francaisor* mahupun *francaisi*. Program-program promosi ini dijalankan secara berkala di setiap negeri sepanjang tahun, melalui dua aktiviti utama iaitu penganjuran Ekspo Kesedaran *Francais* dan *Roadshow Francais*. Bagi memastikan produk *francais* bumiputera tempatan dapat berkembang di peringkat global, kementerian menjalankan misi perdagangan antarabangsa bagi mempromosikan produk *francais* tempatan di pasaran antarabangsa.

Melalui aktiviti ini, usahawan *francais* bumiputera dijemput untuk turut serta di dalam ekspo *francais* luar negara di bawah Pavilion Malaysia bagi memastikan kehadiran produk *francais* tempatan di ekspo tersebut lebih menonjol dan lebih mendapat perhatian pengunjung. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas ini mungkin Yang Berhormat Pasar Salak dapat soalan tambahan. *[Ketawa]* Jadi kalau kita lihat banyak program sebenarnya yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah melaksanakan program ini.

■1100

Hanya apa yang saya hendak *dihighlightkan* lagi ialah tentang sejauh mana keberkesanan program-program ini kerana banyak juga yang menyertai *francais* ini apabila saya bertanya katanya memang modal pusingan yang pertama mereka dapat, tidak ada masalah. Akan tetapi, selepas itu untuk mendapatkan pinjaman seterusnya dan juga kadangkala apabila keadaan tidak menjadi keruan dalam *business* mereka, mereka hendak mendapatkan pelan sokongan atau *back-up plan* daripada kementerian terutamanya dari segi bantuan kewangan dan sebagainya. Jadi, ini yang menjadi

masalah mereka kadangkala. Keduanya, sejauh mana kementerian melibatkan koperasi dalam program francais ini. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Bagi kita memastikan francaisor dan francais bumiputera ini dapat terus bertahan dalam pasaran, memang tidak dapat dinafikan bahawa kementerian melalui PNS yang akan sentiasa membantu dalam pelbagai jenis khidmat nasihat dan begitu juga dengan bimbingan pengurusan operasi dan bantuan kewangan yang boleh dipinjam dan dihulurkan melalui PNS.

Kita tidak menafikan bahawa kita melalui PNS dan juga Koperasi sedang menggalakkan lebih banyak koperasi-koperasi negara kita untuk melibatkan diri dalam perniagaan francais. Setakat ini boleh dikatakan bahawa kita sedang dalam proses untuk melahirkan lebih banyak koperasi untuk *business francais* ini. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan-jawapan yang diberikan itu saya tidak ada masalah dan program-program yang dinyatakan sebentar tadi itu saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah.

Cuma, saya sering kali mendapat beberapa aduan khususnya daripada rakyat saya di Kubang Kerian dan juga bekas-bekas ataupun mahasiswa yang ingin menyertai program francais bumiputera ini. Saya amat kesal kerana masih ada lagi kriteria-kriteria yang diamalkan yang akhir sekali akan berlaku 'scan' ataupun suatu penapisan akhir di peringkat kementerian, parti mana yang diwakili. Saya tidak mahu beretorik dalam perkara ini kerana penting bagi adik-adik kita di sana itu [*Sambil menunjuk ke arah pelajar-pelajar yang mengikuti persidangan di dalam Dewan*] yang mungkin selepas menamatkan pengajian dan berminat dalam bidang usahawan ini. Oleh sebab saya tidak fikir dalam zaman digital ini ada lagi pemikiran-pemikiran analog yang sepatutnya diaplikasikan dalam minda kita orang politik dan juga kementerian Yang Berhormat. Jadi, kita tidak kisah sebenarnya mereka daripada parti mana tetapi mereka ada premis, kebolehan, cita-cita dan keazaman walau dari parti mana pun biarlah mereka mendirikan perniagaan usahawan mereka.

Akan tetapi, jangan ada lagi sekian terakhir itu hendak tahu daripada parti mana. Ini saya rasa satu pemikiran abad ke-17 yang saya rasa harus dihindarkan. Adakah Yang Berhormat menyedari perkara itu masih ada lagi di peringkat kementerian Yang Berhormat? Jikalau ada, saya harap mendapat penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Saya fikir itu adalah satu tuduhan sebab bagi kita, kita sebenarnya hendak menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang melibatkan diri dalam industri francais khususnya golongan remaja, mahasiswa dan wanita. Di sini, kementerian melalui PNS tidak meletakkan apa-apa kriteria, tidak mengira fahaman politik ataupun dari segi bangsa dan agama.

Saya tidak tahu mungkin Yang Berhormat mengambil platform ini untuk mendapatkan satu *political mileage* ataupun tidak sebab setakat ini memang tidak ada apa-apa kriteria yang diletakkan ataupun disyaratkan untuk memilih sesiapa untuk berminat dalam francais. Apa yang pentingnya, kita hendak memilih iaitu individu yang mempunyai kebolehan dan juga potensi untuk menjalankan perniagaan. Kita tidak mahu apabila kita menjalankan beberapa kursus untuk membangunkan individu dalam *business* francais ini, akhirnya di peringkat pertengahan mereka tidak menunjukkan minat, itu sahaja. So, saya harap itu adalah satu pertuduhan yang tidak munasabah. Terima kasih.

8. Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan secara terperinci mengenai kelulusan membenarkan kemasukan pekerja asing yang berjumlah 100 ribu dalam tempoh lima bulan sebelum ini. Apakah pihak kerajaan sedar rakyat keliru dengan pendirian kerajaan yang mana pada suatu ketika mahu mengurangkan pekerja asing dan pada suatu ketika pula menambah pekerja asing yang mana boleh menjejaskan ketenteraman awam dan menimbulkan banyak masalah jenayah dan sebagainya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan membenarkan hampir 100 ribu pekerja asing masuk untuk bekerja di Malaysia untuk tempoh lima bulan adalah di bawah konsep *fast track*. Kelulusan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia manakala Kementerian Dalam Negeri hanya memproses permohonan dan memberi kelulusan berdasarkan kelulusan daripada pihak Kementerian Sumber Manusia.

Terdapat lima sub sektor di bawah sektor perkilangan yang diberi kelulusan *fast track* ini iaitu elektrik dan elektronik, perabot, plastik sarung tangan getah dan tekstil. Subsektor ini dikenal pasti sebagai sektor kritikal yang sangat memerlukan pekerja untuk meneruskan operasi berikutan keadaan pemulihan ekonomi yang semakin meningkat dan terdapat banyak permintaan baru yang diterima oleh subsektor tersebut.

Sekiranya kerajaan tidak mengambil langkah proaktif yang drastik, mungkin banyak syarikat akan menanggung kerugian kerana eksport mereka terjejas.

Walau bagaimanapun, kelulusan *fast track* ini merupakan langkah jangka pendek sahaja di mana permohonan *fast track* telah berakhir pada 31 Disember 2009 di pihak Kementerian Sumber Manusia. Manakala kelulusan di pihak KDN bergantung pada apabila majikan datang untuk permohonan di pusat kelulusan setempat ataupun *one stop centre*. Mengikut rekod KDN sehingga 11 Mac tahun 2010, KDN telah memproses dan memberi kelulusan sebanyak 98,916 orang. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut;

SUBSEKTOR	BILANGAN
Elektrik & elektronik	54,844
Perabot	17,033
Plastik	11,044
Sarung tangan getah	10,430
Tekstil	5,655
Jumlah	98,916

Untuk makluman Yang Berhormat juga, polisi tentang pengambilan pekerja asing adalah konsisten iaitu memberi keutamaan kepada rakyat tempatan, apabila tiada pekerja tempatan barulah peluang pekerjaan ini dibuka untuk warganegara asing. Dalam suasana ekonomi memuncak, majikan menghadapi masalah mendapatkan pekerja tempatan. Dengan demikian, kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi sektor-sektor ekonomi yang kritikal. Pada suku keempat tahun 2009, kerajaan telah membuka tiga sektor ekonomi iaitu sektor perkilangan elektrik dan elektronik; dan tekstil mengambil pekerja yang sebelumnya dibekukan. Seperti Yang Berhormat maklum pada awal tahun 2009, sektor-sektor ini telah mengalami lebihan pekerja dan pekerja-pekerja tempatan diberhentikan kerja. Keadaan ini menyebabkan kerajaan membekukan pengambilan pekerja asing bagi sektor-sektor berkenaan.

■1110

Berhubung dengan kesannya pula, kerajaan dapat memastikan bahawa rakyat tempatan diberi keutamaan dan memberi pekerjaan. Selain itu, apabila berlaku kekurangan pekerja tempatan, barulah warga negara asing dibenarkan masuk untuk bekerja. Kesan yang paling besar adalah kerajaan dapat mengawal kemasukan warga

negara asing ke negara ini. Strategi jangka panjang kerajaan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan membuat kajian keperluan guna tenaga kerja sebenar tiap-tiap sektor oleh kementerian dan agensi berkaitan.

Hasil daripada kajian ini kerajaan akan dapat menetapkan *benchmark* bagi setiap sektor. Kerajaan berhasrat mengekalkan jumlah 1.5 juta orang pekerja asing sebagai angka maksimum di mana keperluan pekerja asing tidak melebihi tahap ini. Sekian.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya sebenarnya mengharap Menteri Dalam Negeri sendiri menjawab. Akan tetapi tidak apalah, Timbalan Menteri jawab. Sebab Tuan Yang di-Pertua, masalah pekerja asing dan juga PATI, pendatang tanpa izin termasuk mereka yang diberi visa pelajar, melancong melalui *visa on arrival*, pas pelajar.

Ramai yang tidak balik dan semua ini sudah jadi isu nasional yang saya kira merupakan masalah keselamatan negara. Saya tidak faham dengan dasar kerajaan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab ini untuk jangka pendek ia diproses oleh Sumber Manusia. Saya tidak berapa boleh berpegang dengan jawapan-jawapan seumpama ini kerana dahulu pernah disebut pekerja asing dibeku. Akan tetapi dalam senyap-senyap ada kelulusan khas kerana senario membawa masuk pekerja asing ini ada dalang-dalang di belakang iaitu yang cuba mengaut keuntungan yang besar.

Saya hendak maklum kepada pihak Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Baru-baru ini saya ada jumpa dengan seorang pekerja Bangladesh di petrol pam. Saya tanya "*Berapa lama saudara bekerja di sini?*". Dia kata "*Empat tahun lebih*". Tempoh pandai cakap Melayu. Fasih dia bercakap Melayu. Tidak seperti setengah-setengah warganegara Malaysia yang beranak di sini pun belum faham bahasa Melayu. Saya tanya dia "*Bila hendak balik?*". "*Kalau kira, tempoh enam bulan lagi*". "*Saya mahu balik tapi tidak boleh balik lagi*". Sebab dia kata "*Saya hendak datang Malaysia dahulu saya belanja RM14,000 hingga ke RM15,000*".

"*Kalau saya balik, saya mati. Sekarang saya perlu tinggal empat tahun lagi. Sekarang ini terpaksa saya masuk hutang. Selepas cukup lima tahun saya perlu kerja tiga, empat tahun baru boleh balik, baru boleh bayar hutang. Sekarang levi pun kena bayar tiap-tiap bulan RM150.00.*" Moralnya Yang Berhormat, saya tidak tahulah macam mana ketelusan Kementerian Dalam Negeri proses. Yang proses adalah Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Dalam Negeri keluarkan kelulusan. Syarikat-syarikat ini

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah mungkin betul dan ada setengah-setengah adalah sensasi.

Dia dahulu pekerja 200 orang dia kata 300 orang. Dia perlu 20 orang kata 100 orang. Bila masuk tauke itu sendiri jual pekerja asing kepada pihak-pihak lain, mengaut keuntungan. Atas seorang RM1000, RM2000. Ini yang saya katakan perdagangan hamba abdi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Soalan saya, jadi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tanya dari segi pihak kementerian, apakah ini berlaku di zaman Menteri sebelum Menteri sekarang. Saya tahu! Saya tidak tuduh Menteri sekarang. Ini Menteri dulu. RM15,000 hendak masuk Tuan Yang di-Pertua, tambang kapal terbang Bangladesh dekat Malaysia berapa ringgit sahaja. *One way ticket*. Visa berapa? Kena bayar RM15,000 tidak termasuk lagi *under counter*. Dikatakan *calling visa*. Ini semua ini mengancam keselamatan negara dan ada golongan-golongan yang menyalah guna dan merasuah dalam soal urusan pendatang asing ini.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah pihak kementerian bersama dengan Kementerian Sumber Manusia? Betul-betul duduk, telus, tidak ada ketirisan dan kalau boleh bawa masuk Suruhanjaya Badan Pencegahan Rasuah sekali dalam *committee process*. Sebab penipuan ini cukup canggih dan melibatkan banyak pihak yang boleh menggugat keselamatan negara. Dan bilakah hendak dimansuhkan kaunter *visa on arrival* di KLIA sebab ini juga boleh mengancam keselamatan negara termasuk juga apakah tindakan pelajar-pelajar daripada negara China ada pun mereka mungkin daripada Afrika yang datang atas nama pelancong, pelajar akan tetapi sampai sekarang tidak balik dan tidak boleh dikesan oleh pihak keselamatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Soalan ataupun perkara yang disentuh akhir tadi iaitu ialah syarikat-syarikat yang mengambil dan mengaut untung daripada mengimport ataupun mengambil pekerja asing ini. Banyak syarikat-syarikat ini telah di *blacklisted* dan juga lesennya dihentikan. Oleh kerana ia didapati membuat kerja-kerja yang tidak menentu itu ke atas orang-orang asing dan menjual mereka seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi.

Yang kedua, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia mempunyai satu jawatankuasa ataupun *one stop centre* ini, di mana permintaan-

permintaannya akan dipertimbangkan oleh beberapa jawatankuasa di situ termasuk juga wakil daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi, MITI dan kementerian-kementerian yang berkaitan dengan permintaan daripada majikan-majikan yang tertentu. Jadi jawatankuasa ini masih diwujudkan sekarang ini dan KDN menjadi sekretariatnya.

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Yang Berhormat kerajaan memang sedar bahawa ini adalah satu masalah besar di negara ini iaitu ramai sangat warga asing yang berada di sini sama ada mereka sebagai pelancong ataupun sebagai pelajar. Ada juga pekerja asing ataupun warga asing yang berada di sini di mana tempoh pas mereka sudah luput dan mereka tidak balik. Jadi, baru-baru ini kerajaan dapat satu Pelan Tindakan Nasional yang akan melibatkan 11 kementerian, 14 *sorry*, 14 kementerian, 11 jabatan dan 33 organisasi yang kita akan buat berfikir bersama-sama untuk bersama dalam satu *lab* di mana soalan-soalan yang seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi akan dibincangkan.

Kita cuba hendak mendapatkan *solution* ataupun penyelesaian ke atas masalah-masalah ini. Kerajaan memang mengakui bahawa ramainya orang warga asing di sini menyebabkan masalah-masalah seperti masalah samun, seperti masalah jenayah-jenayah yang disebut oleh Yang Berhormat dalam soalan tadi. Sekian.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada ketika ini jumlah penduduk Malaysia telah pun mencapai angka sebanyak 28 juta. Dua juta daripada adalah rakyat asing yang bukan sahaja dapat bekerja mencari makan di negara kita bahkan mereka juga dapat sama-sama menikmati berbagai-bagai kemudahan perubatan, pendidikan dan juga mereka sama-sama dapat menikmati subsidi yang telah disediakan oleh kerajaan. Bukan sahaja minyak bahkan subsidi makanan.

Apa soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kerana jumlah yang cukup besar ini, yang telah mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, adakah kerajaan akan mengkaji semula supaya kita dapat memberhentikan pengambilan hanya dalam keadaan yang diperlukan sahaja? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan mengkaji masalah ini, masalah pekerja asing, masalah warga asing yang tinggal lebih masa di negara kita di sini. Hasil daripada kajian ini kelak akan kita dapat mengadakan satu-satunya penguat kuasa yang lebih berkesan, satu koordinasi di antara kementerian-kementerian yang memerlukan pekerja-pekerja asing

ini. Adalah juga supaya kita dapat jumlah yang sebenar pekerja-pekerja asing di sini dan jumlah... Kita juga mengesan orang-orang asing yang tempoh pasnya sudah luput dan sudah tidak boleh dipakai lagi.

Kita hendak tahu di mana mereka berada sekarang sama ada mereka bekerja di kilang, sama ada mereka bersembunyi di hutan ataupun di mana-mana tempat pun.

■1120

Yang Berhormat sebutkan berkaitan dengan *last point* tadi, apakah tindakan kerajaan atau pun pelan kerajaan selepas ini untuk kita mengadakan satu pelan tindakan nasional tadi yang melibatkan pelbagai kementerian dan juga NGO atau pun orang yang sama-sama atau pun yang dikatakan *stakeholders* untuk bersama-sama menangani masalah ini supaya ia mengurangkan beban kepada negara kita.

Betul kata Yang Berhormat tadi. Apabila kita mengira daripada segi belanja yang dibebankan kepada negara kita di sini memang banyak untuk kita bukan sahaja untuk membelanjakan, dia menggunakan subsidi kita tetapi juga mereka yang berada di dalam penjara, mereka yang di tempat-tempat tahanan, di depot kita yang membelanjakan beratus ribu ongkos nya pada satu hari. Sekian, Terima kasih.

9. Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan bilakah Loji Pembekal Air dinaik taraf untuk menambah kapasiti pembekalan air di Sri Aman.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]:
Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek naik taraf loji membina kolam takungan dan memasang paip utama di bandar Sri Aman adalah untuk menambah kapasiti pengeluaran air terawat bagi menampung keperluan semasa dan yang akan datang bagi kawasan tersebut. Kerja naik taraf loji tersebut telah disiapkan pada bulan Februari 2009.

Selain itu, kerja pembinaan paip agihan sepanjang 24 kilometer telah juga disiapkan pada bulan Februari 2009. Dengan siapnya kedua-dua projek ini, bekalan air terawat telah dapat dibekalkan dengan tambahan sebanyak 3.4 juta liter sehari kepada penduduk di bandar Sri Aman dan kawasan sekitarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, sebagai tambahan pada usaha tersebut, JKR negeri Sarawak juga sedang mengambil satu lagi inisiatif dengan membina sebuah loji rawatan air baru berkapasiti 20 juta liter sehari. Tender bagi projek

ini dijadualkan pada bulan Julai 2010. Pembinaannya dijangka bermula pada bulan Oktober 2010 untuk disiapkan pada sekitar bulan Oktober atau bulan September 2012.

Dengan terbinanya loji rawatan air ini, kapasiti dan kualiti bekalan air terawat dijangka dapat ditingkatkan seiringan dengan usaha kerajaan untuk meluaskan kawasan liputan penduduk di bandar Sri Aman dan sekitarnya dan akan menjadikan bekalan air sehingga 33 juta liter sehari dalam kapasiti. Kapasitinya akan cukup untuk memenuhi keperluan penduduk Sri Aman sehingga tahun 2025. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Kawasan saya memang memerlukan air secepat yang mungkin sebab banyak kawasan telah dimajukan untuk ladang-ladang sawit secara komersil. Jadi, banyak kampung yang terlibat tidak akan mendapat bekalan air kalau loji ini tidak disiapkan secepat yang mungkin.

Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah bekalan air semasa menunggu projek loji rawatan air yang baru yang akan disiapkan nanti menjelang 2012. Sekian, terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya keadaan bekalan air di Sri Aman tidak begitu kritikal. Namun, jika berlaku keadaan kritikal, catuan mungkin akan dilaksanakan. Lori-lori tangki sebagaimana pada bulan September 2009, akan dihantar kepada pengguna dan pakej pelan yang mengambil tempoh jangka pendek juga boleh dilaksanakan.

Sebenarnya di Sri Aman, kadar air tidak berhasil ini begitu tinggi berbanding dengan *national average*. Maka itu fokus pada program-program untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil ini akan dipertingkatkan di samping meningkatkan kapasiti loji rawatan air.

Saya kira dengan siapnya projek-projek... tiga model yang saya sebutkan tadi, *insya-Allah* akan dapat memenuhi keperluan bekalan air pengguna di Sri Aman buat sementara waktu. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak menyentuh isu perbekalan air di Lembah Klang, Selangor.

Semenjak SPAN ditubuhkan pada tahun 2006, setakat ini kita lihat perkembangan berkaitan isu air ini agak menyedihkan kerana negeri-negeri yang

sepatutnya diambil alih oleh suruhanjaya itu nampaknya belum selesai sehingga kini. Begitu juga di Kedah, Kelantan dan sebagainya.

Di Selangor secara khusus, kita merasa kecewa sedikit tentang penstrukturan semula perbekalan air yang belum dapat diselesaikan. Isu yang ingin saya bangkitkan ialah di manakah kewajarannya pihak kerajaan menanggungkan pemberian peruntukan yang diperlukan oleh pembekal air untuk kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air terutamanya menggantikan paip-paip asbestos yang sudah berumur, mencecah umurnya 40 tahun yang mana paip-paip ini banyak yang bocor dan tekanan air yang rendah mengakibatkan bekalan air itu terganggu di banyak kawasan.

Sedangkan pada waktu yang sama pihak kementerian telah memperuntukkan lebih kurang RM9 bilion untuk penjana kuasa bebas yang seperti mana juga kita sedia maklum sama ada kuasa atau pun air adalah merupakan keperluan rakyat yang tidak boleh diabaikan. Jadi, saya inginkan penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya kira Yang Berhormat Bachok juga sedia maklum bahawa isu penstrukturan semula air di Selangor memang sudah berlangsung begitu lama. Kementerian sebenarnya sudah tidak dapat bertahan dengan... masing-masing menuding jari salah siapa.

Kerajaan Persekutuan memang sangat prihatin. Kita juga sebenarnya sudah memberikan *dateline* kepada kerajaan negeri sebab banyak kalau hendak diikutkan kronologi pertemuan, perbincangan, semua antara Menteri dengan Menteri Besar juga sudah diadakan. Akan tetapi sehingga kini ia masih lagi belum mendapat kata putus. Walau bagaimana pun, saya kira kementerian sudah memberi satu *dateline* terakhir untuk perkara ini diselesaikan demi manfaat penduduk.

Sebenarnya masalah penggantian paip air, sementara menunggu penstrukturan semula ini sebenarnya memang berlangsung. Cuma diberi keutamaan. Kerajaan Persekutuan memberi juga peruntukan untuk penggantian paip-paip air yang begitu kritikal mengikut keutamaan tetapi telah tidak mengikut jadual penggantian sebagaimana asalnya sementara kita menunggu penstrukturan semula. Akan tetapi, yang sangat kritikal, memang kita memberikan peruntukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meminda Akta Sewa Beli bagi menjamin pemilik kenderaan daripada tindakan tidak bermoral semasa proses menarik balik kenderaan oleh pihak peminjam, dan memastikan bahawa syarikat peminjam perlu mendapatkan perintah mahkamah seandainya pembeli telah melangsaikan 75% daripada jumlah pinjaman.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon dengan izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Nerus yang dijadualkan pada 30 Mac ini dijawab serentak dengan Yang Berhormat Wangsa Maju kerana kedua-dua soalannya menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya bercadang untuk melaksanakan pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212] bagi memastikan akta tersebut kekal relevan mengikut peredaran masa.

Sebagai makluman Yang Berhormat, akta ini kali terakhir dipinda adalah pada tahun 2004. Ia dilihat perlu dikaji semula bagi memperkemaskan lagi struktur perundangan yang sedia ada. Pada tahun ini kementerian telah menyasarkan pindaan Akta Sewa Beli 1967 untuk dibentangkan bagi bacaan kali pertama pada sesi Parlimen pertama tahun 2010 ini sekiranya tiada halangan. Akta tersebut pada ketika ini telah pun berada di dalam proses akhir pindaan dan sedang disemak dan diperhalusi.

Antara cadangan pindaan yang dikemukakan ialah untuk memperkemaskan lagi perundangan sedia ada bagi mengatasi permasalahan atau isu pengambilan semula oleh pihak pemunya melalui orang tengah dan mengadakan peruntukan bagi mewajibkan keperluan bagi pemunya mendapatkan kebenaran atau perintah mahkamah sebelum aktiviti pengambilan semula dilakukan oleh mereka.

■1130

Sekiranya penyewa telah membayar lebih satu per tiga daripada jumlah keseluruhan pinjaman dan maklumat terperinci berhubung pindaan tersebut akan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apabila Rang Undang-undang Akta Sewa Beli 1967, Pindaan 2010 dibentangkan untuk bacaan kali pertama kelak. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya minta soalan tambahan saya adalah sama ada kementerian ada apa-apa *guidelines* pada masa sekarang sebelum

pindaan yang akan dibentangkan di dalam Parlimen bahawa supaya untuk mengawal kegiatan atau tindakan-tindakan oleh syarikat kewangan semasa mereka menarik semula kenderaan daripada peminjam-peminjam yang telah bayar semula 70% pokok yang mereka pinjam itu. Oleh sebab kalau kita lihat dalam keadaan sedemikian, semasa kita telah bayar 70%, kita telah bayar semula lebih daripada pokok yang dipinjam. Jadinya kita mesti ada satu *guidelines* atau pun satu kawalan untuk memelihara *consumer* dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, pindaan yang hendak dibuat pada akta ini sebenarnya kita telah merujuk kepada yang telah kita buat kajian dan rujukan ialah daripada Singapura, United Kingdom (UK), Australia, dan India. Kita mengambil model Australia dan India. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam cadangan pindaan iaitu *repossession* ini kalau penyewa bayar kurang daripada satu per tiga dan terdapat dua kali tindakan bulanan berturut-turut, maka pemunya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Soalan saya ini untuk sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Masa sekarang.

Dato' Tan Lian Hoe: Ya. Saya akan jawab. Maka, pemunya boleh melakukan proses penarikan semula barangan dan sekiranya penyewa telah membayar lebih daripada dua per tiga *installment* nya, terdapat dua kali tindakan berturut-turut, maka pihak pemunya perlu mendapat perintah mahkamah untuk penarikan itu, *repossession*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja sesi pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas.” **[17 Mac 2010]**

11.34 pg.

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam kebebasan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya menyambung perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mendedahkan suatu kebenaran yang terpendam begitu lama. Memang berhadapan dengan kebenaran itu sesuatu yang menyakitkan, dengan izin, *the truth hurts*. Oleh sebab itulah kita dapat melihat reaksi yang bagaikan cimpanzi dalam sarkas semalam. *[Ketawa]* Ini kerana kebenaran ini menusuk kalbu mereka. Nasihat saya kepada mereka terimalah kebenaran dengan hati yang terbuka. Jikalau saudara memilih untuk terus hidup di bawah sindrom penafian atau pun *denial syndrome*, dengan izin. Itu adalah hak saudara. Akan tetapi suatu ingatan daripada saya. Jikalau saudara memilih untuk hidup di bawah sindrom penafian kepada konspirasi pembohongan ini, kebenaran itu akan datang menghantui saudara dan menjadi satu mimpi ngeri buat saudara kemudian hari nanti. *[Tepuk]* Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Sebenarnya saya memilih untuk membuat pendedahan ini kerana mereka memilih untuk memalukan dan mengaibkan saya serta keluarga, dengan izin, *they hit below the belt*. Mereka memilih untuk memfitnah dan membawa cerita palsu dengan niat untuk membunuh karakter dan peribadi saya. Timbalan Presiden PKR, Dr. Syed Husin Ali meneruskan fitnah dengan membuat kenyataan dua hari lepas bahawa proses pembersihan telah selesai dan PKR kini sebuah parti yang bersih dari daki dan najis. Saya ingin menegaskan bahawa memang Tuhan telah melakukan proses pembersihan dalam PKR. Memang kami yang bersih dan suci telah dikeluarkan daripada PKR. *[Dewan riuh]* Apa yang tinggal dalam PKR sekarang hanyalah mereka yang berdaki dan najis sahaja. Saya nasihatkan Dr. Syed Husin Ali supaya membaca buku '*SHIT*' tulisan Sasterawan Negara, Profesor Datuk Shahnnon Ahmad. Memetik kata-kata Profesor Datuk Shahnnon Ahmad, apa yang tinggal dalam PKR hari ini hanyalah '*shit*' sahaja. Hari ini Dewan yang mulia ini saya ingin mendedahkan '*shit*' tersebut supaya rakyat tahu dan tidak terus terpedaya dengan mainan politik silap mata PKR ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tahu dia hendak beri kepada adinda dia Yang Berhormat Parit Buntar ini. Terima kasih kakanda Yang Berhormat Bayan Baru, kakanda yang melompat. Saya sebenarnya menghormatilah keputusan kakanda saya. Saya tidak ada masalah kerana siapa-siapa boleh lompat, keluar dan masuk. Itu hak peribadi dia. Cuma saya ada beberapa untuk minta penjelasan kepada Yang Berhormat Bayan Baru.

Pertama, kalau Yang Berhormat Bayan Baru sekarang dianggap sebagai BEBAS. Cuma saya hendak minta penjelasan, saya kira orang-orang di Bayan Baru telah memilih Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim bukan di atas 'kebebasan' dia itu. *[Tepuk]* Mereka telah memilih di atas Pakatan Rakyat, Parti Keadilan yang dikatakan najis itu. Jadi, saya minta penjelasan kekanda saya, apakah berani kakanda bertanding di Bayan Baru di atas nama Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim?

Saya kira dia mungkin hilang deposit kalau bertanding di Bayan Baru. Jadi jikalau Yang Berhormat Bayan Baru boleh bercakap mewakili Bayan Baru dengan nada yang begitu, saya berasa kesal kerana saya rasa itu bukan hasrat Yang Berhormat Bayan Baru. Itu hanyalah kepentingan peribadi dia. *[Tepuk]* Dia merasakan satu

masalah. Saya terpaksa bercakap demikian sebab saya ialah Yang di-Pertua PAS kawasan Bayan Baru. Saya mewakili rakyat di Bayan Baru walaupun saya bertanding di Parit Buntar.

Kedua, soalan saya ialah kalaulah betul Yang Berhormat Bayan Baru merasakan kejiikan dan kenajisan yang dia sendiri telah terpalit dahulu, saya hendak tanya apakah masa depan Yang Berhormat Bayan Baru melihat yang BEBAS ini lebih baik atau yang di sebelah Barisan Nasional ini yang mungkin tidak najis dan tidak jijik ini? Apakah pilihan...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebelah sana IWK.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Bayan Baru atau pun terus mahu 'bebas' terbang ke mana-mana tanpa prinsip? Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih adinda Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bolehkah saya juga dapatkan penjelasan? *[Dewan riuh]* Bolehkah atau tidak?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Biar saya jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Beruas duduk dahulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Beruas duduk dahulu. Beri dia jawab dahulu.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Beri saya jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia jawab satu.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya hendak jawab adinda saya dahulu, Yang Berhormat adinda Parit Buntar. Saya faham kekecewaan sebab mungkin dia tidak nampak lagi. Profesor Datuk Shahnnon Ahmad pun kawan kita juga dan kawan bapa arwah adinda saya. Akan tetapi tentang jawatan MP ini banyak yang marah. Okey, saya setuju. Akan tetapi yang bawa *petition* daripada 27,000 undi yang saya dapat, hanya 1,500 yang suruh saya letak jawatan. *[Ketawa]* Jikalau saya letak jawatan atas 1,500 saya mengkhianati pengundi-pengundi lain yang mengundi

saya. *[Ketawa]* Jikalau saya letak jawatan, buat *by-election* merugikan wang dan masa. Ini masalah.

■1140

Saya tidak nafi, mungkin sekarang pandangan Yang Berhormat Parit Buntar mengatakan BEBAS tiada kekuatan. Akan tetapi *insya-Allah*, rakyat sekarang ini memandang Pakatan Rakyat pun teruk... *[Tepuk]* Saya keluar daripada Keadilan bukan atas suka-suka hati hendak makan, hendak cari duit, hendak cari wang. Akan tetapi, atas prinsip sudah tahu sudah kotor! Oleh sebab itu saya keluar.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak mengapa, tunggulah pilihan raya yang akan datang, *insya-Allah* kita tengok. Saya pun belum buat ketetapan lagi apa masa hadapan tetapi yang lebih penting ialah saya perlu mendedahkan apa yang sedang berlaku dalam Keadilan supaya rakyat faham apa sebenarnya perjuangan mereka. Ya saudara BEBAS seorang lagi... *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu soalan sahaja. Apakah Yang Berhormat Bayan Baru sedar, apabila kita meletak jawatan sebagai Ahli Parlimen sekarang, kita tidak boleh bertanding selama lima tahun untuk menguji sama ada kita popular atau tidak. Saya tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju? Saya setuju kalau kerajaan meminda undang-undang ini dan membolehkan kita bertanding esok menguji populariti, saya di antara orang pertama yang akan letak jawatan untuk bertanding balik di Pasir Mas. Sekian, terima kasih... *[Ketawa][Tepuk]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih rakan BEBAS saya memperingati. Saya pun berniat hendak terus sebagai Ahli Parlimen. Jadi kalau saya letak, tidak bertanding, kacaulah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya lah. Tidak dapat *test*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya ingin teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak membuat penjelasan.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Kita beri Yang Berhormat Kinabatangan dahulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Bayan Baru, benar kah...
[*Dewan riuh*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sini, sini!

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tengok! Ini Barisan punya...[*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sini!

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini Barisan punya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sini!

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tengok!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh!

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang bukan BEBAS. Ini Barisan punya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cakap tahu undang-undang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini jelas menunjukkan Yang Berhormat Bayan Baru...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini apa ini?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Berpihak kepada Barisan, bukan BEBAS.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sabar!

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak mengapa. Selepas ini saya berilah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Beruas duduk dahulu! Terima kasih Yang Berhormat Dato' yang bertuah. Saya sudah lama ingin menyatakan syabas dan tahniah dengan langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Oh! Lori IWK kah ini?... [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebenarnya dia bukan melompat, dia berhijrah mengeluarkan diri daripada belunggu-belunggu firaun-firaun kecil... [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Pindah untuk kebaikan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pindah kepada kebaikan dan dengan berhijrah itu...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: IWK sudah pergi pungut... [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia menyedari bahawa perlu untuk mengingatkan rakan-rakan yang belum sedar...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Firaun besar siapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Perlu sedar bahawa apa yang diperjuangkan selama ini salah dan silap. Berlandaskan panas baran, berlandaskan dendam dan sebagainya. Justeru itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimana setelah ledakan dalam jiwa Yang Berhormat terlalu lama terpendam seumpama “api dalam sekam” yang membara, hari ini telah diterjemahkan, bagaimana rasa Yang Berhormat? Saya rasa Yang Berhormat rasa lega sebab bebas daripada cengkaman yang mengelirukan rakyat dan merugikan negara. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato’ Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lori IWK baru angkut... [*Ketawa*]

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih saudara daripada Kinabatangan. Memang saya rasa lega. Saya tidak terkongkong dengan idealisme yang mengarut yang dibawa oleh Keadilan. Akan tetapi ini tidak lari, saya sebagai Wakil Rakyat BEBAS, kalau hendak kritik Kerajaan Barisan Nasional, saya akan kritik juga... [*Tepuk*]

Kalau Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping kah, siapa tadi? Yang Berhormat Beruas.

Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru. Pernah kah terlintas dalam minda beliau bahawa September 16 yang diumumkan itu adalah kerana terdapat dalam PKR masa itu, orang seperti Yang Berhormat Bayan Baru yang hanya hendakkan kedudukan dan kuasa dan melainkan ada harapan diberikan kepada mereka, mereka sudah lompat awal-awal lagi... [*Tepuk*]

Lagi satu perkara untuk Yang Berhormat Bayan Baru tadi kata, tohmahan ataupun pandangan rendah kepada dia dan keluarganya telah dibuat oleh sesetengah pihak. Biarlah Yang Berhormat Bayan Baru mesti sedar pepatah ini dalam bahasa Inggeris “*Self praise is international disgrace*”, janganlah lagi puji sendiri, kalau tidak orang lagi pandang rendah kepada Yang Berhormat Bayan Baru... [*Tepuk*]

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Pertama sekali Yang Berhormat Beruas rakan saya, yang hendak cari kedudukan dalam parti politik ini, sesiapa masuk politik memang kejar itu pun. Yang Berhormat Beruas pun terhegeh-hegeh hendak rebut balik Perak... [*Dewan riuh*]

Jadi, cerita apa ini? Jangan bawa kepada saya seorang. Saya sekurang-kurangnya bila benda ini dicerita, saya dengar dan pada masa itu ramai yang percaya kepada ketua umum Keadilan. Akan tetapi, saya tidak berlawan dengan keputusan mahkamah untuk hendak rebut Perak balik. Jadi, jangan cakap pasal isu jawatan.

Kedua, saya hendak membersihkan nama saya sebab kepala DAP, kepala fitnah... *[Tepuk]* Oleh sebab itu saya hendak membersihkan nama saya, bukan saya hendak mengaung-ngaung diri saya sendiri. Okey sudahlah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merumuskan kembali apa yang telah saya sebutkan semalam.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ini kawan semua ini... *[Ketawa]*

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kawan... *[Ketawa]* You kan kakanda saya.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okey.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Tadi disebut itu ketua, kepala DAP itu orang yang membuat fitnah. Kalaulah Yang Berhormat Bayan Baru itu terasa beliau telah difitnahkan, kenapa tidak mengambil tindakan guaman dan sebagainya? *Sue* mereka sampai mereka bankrap, jangan sendiri yang bankrap dahulu... *[Tepuk]*

Itu yang saya minta sama ada tindakan guaman telah dimulakan untuk menutup balik maruah sendiri terhadap kepala-kepala DAP yang telah membuat fitnah, melontarkan fitnah terhadap kakanda. Terima kasih.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Semalam rakan saya daripada Jelutong tiada. Saya sudah beritahu pun saya sudah mengambil tindakan di mahkamah dan peguam saya dalam proses... *[Dewan riuh]* Tidak mengapalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Pada 12 Februari 2010, saya terpaksa mengambil langkah berani berhijrah daripada PKR menjadi Ahli Parlimen BEBAS tanpa ikatan kepada mana-mana parti. Asas kepada penghijrahan ini adalah kerana keyakinan saya kepada perjuangan PKR dan Pakatan Rakyat sudah diselubungi keraguan. Keraguan saya adalah berdasarkan kepada landasan perjuangan Pakatan Rakyat iaitu berteraskan reformasi dan perubahan sudah menjadi perjuangan untuk

agenda peribadi. Ini terbukti apabila pembohongan dan putar belit agenda 16 September terbongkar. Agenda merampas Putrajaya *at all cost*, dengan izin.

Keghairahan mereka sehingga terhegeh-hegeh menghantar delegasi sandiwara dianggotai Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Machang dan lain-lain ke Taiwan membuntuti Ahli Parlimen Barisan Nasional demi melaksanakan agenda sempit mereka. Saya masih teringat bagaimana pada masa itu, kami Ahli Parlimen Pakatan Rakyat diperkudakan, diperalatkan dan dipermainkan. Kami dibohongi kononnya jumlah Ahli Parlimen BN yang akan melompat sudah lebih daripada mencukupi dan saya masih ingat antara nama-nama yang disebut adalah seperti Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kimanis, termasuk ini Yang Berhormat Kinabatangan... *[Ketawa]* Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Batu Pahat... *[Tepuk]* Termasuk juga Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Gua Musang.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Betul, betul, betul.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Malahan salah seorang Timbalan Speaker dikata akan sama melompat ke dalam PKR... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Siapa dia?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak mengapalah. Saya jawab kemudian itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Timbalan Speaker yang mana Yang Berhormat?... *[Tepuk]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Datuk tahu siapa, tahulah. Tidak perlu saya sebut... *[Ketawa]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Boleh mencelah Yang Berhormat Bayan Baru? Yang Berhormat Bayan Baru mengambil *floor* ini untuk mendedahkan kononnya berbagai-bagai lakonan yang telah dilakukan oleh ketua umum. Akan tetapi, bolehkah Yang Berhormat Bayan Baru boleh memberitahu bahawa Yang Berhormat Bayan Baru bukanlah ahli Biro Politik, Yang Berhormat Bayan Baru hanyalah seorang Ketua Perhubungan Negeri Pulau Pinang yang tidak berada dalam Biro Politik?

Kedua, Yang Berhormat Bayan Baru jangan hina kerusi Speaker sebab tidak pernah sekali pun Kerusi Speaker dibincangkan *[Dewan riuh]* Jadi... *[Tepuk]* Saya hendak cabar Yang Berhormat Bayan Baru di sini juga...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Di Perak.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Siapakah Yang Berhormat Bayan baru maksudkan Timbalan Speaker di sini? Terima kasih.

■1150

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Biro Politik tidak Biro Politik saya tidak tahulah Yang Berhormat Sungai Petani. Akan tetapi inilah firaun-firaun kecil yang dimaksudkan. Kalau disebutkan tadi bermakna benarlah apa yang saya katakan tadi memang perkara itu dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ada lagi?

Beberapa Ahli: *Baiah! Baiah! Baiah!*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya buat *baiah* kerana tidak hendak keluar parti.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini yang tidak hendak mengaku, apa hal ini?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, terima kasih. Saya rasa dari apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru dia pun tidak tahu dia biro politik atau tidak, lalu kalau dia tidak tahu dia biro politik atau tidak, saya rasa yang nama-nama yang semua disebut itu biasalah bukan? Itu strategi kita. Semua kita sebut kerana ada... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ada tipulah itu!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada orang yang boleh kita percayai.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Agaknya dia yang bohong selalu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan ada orang yang tidak boleh dipercayai. Orang yang tidak boleh dipercayai kita beri semua nama. Samalah macam BN! Ramai yang dia tidak percaya, yang dia tidak percaya semua dia hantar pergi Taiwan. Haa! Ini jangan kita lupa ya. Lalu saya rasa kenyataan Yang Berhormat Bayan Baru ini tidak ada nilai. Kalau dia bukan ahli biro politik dan dia pun tidak tahu dia ini ahli Biro Politik ataupun tidak...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh, eh, eh, eh...!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Saya rasa *he doesn't know* dengan izin, *he doesn't know anything!*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini cakap kosong!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak mengapalah. Terpulanglah Yang Berhormat Shah Alam. Saya tidak tahu apa sebab itu saya boleh cerita benda ini. Percayalah kamu kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan. Minta laluan... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Beri saya sekejap lagi. Sekejap lagi. Ini semua kawan, sekejap lagi.

Seorang Ahli: Jawab soalan dahulu!

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Semalam juga saya sentuh tentang...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Shah Alam jangan lari.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang di-Pertuan Agong yang sedang menunggu di istana yang diceritakan oleh Ketua Umum Parti Keadilan dan telah mengesahkan jumlah MP Barisan Nasional yang akan melompat. Juga memberi perkenan Tuanku untuk Pakatan Rakyat membentuk Kerajaan Persekutuan. Malahan Yang di-Pertuan Agong dikatakan sudah perkenan dan merestui Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai Perdana Menteri keenam. Oleh sebab itu nombor kereta pun tukar WMK6... [*Dewan riuh*]

Kami disogok cerita kononnya Panglima Angkatan Tentera dan Angkatan Tentera Malaysia juga memberi sokongan membentuk Kerajaan Persekutuan oleh Pakatan Rakyat. Pada masa itu kami ahli-ahli Pakatan Rakyat khususnya PKR pada masa itu diarah berada di kawasan Parlimen kononnya untuk mengambil alih kuasa. Ini semua satu pembohongan. Keyakinan saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okeylah. Baik, baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hei pengantin baru, selamat datang! *Handsome*, cantik isteri juga... [*Ketawa*] Rambut pun hitam macam Yang Berhormat Bayan Baru. Hati pun hitam macam Yang Berhormat Bayan Baru. Okey... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Putrajaya beri saya cakaplah kalau tidak *you* bangun cakap!

Yang Berhormat Bayan Baru, saya terkilan juga apabila Yang Berhormat Bayan Baru sabitkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baik kalau mahu cakap bangunlah. Jadi Yang Berhormat Bayan Baru tadi katakan dia minta kita semua ini tunggu. Saya ini seorang *reformist*. Di mana Yang Berhormat Bayan Baru semasa kita berjuang di jalanan? Di mana kamu? Kemudian hari ini kamu datang ke Dewan ini, kamu buat pembohongan paling besar!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebut “Yang Berhormat”, jangan “kamu”.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bayan Baru... Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Bayan Baru buat pembohongan paling besar yang kaitkan saya juga. Kaitkan Padang Serai. Ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bayan Baru juga orang yang sama.

Jadi hari ini tentera upahan beberapa pihak di mana pada hari itu bila duduk bersama-sama dengan kami. Duduk dalam Mesyuarat Pimpinan Negeri Pulau Pinang mengakui bahawa Yang Berhormat Bayan Baru sama dengan semua pimpinan tidak akan mohon untuk pingat. Akan tetapi... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak duduklah, tidak ada apa-apa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dengarlah! Dengar. Duduklah!

Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah minum pagi atau belum?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tiba-tiba pingat ini...

Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah minum pagi atau belum?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bankrap saja, sudah bankrap.

Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah minum pagi atau belum?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bayan Baru juga selepas itu MPN (Majlis Pimpinan Negeri)...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hutang sudah bayar? Hutang, hutang?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Bersetuju dengan Majlis Pimpinan Negeri bahawa beliau tidak akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Bahawa beliau tidak akan minta untuk pingat tetapi beliau telah menulis satu surat kepada Ketua Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hutang sudah bayar, hutang?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Meminta supaya diberikan gelaran Dato' Seri dan juga sekali gus Yang Berhormat Bayan Baru kaitkan Yang Berhormat Ipoh Timur dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor supaya terima gelaran Dato' Seri sama... *[Dewan Riu]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat berhentilah. Itu Yang Berhormat Puchong pun tidak mahu dengar. Tengok. Yang Berhormat Puchong pun tidak mahu dengar.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Betulkah dia minta anugerah dari komunis dan diktator itu, betulkah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya betul.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Dia minta anugerah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong seorang sahaja bercakap Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi hari ini Yang Berhormat Ipoh Timur bersama dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor masih berpegang kepada prinsip kemanusiaan dan perjuangan. Akan tetapi kamu Yang Berhormat Bayan Baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan pakai "kamu".

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bayan Baru. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bayan Baru, kamu hipokrit paling besar di dunia ini!... *[Dewan Riu]* Dan tidak malu duduk di dalam Dewan ini. Tidak malu! Hari itu, ini kah Menteri Silam, Menteri-menteri ini yang kamu hina tetapi hari ini kamu memilih untuk hina kita kah? Inikah kemanusiaan yang ada kepada seorang Ahli Parlimen? Malu! Saya

lebih rela berkawan dengan mereka yang lawan dengan saya tetapi saya tidak akan berkawan dengan mereka yang mengkhianati...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Amma!*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Mengkhianati perjuangan dan kepercayaan yang diberi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa pendapat Yang Berhormat Bayan Baru, setuju tidak dengan saya?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bayan Baru, tunggu dahulu. Duduk sekejap.

Yang Berhormat, saya boleh menerima debatan dan walaupun Orang Putih kata *robbers* tetapi gunalah perkataan yang sebenarnya diguna selalu di Parlimen. Perkataan "kamu" Yang Berhormat Padang Serai tidak boleh dituju kepada Ahli-ahli Parlimen, tidak baik. Jadi kita...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Lesson number one.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Dia sudah tarik balik jadi dalam *Hansard* tolong jangan gunakan "kamu". Semalam pun ada orang yang pakai "kamu", ada yang membantah juga. Jadi hari ini kita tidak mahulah guna "kamu". Tolong jangan pakai "kamu". Yang Berhormat Bayan Baru, sila.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan sedikit.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ada lagi?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sedikit sahaja. Satu minit.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Segambut, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru satu soalan. Kawan yang selama 20 tahun lebih penting atau sebuah syarikat yang bernilai dua ringgit? Mana yang lebih penting?... [*Dewan Riu*h]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya sedihlah Tuan Yang di-Pertua. Cerita 'lagu' ini 'dok' tanya saya. Yang Berhormat Padang Serai ini saya hairan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu 'lagu' lamalah.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Di Dewan berkobar-kobar, duduk dekat luar minum kopi hendak bercium dengan kita... *[Ketawa]*
Jadi...*[Dewan riuh]*

■1200

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Jadi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bayan Lepas...

Seorang Ahli: Mana boleh jawab... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lawan saya, saya cium. Pengkhianat saya tidak akan salam.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Sudahlah, saya hendak jawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lawan, saya akan cium. Pengkhianat, saya tidak akan salam pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pernah kah saya salam selepas Yang Berhormat Bayan Baru mengkhianati perjuangan ini, pernah kah? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tidak akan salam pun... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Macam ini Yang Berhormat Kinabatangan, saya salam. Ampunkan saya, saya salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk sekali lagi Yang Berhormat Bayan Baru. Tolong duduk Yang Berhormat Bayan Baru. Perkataan pengkhianat itu juga tidak boleh pakai, Yang Berhormat. Saya sudah sebut ini, pada sesi yang lepas pada sebut perkataan-perkataan mengkhianat ini salah, Yang Berhormat. Jadi, tolonglah lain kali jangan *repeat* lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pengkhianat tidak boleh, mengkhianati boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, sila Yang Berhormat Bayan Baru. Jadi, Yang Berhormat Bayan Baru pun dalam ucapan jangan guna perkataan pengkhianat ini ya.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, keyakinan saya terhadap perjuangan Pakatan Rakyat hancur berkecai selepas 16 September apabila melihat amalan politik sempit yang ditunjukkan oleh pimpinan Yang Berhormat Bagan merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang. Tadi ada soalan tentang Dato' Seri yang saya dapat. Kalau ada surat yang saya tulis saya minta Dato' Seri, tolong tunjukkan. Tolong tunjukkan surat yang saya tulis.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya boleh tunjukkan. Saya ada surat yang ditulis oleh Yang Berhormat Bagan. Saya akan tunjukkan kalau benarkan saya mencelah.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Itu Yang Berhormat Bagan tulis, bukan saya tulis.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya akan baca. Kalau betul Yang Berhormat Bagan sudah hancur keyakinan...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sekejap. Yang Berhormat Bayan Baru hendak beri peluang untuk dia baca?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Benda ini tidak relevan Tuan Yang di-Pertua. Suruh duduk... *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Apa tidak relevan? Dia baru cabar saya tunjuk surat... *[Dewan riuh]* Sekarang ada surat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kita ada bukti, ada surat. Biar, biar. Bila dicabar, biar begitu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya menghormati Yang Berhormat Bagan kalau betul selepas ...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Yang Berhormat Bayan Baru selepas 16 September 2008 dia sudah hilang segala keyakinan terhadap perjuangannya. Saya ingin bacakan surat yang ditulis pada 8 Jun 2009. Dia sebutkan dengan izin "*I suggest that the Council of Pakatan Rakyat in Penang should meet at least once a month, so*

that the top leaders to discuss, mingle and interact better with one another. I also suggest that you chair the Pakatan meeting in Penang”.

Dia suggest seorang yang berfahaman komunis, berfahaman sempit untuk chair Pakatan Rakyat di Penang. Di sini Yang Berhormat Bayan Baru sebut *“On the issue of confirmation of the title of Dato’ Seri, I would like to express my sincere gratitude to the TYT, the Governor for recommending me to receive it which got your kind support”...*

[Dewan riuh]

“...Your kind support. However, I understand from the meeting, TYT also proposed your good self for the award of Dato’ Seri, of which you declined to accept, and the TYT then suggested the award be given to your father Yang Berhormat Lim Kit Siang, who has contributed much to the nation. As a matter of respect to TYT, I would only accept the award of Dato’ Seri in conjunction with your father’s acceptance of the same”.

“I wish to make it clear that I want to work closely with you and maintain a relationship that is both sincere and fraternal in nature. I also look forward for a good working relationship between you and representative of the State Government, Yang Berhormat Mansor, Yang Berhormat Malik, and Yang Berhormat Law”. Inilah surat yang ditulisnya pada tahun 2009...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini...

Dato’ Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *What is your...*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Buktinya menunjukkan bahawa Yang Berhormat setuju untuk terima...

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Okey, faham. Saya faham.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...Title itu.

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Batu balik, pergi *check* tengok *accident* yang bawa kereta, yang orang mabuk, pun berlaku juga. Kalau dengar percakapan orang lah. Akan tetapi...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Biar saya jawab.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya minta tarik balik isu mabuk itu sebab ini tidak ada bukti dan ini juga satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa ini Yang Berhormat, apa yang disebutkan tadi?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Dia sebut saya mabuk... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak dengar... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Saya dengar percakapan orang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada sebut nama.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Tidak mahu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *I think.*

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Tidak. Benda ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak dengar dengan jelas Yang Berhormat.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, saya tidak boleh beri arahan... *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *So,* saya tidak mahu perkara ini ada dalam *Hansard.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar dengan jelas dia kata...*[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bayan Baru kata bahawa Yang Berhormat Batu ini kena ingat fasal dia bawa kereta, mabuk. Dia kata macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, okey. Duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Insiden itu bukan Yang Berhormat Batu yang bawa kereta.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak sebut nama pun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Driver* yang bawa kereta.

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak sebut nama pun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Yang Berhormat Bayan Baru tarik perkataan “mabuk” terhadap Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya akan beri keputusan, Yang Berhormat. Saya akan baca *Hansard* lah. Saya tidak dengar. Saya Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak dengar, saya tidak boleh buat *ruling* berlandaskan apa Yang Berhormat Padang Serai dengar.

Jadi, Yang Berhormat Padang Serai bukan Tuan Yang di-Pertua, jadi dia tidak boleh beri *ruling* lah... [Ketawa] [Dewan riuh]

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Betul, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Esok saya akan buat *ruling*, Yang Berhormat.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Saya serahkan keputusan itu kepada Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Hendak jawab tentang surat tadi itu. Surat itu bukan saya minta Dato' Seri. Yang itu dicadangkan oleh Tuan Yang Terutama. Kalau tidak faham bahasa Malaysia, belajar dengan Yang Berhormat Bagan. Dia boleh ajar *you* bahasa Malaysia dengan lebih baik. Jadi, janganlah putar belit. Koman! Isu yang dia bawa pun tiada isu. Saya hendak teruskan. Akan tetapi, kalau hendak peringat balik surat itu tadi, biarlah. Selepas surat itu, saya bincang. *Awat*, buruk sangat kah terima Dato' Seri? Ini satu anugerah yang saya rasa memberi penghormatan kepada saya.

Pada masa itu, saya sebagai pengerusi menganggap sebagai penghormatan kepada Keadilan. Kalau Ahli-ahli Keadilan tidak...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh mencelah?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak ucapkan tahniah.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Beri dia dahulu, beri dia dahulu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Serai kerana diberi Dato' Seri.

Seorang Ahli: Bayan Baru.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak minta penjelasan supaya Yang Berhormat jelas. Soalan yang berbangkit, Yang Berhormat tulis surat kepada Ketua Menteri kononnya Yang Berhormat minta *title* Dato' Seri. Surat yang dibaca oleh Yang Berhormat Batu, itu surat Yang Berhormat menghargai di atas tawaran Yang Berhormat untuk dapat Dato' Seri. Jadi, ini satu kekeliruan. Jadi, bermaknanya Yang Berhormat tidak tulis itu surat penghargaan. Ini yang mesti dibetulkan.

Seorang Ahli: Bukannya minta.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bukannya minta.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Terima kasihlah. Inilah kawan BEBAS yang bagus, yang setia... [Ketawa]

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Cantik, cantik.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Slogan baru '*Middle Malaysia*' yang ditukar daripada '*Malaysian Malaysia*' membuktikan agenda perkauman yang sempit di bawa oleh Yang Berhormat Bagan. Nasib bangsa Melayu dan umat Islam makin terpinggir dan makin teraniaya. Bukan sahaja golongan bawahan dan murahan teraniaya, malahan institusi Islam juga dipermainkan. Bukan sahaja institusi seperti Pusat Zakat menjadi mangsa mainan politik slogan mereka, malahan cubaan membatalkan Sambutan Perarakan Maulidur Rasul membuktikan sikap anti Islam yang menebal di bawah kepimpinan Yang Berhormat Bagan.

Namun, Yang Berhormat Bagan bukan sahaja gagal menjawab teguran dan kritikan saya, sebaliknya memilih untuk melemparkan fitnah dan tohmahan yang jahat terhadap saya dan ahli keluarga yang kononnya saya terlibat dalam tender Kelab Golf Bukit Jambul...

Seorang Ahli: Dua ringgit.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Yang anak saya kononnya mempunyai kepentingan satu syarikat dua ringgit. Seperti saya katakan semalam, saya telah mengarahkan peguam saya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap dia.

Akan tetapi yang paling malang bagi saya, tindak tanduk *dictatorial, chauvinist, extremist* anti Islam ala komunis ini daripada Yang Berhormat Bagan memang kita tahu terserlah. Akan tetapi, yang sedih ialah ia dapat sokongan padu daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, seorang pemimpin Melayu yang kononnya menjadi juara Islam, juara keadilan dan juara segala juara...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Zahrain bin Mohamed [Bayan Baru]: Sikap Yang Berhormat Permatang Pauh ini telah mengembalikan ingatan saya kepada lipatan sejarah yang lalu, kini saya menyedari bahawa...

■1210

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak apalah, bagi saya habis dululah. Sikap Yang Berhormat Permatang Pauh ini telah mengembalikan ingatan saya kepada lipatan sejarah yang lalu, kini saya menyedari bahawa kita rakyat di negara ini berdepan dengan seorang manusia yang bertopeng pelbagai watak. Ini juga watak yang sama yang menyokong pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan inilah badan kehakiman yang dipertikaikan kewibawaannya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh hari ini. Alangkah ironisnya bagaimana roda Keadilan berputar, dahulu beliau bertindak zalimi badan kehakiman dan kini beliau pula yang mendendangkan lagu dizalimi oleh institusi yang beliau zalimi sendiri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Dewan riuh]* Tidak bolehlah, jangan buang masa lah, orang lain saya bagi, dia dah putus hubungan dengan saya, tidak apa. Kita tidak lupa inilah juga watak yang membiarkan Almarhum Dato' Mufti Selangor dipecat dan hari ini mendabik dada kononnya dia mahu memperkasa institusi Islam. Janganlah kita lupa inilah orang yang semasa berkuasa dahulu menggelar Sahibul Fadhilah Tok Guru Nik Aziz, Mursyidul Am Pas sebagai "ulama terompah". Ini orangnya yang menjadi Hang Tuah membinasakan institusi Raja-Raja Melayu pada isu kekebalan Raja-Raja Melayu, berbangkit tahun 1990-an, dan hari ini kononnya mahu mempertahankan institusi Raja-Raja Melayu.

Sejarah tidak pernah berbohong Tuan Yang di-Pertua, dan sejarah akan membuktikan bahawa kita sedang berdepan dengan seorang manusia yang sanggup membuat apa sahaja untuk mencapai matlamatnya. *Political expediency at all cost,*

dengan izin. Putrajaya sudah menjadi seperti milik mutlaknyanya, tetapi saya yakin Putrajaya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Padang Serai jangan kacau saya Tuan Yang di-Pertua. Putrajaya sudah menjadi seperti mutlaknyanya tetapi saya yakin Putrajaya akan berubah menjadi mimpi ngeri beliau. Saya cukup yakin keputusan saya meninggalkan PKR dan berhijrah adalah tepat dan benar, saya tidak mahu sejarah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada sangkut paut dengan apa yang disebut Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Menghukum saya kerana tidak berbuat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta laluan...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya dah minta Yang Berhormat Padang Serai jangan ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini bersangkut paut dengan apa yang dia katakan mengenai dia keluar Keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Minta penjelasan dahulu, kalau dia tidak bagi, tidak bolehlah.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Padang Serai, kalau tak tahan, duduk luar minum kopilah.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan meninggalkan PKR dan berhijrah adalah tepat dan benar saya percaya. Sebab itu saya tidak mahu sejarah menghukum saya kerana tidak berbuat apa-apa dalam keadaan ini. Saya tidak mahu generasi akan datang melihat saya sebahagian daripada gerombolan yang menjahanamkan dan merosakkan negara, bangsa dan agama saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapan Baginda melahirkan kedukacitaan tentang perbuatan fitnah, pembohongan dan putar belit fakta terutamanya oleh media baru termasuk media portal. Saya menyokong penuh titah Tuanku ini dan ingin menegaskan bahawa titah Tuanku itu sebenarnya ada kaitan

dengan sikap *political expediency at all cost* ini yang tidak terhenti kepada politikus-politikus bertopeng ini, malah menular ke *mouthpiece* mereka iaitu media portal *Malaysiakini*.

Saya menyaksikan sendiri bagaimana perbuatan politik bertopeng pelbagai wajah ini memperkuda media portal untuk agenda jahat mereka. Baru-baru ini saya telah terpilih mengikut rombongan lawatan kerja Delegasi Parlimen Malaysia ke Washington D. C. untuk memperkukuhkan hubungan dua hala Malaysia dengan Amerika termasuk menambah baik hubungan dagangan Malaysia-Amerika. Ini termasuk lawatan ke Kongres Senat dan *US Trade Representative* dan juga menghadiri satu forum tertutup yang dianjurkan oleh *Center for Strategic International Studies (CSIS)* Amerika Syarikat. Saya sangat terkejut apabila penganjur daripada CSIS memaklumkan kepada kami bahawa mereka menerima panggilan daripada seorang Pembantu Khas Yang Berhormat Permatang Pauh bernama Aasil Kazi Ahmad yang meminta pihak penganjur CSIS membatalkan forum tersebut... [*Dewan riuh*]

Ini adalah kerana selama ini Yang Berhormat Permatang Pauh telah memonopoli sebarang pertemuan dengan pihak Amerika dan menentukan apa jenis maklumat yang boleh disampaikan kepada pihak pentadbiran Amerika. Namun senario ini berubah dengan usaha gigih Yang Berhormat Rompin... [*Tepuk*] Merangkap Duta Besar Malaysia yang baru ke Amerika dan Yang Berhormat Padang Rengas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan usaha ini telah berjaya memecahkan topeng politik mereka. Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Aasil Kazi Ahmad ini adalah seorang pembantu khas Yang Berhormat Permatang Pauh yang bekerja di Pejabat Ketua Umum PKR di Ibu Pejabat PKR. Beliau juga adalah seorang *spin doctor* bagi mereka khususnya bagi perhubungan luar dan antarabangsa mereka. Saya mendesak Kementerian Dalam Negeri untuk menyiasat watak bernama Aasil Kazi Ahmad ini.

Apakah dia mempunyai permit bekerja dalam negara ini dan sama ada beliau sebenarnya antara dalang-dalang antarabangsa yang memainkan peranan menggugat kestabilan negara. Saya mengesyaki Aasil Kazi Ahmad adalah warganegara Amerika berketurunan Pakistan, seorang warganegara asing yang pada saya adalah pengkhianat bagi negara ini. Bagi saya Malaysia tidak memerlukan pengkhianat asing seperti ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [*Menyampuk*] Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya mendesak supaya...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kalau pengkhianat tidak boleh digunakan, kita konsistenlah... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk orang asing boleh, untuk orang luar boleh.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya bagi kepada Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya memang betul-betul terkejut dan memang ianya merupakan satu kejutan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru. Campur tangan asing nampak begitu rancak sekali sejak Yang Berhormat Permatang Pauh berada dalam situasi tertekan dan saya maklum Yang Berhormat Permatang Pauh hari ini pun tidak ada dalam negara. Ada tidak maklumat Yang Berhormat Bayan Baru terima sama ada Yang Berhormat Permatang Pauh cuba membuat sesuatu pula di London pada hari ini. Mungkin juga hendak lobi Ahli-ahli Parlimen sana untuk buat kenyataan menentang negara kita dan sebagainya, ada tidak maklumat itu pada Yang Berhormat Bayan Baru? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Yang Berhormat Bayan Baru kalau tidak ada bukti yang nyata, jangan keluar sebagai satu anggapan, Yang Berhormat ya... [*Tepuk*]

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tidak kata apa Tuan Yang di-Pertua, ini ditanya oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Memang saya tidak tahu, yang saya tahu dia ke luar negaralah tetapi apa dia buat di sana, saya tidak mahu ceritalah, oleh itu saya mendesak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Satu lagi Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat mengatakan pengkhianat tadi, adakah dituju kepada Yang Berhormat Permatang Pauh ataupun pegawai dia yang menghantar mesej itu?

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tujukan kepada pegawai iaitu orang yang bernama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih, saya mendesak supaya KDN mengambil tindakan tegas dengan menghalau watak pengkhianat seperti ini. Selanjutnya semasa forum tertutup tersebut hanya wakil media

dari *Malaysiakini* yang datang dari San Francisco dibenarkan oleh penganjur hadir untuk membuat liputan. Apa yang mengejutkan saya, laporan awal mengenai forum tersebut tidak pula dilaporkan dalam *Malaysiakini*, sebaliknya muncul di laman portal yang kononnya dimiliki oleh Raja Petra.

Raja Petra ini seorang *fugitive* yang bankrap dan kini dalam pelarian. Ini adalah laman web yang sering dipergunakan oleh pimpinan Pakatan Rakyat untuk melempar fitnah terhadap sesiapa yang menjadi sasaran mereka. Terutamanya yang tidak sehaluan dan tidak menyokong mereka secara membabi buta. Ternyata laporan awal wakil *Malaysiakini* disalurkan kepada Raja Petra untuk dicanaikan dahulu.

Laporan mengenai forum berkenaan yang disiarkan dalam portal milik Raja Petra tersebut sarat dengan fitnah, pembohongan dan putar belit fakta. Sehari dua selepas itu, laman web *Malaysiakini* pula menyiarkan laporan mengenai forum tersebut dengan memetik daripada laman web milik Raja Petra tersebut tetapi tanpa fitnah, pembohongan dan putar belit fakta, ini permainan. Ini jelas membuktikan *Malaysiakini* dan Raja Petra bersekongkol, *hand in glove* dengan pimpinan Pakatan Rakyat untuk melakukan putar belit laporan dan *character assassination* terhadap sesiapa juga yang menjadi batu penghalang kepada impian mereka merampas Putrajaya *at all cost*.

Saya yakin teguran Tuanku tepat pada masanya, dan saya menyokongnya dengan penuh. Saya mendesak Suruhanjaya Multimedia dan pihak berkuasa untuk melakukan siasatan menyeluruh dan mendalam terhadap kedua-dua laman portal *Malaysiakini* dan Raja Petra, terutamanya sama ada mereka menerima pembiayaan kewangan daripada politikus-politikus bertopeng ini.

■1220

Saya ingin mendedahkan bahawa sebenarnya Raja Petra ini hanyalah barua politikus bertopeng. Beliau ini hanyalah bertindak sebagai *ghost writer*, penulis berhantu. Penulis hantu sebenarnya ialah mereka yang menjadi *mercenary writer*. Penulis-penulis upahan yang dibayar oleh mereka dan saya tahu Raja Petra kini dilindungi di sebuah kediaman mewah di London, milik seorang pemimpin kanan PKR... *[Disampuk]* Insyallah tiba masanya yang sesuai, saya akan dedahkan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita mahu nama, kita mahu bukti.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: ...Siapa dalang yang membiayai penulis ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Namakan, namakan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *decorum* sedikit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cakap omong-omong kosong sahaja. Kita minta. Ini Dewan. Kalau berani, kasi nama. Kalau dia tahu, dia boleh sebut. Yang Berhormat Bayan Baru, saya minta nama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bukan seperti Yang Berhormat Bayan Baru yang hilang kepercayaan sembilan ketua cabang di Penang... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sembilan daripada sepuluh ketua cabang Penang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bayan baru tidak bagi laluan, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak, saya mahu nama dia. Ini saya tidak boleh terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Padang Serai tidak mahu dengar penipuan, tanpa bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dia tidak bagi laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, Yang Berhormat Bayan Baru?

Beberapa Ahli: Okey.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *Ammak! [Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa saya kenal pasti salah seorang penulis *Malaysiakini* iaitu Terence Netto adalah penulis upahan yang menjadi *spin doctor* kepada politikus bertopeng ini. Ini adalah golongan yang mengamalkan politik jijik dan kotor. Dasar matlamat menghalalkan cara yang akan menyebabkan pengasas fahaman

Machiavelli boleh mati terkedu. Ini kerana Machiavelli merumus dasar matlamat menghalalkan cara untuk kepentingan mereka...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: ...bukan kebajikan rakyat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya minta laluan.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okey.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Bayan Baru. Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan sekalian. Saya merasakan bahawa Dewan ini telah disalahgunakan. Ini ialah ibarat suami isteri yang telah bercerai. Semasa berkahwin, berkasih-kasihan, semuanya cantik belaka. Bila sudah bercerai, semuanya nampak tidak elok...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Pengalamankah?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya sebenarnya tidak menyebelahi sesiapa.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kadi hendak datang depan itu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita ada banyak perkara hendak dibawa. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita telah membuang banyak masa Dewan ini. Semalam yang dibaca diulang kembali dan perkara ini bukanlah perkara baru. Sudah keluar dalam akhbar, apa perlu dibawa ke Dewan lagi... *[Disampuk]* Sekiranya bercakap mengenai *spin doctors*, sebelah sana ada *spin doctors*, sebelah sini ada *spin doctors*. Sebelah saya ada upahan, sebelah sini ada upahan. Tidak boleh lari, ini politik. Sekiranya kita menggunakan Dewan, Yang Berhormat Bayan Baru menunjuk kepada Dato' Seri Anwar satu jari, tiga jari kepada dia. Yang tiga jari kepada dia. Jadi saya harap, sudahlah, jangan buang masa Dewan lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru, bagi saya laluan. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya Yang Berhormat Kota Raja berterima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru kerana Yang Berhormat Bayan Baru menceritakan cerita yang sebenarnya. PAS sepatutnya jangan terasa apa-apa. Seperti cerita bagaimana Yang Berhormat Permatang Pauh bercerita bahawa Mursyidul Am, Nik Aziz sebagai terompah kayu. Ini cerita yang diceritakan oleh Yang Berhormat

Permatang Pauh. Jadi patutnya PAS berterima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru kerana menceritakan keburukan yang memburukkan PAS. Jadi tidak payahlah orang PAS rasa marah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan. Saya minta laluan sedikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jugalah dan saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Fakta-fakta ataupun pembohongan yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, semua dalam maklumat kita, kita tahu, bukan kita tidak tahu apa yang dikatakan pembohongan itu dan kita tahu pembohongan, dia yang kata pembohongan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Pembohongan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, bukan saya kata. Pembohongan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru itu kita tahu. Pada kita, perkara ini bukanlah perkara baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tolong, tolong, Yang Berhormat. Tidak boleh dengar, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jangan bercakap. Siapa hendak cakap lagi? Bila saya hendak bercakap, bising macam ini. Ini adalah skrip yang ditulis, diulang-ulang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Buang masa kita. Semalam sudah cakap, kenapa hari ini hendak cakap lagi. Apa sebenarnya tujuan Yang Berhormat Bayan Baru? Saya hendak cakap Yang Berhormat Bayan Baru pada hari ini, pada masa ini, ingatlah dengan nama Allah, apakah yang kita cakap itu pembohongan atau tidak... *[Dewan riuh]* Kenapa, saya sebut nama Allah, tidak boleh, kenapa, apa masalah? Ingat dengan nama Allah, adakah kita buat itu betul-betul ikhlas? Yang kita cakap orang bohong itu, benarkah kita tidak berbohong.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Baru sekarang ingatkan Allah. Buat fitnah tidak ingat Allah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dan saya ingatkan, insafilah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya nampak. Jangan emosi sangatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sekijang, duduklah. Yang Berhormat Sekijang, biar ia reda sedikit supaya kita boleh dengar perkara-perkara yang berlaku.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Biar saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hendak kita sedar apa benda yang berlaku ini.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sekali, sekali.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okeylah, sekali.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru ini adalah sebahagian yang disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang mana menyebut fitnah dan pembohongan. Inilah yang disebut. Kenapa kita terasa? Kalau sudah terasa, kita terima sahajalah. Apa yang kita kata pembohongan, ini satu kemungkaran yang perlu kita terima hakikat yang sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Titiwangsa tadi emosi sedikit, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya peringatkan, Yang Berhormat Bayan Baru kalau hendak bagi, jangan dua, tiga sekali ya. Bagi seorang, seorang sekali.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Seorang jawab, seorang jawab, selepas itu, jadi kita tidak bising sangat, dapat dengar sedikit.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Saya rasa Yang Berhormat Titiwangsa tadi emosi sedikit. Jadi bagi saya kalau sudah tahu perkara itu dok ada dalam Pakatan Rakyat, pembohongan dan fitnah ini, ini satu kemungkaran yang kita harus tidak terima. Ikutlah cakap Yang Berhormat Bagan, amar makruf, nahi mungkar... *[Ketawa]* Ya, seperti Umar Abdul Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjemput Tuan Yang di-Pertua dan mereka yang berminat untuk membaca semua tulis Terence Netto ini dan membuat penilaian sendiri tetapi saya yakin tiada rumusan lain yang akan dapat dibuat melainkan bahawa *Malaysiakini*, Raja Petra, Terence Netto adalah penulis-penulis yang digunakan oleh politikus-politikus bertopeng ini. Saya mendesak supaya Suruhanjaya Multimedia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah untuk menyiasat penulis upahan Terence Netto dan dalang di belakang beliau. Negara ini tidak memerlukan manusia yang bertopeng seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, teguran Yang di-Pertuan Agong hendaklah diambil dengan serius. Saya mengingatkan diri saya dan rakyat negara ini bahawa jika tiada sebarang tindakan serius diambil terhadap mereka ini, percayalah bahawa budaya fitnah-memfitnah akan tumbuh subur dan mekar dalam negara tercinta kita dan janganlah kita menyesal kelak apabila budaya ini menjadi lumrah dalam masyarakat kita. Sekiranya budaya ini berterusan, saya yakin itulah petanda kepada kehancuran tamadun dan peradaban negara Malaysia kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk menegur pimpinan Barisan Nasional. Saya melihat keupayaan pimpinan Pakatan Rakyat menjalankan kegiatan memburukkan dan menghasut negara asing supaya membenci negara kita adalah kerana kelemahan dan kegagalan kerajaan untuk menangani masalah tersebut dengan serius dan terancang.

Contohnya, saya melihat perwakilan Malaysia di luar negara seperti para duta dan diplomat gagal menjalankan peranan untuk membuat program penerangan yang jelas dan berkesan... *[Tepuk]* Ada yang mengambil sikap tugas mereka ini hanya sekadar satu kerja mencari makan. Habis waktu pejabat, habislah tugas mereka. Saya percaya ramai para duta dan diplomat yang agak profesional, dan pakar dalam tugas mereka.

■1230

Namun begitu kadang-kadang mereka *overlook* kepentingan politik dan impak sesuatu isu kepada negara. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai semula strategi dan kaedah pelantikan para duta dan perwakilan Malaysia ke luar negara terutamanya ke negara-negara kritikal seperti Britain, Australia, Turki, Indonesia, India dan negara Timur Tengah. Saya mencadangkan agar kerajaan melantik ahli politik berpengalaman sebagai duta Malaysia ke negara-negara kritikal-kritikal ini. Saya melihat bagaimana keputusan melantik Yang Berhormat Rompin sebagai duta besar Malaysia ke Amerika Syarikat membawa kesan yang positif dalam menangani masalah ini... *[Tepuk]*

Saya tidak bermaksud untuk memperkecilkan para diplomat kita. Saya sedar dan insaf ramai di kalangan mereka telah berjaya mengukir nama sebagai diplomat yang hebat dan profesional. Nama seperti Tan Sri Razali Ismail adalah contoh yang pernah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Namun saya berpendapat bahawa di negara-negara kritikal ini, seorang duta yang mempunyai pendedahan

dinamik dunia politik tempatan khususnya akan dapat memainkan peranan yang lebih efektif.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan titah Yang di-Pertuan Agong yang pada saya memberi satu garis panduan dan hala tuju yang positif untuk dijadikan sebagai wadah untuk kerajaan melaksanakan dasarnya demi kebaikan dan kebajikan rakyat negara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Jasin.

12.31 tgh.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih memberi saya peluang untuk mengambil bahagian Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bagi merasmikan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia melalui inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkenalkan enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ini adalah satu yang luar biasa yang tidak banyak dilakukan oleh negara-negara lain di dunia ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, enam bidang NKRA ini sangat penting. Ia bukan sahaja merupakan cita-cita kerajaan tetapi juga merupakan hasrat rakyat. Kesemua bidang NKRA berserta sasaran pencapaian yang telah ditetapkan merupakan keinginan rakyat Malaysia seluruhnya tanpa mengira kaum dan di mana mereka berada sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Semua rakyat Malaysia inginkan pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Semua rakyat Malaysia di bandar ataupun di luar bandar dan di kampung-kampung inginkan hidup yang lebih selesa dan aman tanpa diganggu-gugat oleh penjenayah. Siapakah yang tidak mahukan kehidupan yang lebih baik dan selesa dan siapakah yang tidak mahu memperolehi pendapatan yang lebih tinggi dari apa yang mereka biasa perolehi sekarang.

Penduduk luar bandar khususnya di pedalaman Sabah dan Sarawak dan setengah-setengah kawasan di Semenanjung masih lagi berhadapan dengan kehidupan yang amat sukar dan getir. Kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih masih belum sampai kepada mereka.

Seluruh rakyat Malaysia juga ingin menikmati pengangkutan awam yang lebih baik. Maka kesemua NKRA yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri adalah untuk rakyat dan merupakan hasrat dan cita-cita rakyat. Maka benarlah apa yang dikatakan bahawa “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila sahabat.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya berminat hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Jasin mempertahankan dan memperjuangkan nasib rakyat di bandar dan juga di luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Jasin baru berucap dua minit. Jangan berucap lima minit Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Tidak, tidak Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja... *[Ketawa]* Saya hendak beri sokongan. Saya dari luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Ahli Parlimen luar bandar. Jadi apa yang disebutkan NKRA pengangkutan awam dan sebagainya, saya minta Yang Berhormat Jasin tekankan dan perjuangkan lebih sedikit. Di bandar kemudahan pengangkutan cukup baik cuma bagaimana hendak mempertingkatkan lebih baik tetapi di luar bandar, rata-rata kita dengar suara bahawa kemudahan pengangkutan ini masih kurang. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Jasin mengemukakan cadangan-cadangan yang lebih serius yang kita minta kerajaan supaya berikan perhatian serius kepada masyarakat luar bandar kerana hari ini merekalah yang cukup banyak menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang walaupun mereka miskin tetapi mereka bersyukur, berterima kasih atas pembangunan yang diberikan kerajaan kepada mereka. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat daripada Maran. Memang cukup tepat sekalilah. Kalau boleh saya hendak masukkan dalam ucapan saya. Inilah sebenarnya hasrat kita. Sebagai wakil rakyat yang telah diberikan mandat oleh rakyat, seharusnya kita dapat sama-sama mengetengahkan apa juga masalah yang dihadapi supaya kita penuh yakin Kerajaan Barisan Nasional memang adalah sebuah kerajaan yang benar-benar prihatin yang memberikan pembelaan kepada semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung balik. Dalam kesempatan ini saya ingin membincangkan hanya satu daripada NKRA yang telah ditetapkan iaitu memerangi rasuah. Peperangan suci ini harus berakhir dengan kemenangan seperti mana dengan NKRA yang lain. Memerangi rasuah juga adalah merupakan hasrat seluruh masyarakat

Malaysia. Rakyat ingin melihat supaya negara kita Malaysia yang kita cintai ini bebas dari rasuah dan juga korupsi. Persoalannya, apakah kayu pengukur yang mesti kita gunakan dalam menentukan sama ada kita berjaya dalam usaha murni ini?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membincangkan sedikit penanda aras yang telah diiktiraf masyarakat antarabangsa dalam memerangi rasuah ini dengan izin, *Global Corruption Barometer 2009* secara global melaporkan realiti-realiti berikut:

- (i) parti politik masih dilihat sebagai institusi yang paling korup;
- (ii) negara-negara yang dikatakan amat terjejas dengan amalan rasuah, negara kita Malaysia berada dalam kumpulan yang keempat di mana tujuh hingga ke 12% responden menyatakan mereka telah memberi rasuah dalam tempoh 12 bulan yang lepas. Malaysia berada bersama dengan negara-negara lain seperti Chile, Filipina dan juga Thailand;
- (iii) orang awam masih lagi mempunyai persepsi bahawa inisiatif kerajaan dalam usaha memerangi rasuah masih lagi tidak efektif.

Secara spesifik apakah yang telah dinyatakan mengenai negara kita Malaysia berikutan laporan 2009 ini:

- (i) 9% responden di Malaysia menyatakan bahawa mereka telah memberi rasuah sepanjang tahun 2008;
- (ii) rakyat Malaysia mempunyai persepsi berikut mengenai institusi-institusi yang korup. Parti politik – 42%, saya mohon maaf Parlimen dikata 4%, sektor swasta – 12%, pegawai awam – 37% dan institusi kehakiman – 5%.

Walaupun sebenarnya perkara ini pahit tetapi inilah realiti pendapat daripada *Global Corruption Barometer* iaitu satu daripada badan bebas dunia yang membuat pengukuran tetapi sekurang-kurangnya Malaysia tidaklah terakhir bahkan kita berada nombor empat dalam lima kumpulan.

■1240

Jadi kita sekurang-kurangnya ada baik jugalah. Tuan Yang di-Pertua, 42% responden rakyat Malaysia beranggapan bahawa parti politik adalah institusi yang *corrupt*. Akan tetapi kita jangan takut, parti politik termasuk semua. Namun begitu peratusan parameter yang dibuat oleh *Global Corruption* ini adalah juga persepsi. Manakala 37% responden mempunyai persepsi bahawa pegawai awam adalah *corrupt*. Ini pun persepsi. Tuan Yang di-Pertua, pada saya angka-angka ini masih tinggi,

menggerunkan dan berita buruk untuk negara kita Malaysia. Yang paling mengecewakan lagi kita ialah 67% responden rakyat Malaysia berpendapat bahawa tindakan-tindakan kerajaan memerangi rasuah masih lagi tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati, tentu semua kita termasuk yang berada dalam kerajaan tertanya-tanya apakah lagi yang mesti kita lakukan. Undang-undang Anti Rasuah pun kita ada, dan yang berkaitan telah pun diperkemas dan diperketatkan SPRM. Undang-undang yang memberikan perlindungan kepada *whistleblower* juga akan diperkenalkan. Badan Pencegah Rasuah telah diperkasakan menjadi suruhanjaya. Banyak kempen telah kita jalankan. Ikan jerung telah kita tangkap dan ikan bilis juga tidak terlepas. Banyak wang telah kita belanjakan untuk memberi latihan kepada kakitangan suruhanjaya. Lebih banyak lagi wang akan kita belanjakan. Jadi, apa lagi yang mesti kita lakukan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan sedalam-dalamnya untuk menggubal Akta Kebebasan Informasi ataupun dengan izin, *Freedom of Information Act*. Undang-undang atau Akta Kebebasan Informasi ini telah terbukti dapat menjadi senjata terpenting dalam peperangan menghapuskan rasuah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*sunshine is the best disinfectant*".

Tuan Yang di-Pertua, akta atau undang-undang kebebasan informasi ini ataupun FOI yang saya cadangkan memberi rakyat akses kepada dokumen yang dipegang oleh jabatan kerajaan. Akses kepada informasi telah terbukti menjadi senjata penting memerangi rasuah kerana ianya memperlengkapkan Ahli-ahli Parlimen, badan-badan antirasuah, media dan juga rakyat dengan alat bagi meruntuhkan tembok rahsia yang melindungi pegawai-pegawai dan kakitangan yang *corrupt*.

Undang-undang yang memberi akses kepada informasi awam ini juga telah terbukti menjadi alat yang penting dalam usaha-usaha pencegahan dengan izin, *secrecy is a breathing ground for corruption abuse of power and mismanagement*. Akta Kebebasan Informasi telah berjaya di Australia, di India, Kanada, Romania, Jepun, Mexico dan banyak negara yang lain. Saya amat pasti bahawa undang-undang ini akan juga berjaya di negara kita Malaysia. Sebagai bukti betapa pentingnya undang-undang ini 90 buah negara di dunia telah memiliki Akta Kebebasan Informasi. Negara maju, negara sedang membangun, dan negara kurang maju pun telah memilih senjata ini untuk memerangi rasuah dan pada waktu yang sama mempertingkatkan ketelusan kerajaan dan juga amalan demokrasi.

Seluruh negara Eropah memiliki undang-undang ini. India, Jepun, Korea, Hong Kong, Afrika Selatan, Pakistan, Angola, Jamaica, Uganda dan Zimbabwe pun dan banyak lagi negara-negara lain di dunia telah memiliki senjata ini. Jiran terdekat kita Indonesia telah memilih jalan yang sama dengan meluluskan Rang Undang-undang Kebebasan Informasi pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, dilihat daripada perspektif *international*, Malaysia telah memberi komitmen melalui tindakan kita membuat ratifikasi kepada dengan izin *The United Nations Convention Against Corruption* pada tahun 2008. Melalui penyertaan kita, dalam Pertubuhan Negara-negara Komanwel kita juga telah bersama-sama beberapa kali bersetuju memberikan pengiktirafan terhadap kepentingan kebebasan informasi dan memberikan akses kepada rakyat untuk mendapatkan dokumen awam. Malah yang lebih penting lagi...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya mohon laluan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya berminat tajuk, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat kesungguhan Yang Berhormat Jasin untuk melontarkan idea *Freedom of Information Act* iaitu satu jalan yang baik untuk kita mendapat apa-apa dokumen yang dirasakan perlu untuk mendedahkan maklumat-maklumat yang mungkin ada kaitan dengan rasuah. Cuma saya hendak minta pandangan, kalau itulah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jasin, apa pandangan Yang Berhormat Jasin kepada Akta Rahsia Rasmi atau OSA yang kadang-kadang disalahgunakan untuk melindungi rasuah. Saya mohon sedikit penjelasan. Tidak kiralah siapa yang jadi pemerintah. Mungkin satu hari nanti kami akan jadi kerajaan. Mungkin benda itu perlu juga.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Parit Buntar. Sebenarnya OSA diperkenalkan supaya kita dapat menentukan apa juga maklumat-maklumat yang diklasifikasikan tidak jatuh ke tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab supaya kita dapat melindungi rahsia kerajaan. Itu undang-undang OSA. Undang-undang ataupun akta yang saya cadangkan supaya rakyat biasa mempunyai akses kepada apa juga informasi maklumat-maklumat yang tidak diklasifikasikan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Malah yang lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai anggota badan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia bersama-sama

dengan seluruh negara yang lain telah memberikan iltizam bahawa, dengan izin, *Millennium Development Goals* adalah dicapai melalui dengan izin, *good governance*.

Malaysia telah memberi persetujuan untuk memberi hak kepada orang awam dan rakyat Malaysia bagi mendapatkan akses kepada informasi yang terdapat dalam dokumen-dokumen awam. Dengan izin, *The United Nations Convention Against Corruption* yang telah kita ratifikasikan juga menuntut kita untuk melakukan usaha-usaha bagi membasmi dan mencegah rasuah melalui memberi akses kepada informasi. Ini tersebut dengan jelas sekali daripada Artikel 9, 10 dan 13, Konvensyen ini yang memberikan penekanan kepada ketelusan proses dan meletakkan tanggungjawab kepada Malaysia untuk memberikan rakyat akses kepada informasi dalam usaha mencegah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, informasi adalah kuasa memberi rakyat akses kepada informasi merupakan satu jalan ke arah hubungan kerajaan dan juga rakyat yang lebih kukuh dan juga telus. Ketelusan ataupun *transparency* adalah kunci bagi menghalang dan juga mengesan dengan izin, *deter and detect* rasuah dan memelihara integriti kerajaan. Ketelusan boleh dicapai dengan pelbagai cara. Cara yang paling sistematik dan efektif adalah melalui memberi hak kepada rakyat untuk mendapat akses kepada informasi.

■1250

Informasi yang disimpan oleh kerajaan melalui pejabat-pejabat kerajaan bukan sebenarnya milik kerajaan sahaja tetapi juga untuk pegawai awam. Informasi ini adalah milik rakyat. Pegawai dan juga pejabat kerajaan menyimpannya sebagai pemegang amanah. Tuan Yang di-Pertua, informasi adalah *currency*, dengan izin, yang diperlukan setiap rakyat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat daripada Jasin. Saya sangat setuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi tentang keperluan maklumat kepada rakyat dan ketelusan dalam pengurusan dan pentadbiran negara. Keperluan untuk satu akta kebebasan maklumat atau dengan izin, *Freedom of Information Act* yang sekarang telah diikuti di hampir seluruh dunia, banyak negara telah mengamalkannya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Jasin, mungkin Yang Berhormat tidak tahu pada Mesyuarat Dewan yang mulia ini pada Mei 2008, saya telah bantangkan melalui usul, satu Rang Undang-undang Persendirian (*Private Members Bill*) untuk satu Rang Undang-undang

Kebebasan Maklumat. Malangnya sebab itu datang daripada pihak Pakatan Rakyat, itu dibenarkan dibahaskan di dalam Dewan ini.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada dalam Mesyuarat akan datang, Yang Berhormat sanggup bekerjasama dengan saya dan mungkin rakan-rakan lain, kita bentang bersama-sama. Saya akan tunjuk rang undang-undang itu kepada Yang Berhormat dan kalau boleh kita dapat sokongan daripada rakan-rakan masing-masing dan bentang sekali lagi rang undang-undang itu untuk dibahaskan di dalam Dewan ini. Saya nak tahu sama ada secara dasar *in principle*, saudara sedia untuk bermula langkah itu pada Mesyuarat akan datang. Sekian.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Kalau benda itu baik, kita akan sokong. Kalau benda tak baik, kita pun tak sokong tetapi saya pun nak tanya Yang Berhormat, baru-baru ini kerajaan telah berura-ura untuk memperkenalkan GST yang telah dipergunakan di seluruh dunia. Di Asia ini hanya Malaysia, Myanmar dan Brunei sahaja tidak menggunakan. Brunei memang tidak terikat dengan cukai. Kita tinggal dengan Myanmar. Sanggupkah Yang Berhormat nak samakan negara kita dengan taraf negara Myanmar. Saya lihat apabila kerajaan nak mencadangkan GST, seluruh Pembangkang nak buat demo, nak buat pertunjukan, membuat desakan. Ini sekarang benda yang baik. Itu pun benda baik juga bagi menentukan supaya kita dengan izin, *we are at par* dengan pasaran global. Jadi kalau benda baik, kita akan sokong patutnya...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin, mana satu nak bagi?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang barulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tak ingin masuk dalam perbahasan GST pada masa ini tapi saya nak tanya sahaja. Yang Berhormat Jasin kata oleh kerana 100 lebih negara menggunakan sistem GST di tempat lain, sebab itu kita perlu gunakan GST juga. Itu menjadi satu alasan yang digunakan oleh kerajaan untuk mengenalkan GST tapi pada masa yang sama, 100 lebih negara lain terutamanya negara-negara maju mengamalkan pemilihan pilihan raya tempatan tetapi Negara Malaysia tak nak ikut. Kenapa pula

negara lain, 100 lebih negara pakai *Local Government Elections* tapi Malaysia pula tolak. So, kenapa ada alasan yang digunakan tapi tidak konsisten ke atas polisi-polisi kerajaan?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu, Yang Berhormat lebih faham sebagai seorang peguam. Benda ini tidak termaktub dalam Perlembagaan. Maka, kerajaan tidak akan membuat apa-apa juga perkara yang berlawanan dengan undang-undang...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [*Menyampuk*]

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tidak. Kalau kita nak buat perkara ini, kalau tidak termaktub dalam perundangan, kita membuat satu perkara yang silap. Jadi sebagai peguam, kenapa kita mesti buat perkara yang salah?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: [*Bangun*]

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih Jasin. Saya nak tanya pendapat daripada Yang Berhormat Jasin, kita nampaknya di Malaysia ini menghadapi masalah di mana maklumat-maklumat dan kadang-kadang kertas-kertas rahsia pun boleh jatuh ke tangan parti Pembangkang. Jadi kalau ada akta, *Data Protection Act* seperti ini yang mungkin akan menambahkan lagi maklumat peribadi mengenai rakyat di Malaysia ini, adakah rakyat di Malaysia ini perlu takut kalau maklumat mereka akhirnya mungkin jatuh ke tangan Pembangkang juga kerana nampaknya sistem pengawasan dalam jabatan kerajaan ini sekarang ini tidak mantap dan tidak telus. Akhirnya, banyak maklumat kita jatuh ke tangan Pembangkang. Apakah pendapat daripada Yang Berhormat Jasin.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan. Terima kasih. Saya ada dua soalan di sini. Satu, saya rasa sekiranya itu adalah pandangan Yang Berhormat bahawa kerana sekiranya kita nak menjalankan *Local Government Election* sekarang, itu adalah salah kerana dia telah menyalahi undang-undang. Jadi saya cadanglah di sini, sekiranya memanglah Barisan Nasional ingin *restore Local Government Election*, jadi pindahkan undang-undang. Sekiranya Barisan Nasional takut bahawa mereka tidak ada 2/3 majoriti, jangan risau kerana Pakatan Rakyat kita di sini akan sokong pindaan itu supaya kita boleh memulih pilihan raya kerajaan tempatan. Itu soalan pertama.

Soalan kedua saya nak tanya di sini, tentang GST ini. Sekiranya memanglah GST ini adalah satu cadangan yang baik, satu polisi yang baik tetapi kenapa Barisan

Nasional sekarang cakap bahawa *the Second Reading of the GST Bill* akan ditunda, akan *dipostpone*. Nampaknya bagi saya, nampaknya Barisan Nasional sendiri juga takut, tidak ada keyakinan tentang polisi ini, betul tak?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin, mengenai pilihan raya kerajaan tempatan ini saya nak tanya pendapat Yang Berhormat Jasin, setuju ataupun tidak. Sebelum kita diyakini untuk pinda Perlembagaan dan sebagainya, lebih baik ada kata sepakat di antara parti-parti daripada pakatan Pembangkang ini. Sebab yang umum Pulau Pinang, Selangor. Kelantan masih lagi tak umum, Kedah pun tak buat keputusan lagi. Malah dalam *common policy framework*, perkara ini telah di *watered down*, telah dicair daripada satu tuntutan untuk dijadikan pilihan raya tempatan kepada komitmen untuk memperkasakan kerajaan-kerajaan tempatan.

Itu pun tidak ada kata sepakat. Nak minta kita pinda Perlembagaan. Tolong ada kata sepakat dulu di antara parti-parti pembangkang.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya dari Rembau. Ini memang cukup tepat sekali. Sahabat saya daripada Rembau ini Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Memang hebat... [*Dewan riuh*] Memang hebat, memang tepat itu. Saya fikir saya tak payah jawab lagi dah, tak payah saya jawab lagi. Masuk dalam ucapan sayalah. Saya hanya nak sentuh sikit apa sahabat saya dari Pulaui sebut tadi. Banyak daripada kertas-kertas rahsia dibocorkan ataupun lepas kepada tangan-tangan Pembangkang. Kalau ditanya "*Mana dapat ini barang?*" "*Dia masuk dalam peti surat saya*". "*Mana dapat ini barang?*" "*Someone throw*", kata dia. Orang ada baling kat rumah dia. Dia banyak cerita. Inilah alasan mereka. Apa pun, saya nak teruskan balik Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tengok saya sahaja. Informasi adalah dengan izin, *currency* yang diperlukan setiap rakyat untuk turut terlibat dalam kehidupan dan tadbir urus sesebuah masyarakat.

Lebih besar peluang rakyat mendapat akses kepada informasi, lebih besarlah dengan izin, *responsiveness* kerajaan terhadap keperluan rakyat. Sebaliknya, lebih besar sekatan terhadap *access* kepada informasi, lebih tebal lagi perasaan dengan izin, *powerlessness* dan perasaan terasing ataupun tersingkir dengan izin, *alienation* di kalangan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin, habis ke belum?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Minta sambung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada sesi pagi ini ditangguh dahulu dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempohkan pada 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Jasin untuk menyambung perbahasan.

2.32 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya bercakap tentang NKRA. Walau bagaimanapun bagi pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, NKRA dan KPI kerajaan dan juga Barisan Nasional yang lebih besar adalah untuk kekal menjadi kerajaan dan menawan semula negeri-negeri yang berada di bawah kawalan pembangkang. NKRA dan KPI yang telah ditetapkan dapat memberi sumbangan yang signifikan untuk mencapai tujuan itu. Saya amat yakin dan percaya, memberi kuasa kepada rakyat untuk mendapatkan akses kepada informasi akan dibalas rakyat dengan rakyat memberikan kita kuasa. Kuasa dan majoriti yang lebih besar *insya*-Allah dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah SWT, negara kita terus aman dan makmur dan kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya dan menunjukkan kehebatannya dalam menguruskan kewangan negara dan mengeluarkan negara kita daripada cengkaman kemelesetan ekonomi.

Pertamanya, penggal keempat GDP kita tumbuh 4.5%. Pada penggal keempat juga, kadar pengangguran kita mencatat 3.5% sahaja iaitu di bawah *threshold* 4%. Inflasi untuk Januari tahun 2010 adalah sederhana pada tahap 1.3% sahaja di mana eksport untuk bulan Januari tahun 2010 menaik 20%. Walau bagaimanapun kita perlu berhati-hati dengan keadaan ekonomi global yang masih lagi *fragile* dengan izin. Apa

juga yang berlaku ada mempunyai kesan secara terus kepada negara kita. Jadi kita seharusnya menyokong usaha kerajaan untuk keluar daripada kumpulan berpendapatan sederhana kepada kumpulan yang berpendapatan tinggi.

Saya sangat menyokong tujuan kerajaan untuk mengurangkan bajet tahun 2010 sebanyak 15% berbanding dengan tahun 2009 untuk merapatkan lagi jurang defisit kita. Walau bagaimanapun, saya juga menghadapi banyak rungutan daripada orang ramai yang mengeluh tentang beberapa tindakan pemotongan terhadap peruntukan tahunan ke sekolah berbanding dengan tahun lalu.

Beberapa aktiviti sampingan terpaksa dibatalkan demi menampung sejumlah kecil peruntukan yang diterima oleh sekolah. Apa yang jelas pada ketika ini bagi guru-guru, program latihan perkhidmatan guru-guru selari dengan kualiti modal insan terpaksa dibatalkan. Hanya diadakan latihan dalaman sahaja. Memahami tujuan kerajaan mengurangkan bajet adalah untuk merapatkan jurang defisit fiskal, namun kerajaan juga mesti memahami impak negatifnya yang ketara ke atas sektor pendidikan yang merupakan salah satu daripada NKRA iaitu meluaskan akses pendidikan yang berkualiti. Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan akan mengkaji semula dan memberikan peningkatan kepada peruntukan sekolah pendidikan supaya kita dapat benar-benar melahirkan modal insan seperti yang diharapkan oleh kerajaan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Petronas yang telah menyumbang sebanyak 40% kepada KDNK negara. Dengan wang sebanyak ini, kita telah dapat gunakan untuk pembangunan negara pada masa akan datang. Akan tetapi dalam masa yang sama dalam mana-mana sistem ekonomi kita tidak boleh bergantung kepada satu atau pun dua sumber sahaja. Kita seharusnya mempelbagaikan sumber kita selaras dengan teras mengurangkan kebergantungan kita terhadap hasil negara.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, Petronas adalah sebuah agensi yang telah diamanahkan untuk pembangunan industri minyak dan gas di Malaysia. Melalui Petronas Carigali Sdn. Bhd., syarikat ini adalah bertanggungjawab untuk mengurus semua operasi mencari gali minyak dan gas berserta dengan rakan kongsi yang lain bagi menentukan aktiviti ini terus berkembang selaras dengan hasrat kerajaan. Dalam masa yang sama, Petronas Carigali adalah juga bertanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan terjamin bagi semua operator menjalankan operasi mereka pada tahap keupayaan yang paling maksimum. Petronas Carigali menguruskan 53 telaga minyak dan 22 telaga gas.

Buat masa sekarang, purata pengeluaran minyak adalah sebanyak 600,000 *barrel* sehari dan pengeluaran gas adalah sebanyak enam bilion *cubic feet* pada setiap hari. Kita menasaskan pengeluaran minyak akan terus meningkat pada 800,000 *barrel* setiap hari. Pada masa yang sama, Petronas telah menyumbang seperti yang saya sebutkan tadi sebanyak 40% kepada KDNK negara. Satu peningkatan sebanyak 37% semenjak tahun 1999. Pada masa yang sama, syarikat ini adalah menjadi pembekal tunggal kepada TNB yang berkeupayaan untuk membekalkan keperluan tenaga untuk negara.

Bagi memenuhi pengeluaran, Petronas Carigali Sdn. Bhd. berserta dengan semua rakan kongsi berjaya memberikan peluang pekerjaan sebanyak 150,000 tenaga kerja pada satu-satu masa serta melabur untuk mendirikan struktur yang berharga sebanyak USD500 juta pada setiap struktur di lautan yang terbuka iaitu *open sea* merangkumi 274 platform, dua *supply base*, empat terminal minyak mentah dan tiga terminal gas.

■1440

Memandangkan agensi itu begitu penting dengan keupayaannya menyumbang kepada *revenue* negara dan dalam masa yang sama menanam modal yang cukup besar di lautan yang terbuka adalah menjadi satu keperluan operasi ini mewujudkan satu sistem terbuka secara bersepadu dan data video-video yang akan dipancarkan ke darat melalui *microwave link* bertujuan untuk:

- (i) mengawas dan mengesan apa juga pergerakan yang boleh mengancam keselamatan pelantar minyak dan pergerakan musuh; dan
- (ii) mencegah iaitu dengan menggunakan sistem pengawasan ini untuk memaklumkan kepada pihak-pihak penguatkuasaan seperti APMM, TLDM dan juga TUDM.

Sistem ini adalah berfungsi sebagai satu rangkaian keselamatan yang lengkap sebagai satu rangkaian keselamatan menjadi perisai keselamatan bagi melindungi semua pelantar-pelantar minyak yang cari gali di lautan Laut China Selatan. Dalam masa yang sama cari gali juga telah membangunkan sebanyak 483 *pipeline* yang merangkumi 6,800 kilometer. *Pipeline* inilah sebenarnya menyalurkan minyak dan gas dan gas ini disalurkan terus kepada TNB sebagai pembekal utama untuk menentukan supaya tenaga dalam negara kita akan berada dalam tahap yang terbaik.

Dengan pelaburan yang tinggi dan kebergantungan yang melampau terhadap *revenue* negara, apa jua gangguan terhadap operasi akan menyebabkan negara kita kehilangan pulangan yang besar. Selain daripada itu kos pembaikan yang meningkat, maka telah dicadangkan satu sistem pengesanan dan pencegahan adalah sangat diperlukan untuk mencegah sebelum ia sampai di pelantar minyak.

Pada ketika ini kita dapati banyak pencerobohan nelayan tempatan dan juga nelayan asing. Kawasan perairan kita adalah kaya dengan sumber perikanan tetapi apa yang terjadi kapal-kapal penangkap ikan ini ataupun *vesse/*, bukan sahaja menangkap ikan di lautan lepas tetapi banyak yang berlabuh dan berlegar di sekitar pelantar kita bahkan menggunakan bom untuk menangkap ikan.

Perkara ini boleh dieksploitasi oleh lanun ataupun pengganas untuk menceroboh apa jua harta kita di laut. Jadi dalam usaha untuk kita mengurangkan serta mengurus kemungkinan ancaman pada harta di semua cari gali kita yang menyumbang sebanyak 40% kepada KDNK negara. Maka satu sistem yang bersepadu seharusnya diperkenalkan bagi mengawas, mengesan dan mencegah adalah langkah yang paling terbaik. Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

2.43 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk ambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja - Tuan Yang di-Pertua dalam masa lebih kurang dua minggu nanti Yang Amat Berhormat Pekan akan merayakan setahun penuh beliau menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia. Sepanjang tahun ini slogan 1Malaysia telah mendominasi media radio dan televisyen sementara logo 1Malaysia dalam pelbagai bentuk rupa dan saiz telah meresapi setiap pelosok negara.

Akan tetapi satu paradoks besar ialah nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semakin hilang kawalan dalam slogan dan konsep 1Malysianya. Contoh terbaru yang merunsing baru-baru ini adalah pada awal bulan Mac apabila seorang pemimpin UMNO yang biasanya tenang dan rasional, iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan II tiba-tiba mengeluarkan ungkapan *racist* apabila dipaksa oleh anasir-anasir anti-1Malaysia di bawah pengaruh UMNO Pulau Pinang.

Sampai hari ini Yang Berhormat Menteri Kewangan II belum lagi minta maaf atas ungkapan *racistnya* yang dikeluarkan di satu jamuan makan malan anjuran Dewan

Peniaga Melayu Pulau Pinang di mana beliau berkata, "*Kalau orang Cina di Pulau Pinang buli kita, kita lawan balik orang Cina.*" Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II telah dirakamkan di pita.

Seperti Ahli Parlimen DAP yang lain saya amat terkejut dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang dahulunya seorang Timbalan Menteri dan kini Menteri Kewangan II yang biasanya rasional, tenang dan munasabah. Tiba-tiba bertukar mengeluarkan ungkapan yang *racist* yang bertentangan apa yang diwakili oleh konsep 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Persoalan yang timbul di hati setiap rakyat Malaysia adalah mengapa seorang pemimpin UMNO yang biasanya rasional, tenang dan munasabah boleh mengeluarkan ungkapan yang begitu *racist* yang tidak selaras dengan wataknya selama ini. Satu-satu penjelasan yang boleh dikemukakan adalah apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan II pergi ke Pulau Pinang. Beliau telah dipengaruhi oleh kempen benci yang berterusan yang dilancarkan oleh UMNO Pulau Pinang yang mengeksploitasikan isu kaum dan agama.

Beliau juga membuat tuduhan liar bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pakatan Rakyat adalah anti Melayu dan anti-Islam. Sebagai seorang pemimpin UMNO yang sederhana, Yang Berhormat Menteri Kewangan II sepatutnya mengawal emosi dan memeriksa secara berhati-hati kempen tidak bertanggungjawab yang bersifat hasutan yang dilancarkan di UMNO Pulau Pinang itu juga secara melulu dan mengeksploitasikan isu kaum dan agama.

Bersubahat dengan media kawalan UMNO seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian langsung tidak mengendahkan Kempen 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia bukanlah terjangkit oleh virus UMNO Pulau Pinang sampai ke tahap membantu dan bersubahat dalam kempen yang tidak bertanggungjawab juga bersifat hasutan yang menyebarkan rasa benci dan *racist*.

Apabila pemimpin-pemimpin UMNO sederhana seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini boleh hilang kawalan sederhana mereka dan terperangkap dengan politik benci UMNO Pulau Pinang. Apakah harapan masa hadapan yang tertinggal dalam slogan dan konsep 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Adakah Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendidik semua Ahli-ahli Jemaah Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri. Supaya mereka faham sepenuhnya apa yang dimaksudkan dengan konsep 1Malaysia.

Saya pernah bertanya secara terbuka bulan lepas. Sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri benar-benar dan serius Yang Berhormat daripada Pagoh benar-benar dan serius berkomitmen terhadap konsep 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sama ada beliau bertindak sebagai Pegawai Kanan (*right hand man*) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau beliau sebenarnya bertindak bagi pihak bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir untuk menjaga warisan Tun Dr. Mahathir pada zaman pemerintahan Dato' Sri. Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Saya bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mendapat kelulusan dan persetujuan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap semua ungkapan dan tindakan yang beliau lakukan yang sebenarnya memudaratkan pencapaian slogan dan konsep 1Malaysia termasuklah apabila beliau mempertahankan sesi *brain washing* dan indoktrinasi ketuanan Melayu oleh Biro Tatanegara, sungguhpun timbulnya banyak kritikan dan pendedahan mengenai kandungan yang bersifat *racist*, perpecahan dan hasutan selama dua dekad ini.

■1450

Percubaan beliau untuk meminggirkan keseriusan ungkapan Nasir Safar dengan menghuraikannya sebagai, *a slip of the tongue* apabila pembantu politik kanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan mengecap kaum India dan Cina di Malaysia sebagai pendatang, mendakwa bahawa kaum India ke mari sebagai pengemis dan wanita kaum Cina sebagai pelacur, mendakwa bahawa UMNO lah satu-satu parti yang bertanggungjawab menggariskan Perlembagaan, menafikan sumbangan MCA dan MIC dan mengugut untuk menarik balik status kerakyatan mereka yang menentang kuat dasar had jumlah mata pelajaran SPM atau kebisuan beliau yang luar biasa terhadap forum JAKIM yang diadakan akhir bulan Januari di mana 800 kakitangan kerajaan yang hadir telah digesa memberontak menentang konsep 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana pada forum berkenaan, pensyarah-pensyarah dari pihak kerajaan telah mengeluarkan ucapan yang menghasut dan mengapi-apikan serta menyalahkan masyarakat Kristian sebagai membangkitkan kemarahan masyarakat Islam dengan mencabar larangan penggunaan perkataan kalimah "Allah", yang menyalahkan ahli-ahli politik UMNO atau BN kerana gagal mempertahankan Islam.

Salah seorang pensyarah membangkitkan kemungkinan berlaku huru-hara seperti Peristiwa 13 Mei sekiranya masyarakat Kristian yang beliau dakwa sebagai mengamalkan ekstremisme tidak berhenti dan mengugut bahawa siapa tahu mungkin sekali lagi 13 Februari.

Kebisuan beliau yang luar biasa terhadap pendedahan mengenai Setiausaha Eksekutif UMNO, Datuk Abdul Rauf Yusoh yang merantau di majlis *UMNO Club* di London awal tahun ini dan tindakan kuat beliau untuk membantu dan bersubahat dengan kempen kawalan media UMNO seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, radio dan televisyen kerajaan yang berbau hasutan, serta mengapi-apikan serta memainkan sentimen kaum dan agama secara jahat, menggambarkan Ketua Menteri Pulau Pinang serta Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang sebagai anti-Melayu dan anti-Islam.

Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri secara terus, adakah beliau sedar bahawa keseriusan dan keikhlasan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenalkan 1Malaysia kini menghadapi cabaran yang paling serius di Pulau Pinang? Mengapa konsep 1Malaysia terjejas dan dilemahkan oleh berbagai serangan berterusan yang berniat jahat mengeksploitasikan sentimen kaum dan agama oleh media dan agen UMNO, demi memfitnah nama baik Ketua Menteri serta Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang? Sekiranya rakyat Pulau Pinang melihat konsep 1Malaysia sebagai palsu dan *hypocritical*, bagaimanakah beliau boleh mengharapkan rakyat negeri Sabah dan Sarawak serta rakyat di seluruh negara mempunyai keyakinan terhadap slogan tersebut?...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Kota Belud? Boleh, boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasakan pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur itu jauh tersasar. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, konsep 1Malaysia ini haruslah dilihat daripada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Soal orang-orang tertentu di luar sana yang menterjemahkan konsep 1Malaysia ini daripada pandangan kaca mata masing-masing, pada saya tidak relevan sebab yang menjadi Perdana Menteri, yang mengatur dasar dan yang menjadi ketua kerajaan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kecualilah pada masa dan ketikanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mensabotaj konsep 1Malaysia ini, mungkin saya rasa perlu untuk kita mempertikaikan 1Malaysia.

Pada saya Yang Amat Berhormat telah menjelaskan dengan jelas konsep 1Malaysia dan untuk mengatakan konsep 1Malaysia ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gagal dan sebagainya, ini adalah satu tidak lebih daripada taktik politik. Kalaupun ada orang-orang lain yang membuat kenyataan tentang 1Malaysia, tidak perlu kita palitkan kepada Yang Amat Berhormat kerana dia konsisten. *He is the Prime Minister; he is the one in charge*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud ini *miss the point all together*. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah mengutarakan konsep 1Malaysia, dan kalau ini disabotajkan bukan orang luar tetapi oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Timbalan Perdana Menteri dan menteri, bukankah ini bererti bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah hilang, *loosing the fight for 1Malaysia*. Ini adalah *point* saya. Siapa yang cakap mengenai buat hujah-hujah yang *racist*, perkauman antara lain ialah pembantu-pembantu *special aids*, Nasir Safar, *Executive UMNO Secretary* yang pergi London, media UMNO – *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat Kota Belud bererti bahawa sebagai Presiden UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada kuasa untuk kawal atau *control* apa yang berlaku dalam jentera UMNO? Adakah kita diberi gambaran bahawa apa yang berlaku dalam UMNO tidak ada bersangkutan paut dengan Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri sungguhpun dia Presiden UMNO? Ini tidak masuk akal dan sudah tentu ini menunjukkan bahawa hujah-hujah dan konsep ini sungguhpun diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, nampaknya disabotaj dari dalam. Ada musuh dalam selimut dalam UMNO, dalam Kerajaan Barisan Nasional. Itulah di mana Yang Berhormat *miss the point altogether*. Mahu minta jalan?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, *you miss the point altogether* juga, dengan izin, Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, *until such time*, dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai konsep yang berlainan ataupun dasar yang berlainan daripada semangat 1Malaysia yang berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, barulah saya rasa kita perlu untuk

mempertikaikan konsep 1Malaysia ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang telah disebut tadi.

Jadi bercakap tentang – ini tambahan sedikit Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang masalah *statement* perkauman ini, saya sendiri mendengar *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Timur semasa berada di Sabah. Di Sabah dia datang, dia bangkitkan semangat kaum Kadazan, mengatakan kaum Kadazan ini hak mereka telah diambil, hak mereka tidak diendahkan oleh kerajaan.

Ini pada saya Tuan Yang di-Pertua adalah satu cara lagi untuk pihak pembangkang menggunakan isu-isu yang sensitif yang melibatkan isu perkauman untuk politik. Mengkritik kerajaan tidak menjadi masalah. Kita pun boleh mendengar dasar-dasar kerajaan di kritik tetapi dengan membangkitkan semangat perkauman dengan jelas dan terang mengatakan bahawa kaum Kadazan dianaktirikan di negeri Sabah, itu saya rasa agak *unexpected over gentleman like* Yang Berhormat Ipoh Timur dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itulah *intervention* yang sangat *ungentlemanly*. *Point* pertama ialah Yang Berhormat Kota Belud sangat jelas elak daripada isu yang saya kemukakan bahawa konsep 1Malaysia nampaknya tidak diterima oleh rakan-rakan beliau dalam Kabinet, mahupun dalam UMNO dan khasnya jentera UMNO termasuk *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan dalam setahun, dua ini khasnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan, kempen-kempen yang membentangkan idea 1Malaysia teruskan mengenai sangat *racist* dan sangat *chauvinist*.

Mengenai apa yang saya kata di Sabah, nanti saya akan datang dan nanti Yang Berhormat pun boleh minta penjelasan. Akan tetapi apa yang saya di sini dengan pendeknya, apa yang saya kata di Kota Kinabalu dan Sabah ialah bahawa apabila Barisan Nasional mahu ambil kuasa di Sabah, Barisan Nasional ada memberi satu jaminan bahawa adalah kemukakan satu konsep kongsi kuasa.

■1500

Power sharing dan melalui cara *rotation* jawatan Ketua Menteri. Antara tiga-tiga puak atau tiga-tiga kaum yang terbesar. Antara Muslim bumiputera dan non Muslim bumiputera atau Kadazan Dusun, Murut dan antara Tiong Hua. Sudah berapa tahun? 14 tahun, 16 tahun? Apa hakikatnya? Hakikatnya ialah ada empat tahun, orang Tiong Hua, adalah Kadazan, Dusun, Murut, berapa tahun? Satu tahun pun tidak ada, 11 bulan sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebelas bulan sahaja. Ini hakikat. Ini tidak boleh lari dan untuk kaum bumiputera yang Muslim, 11 tahun yang lebih. Bukankah ini bukti bahawa *biggest loses* dengan izin, *biggest loses in that all power sharing are the* Kadazan, Dusun, Murut komuniti atau Kadazan *native* dan *non Muslim Kadazan native*. Ini kita boleh bincang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi saya ruang sedikit untuk mencelah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nantilah, apabila sampai.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Point* sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai konsep 1Malaysia dahulu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Konsep 1Malaysia dahulu. *No*, nanti, bila saya sampai kepada - saya ada bahagian mengenai Sabah. Sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat daripada Pagoh harus berdiri di baris hadapan untuk mendapatkan kerjasama semua Ahli-ahli Parlimen. Parti politik dari luar Barisan Nasional supaya kempen 1Malaysia ini berjaya kerana ini berkait dengan isu negara dan bukan agenda mana-mana parti politik melainkan konsep 1Malaysia hanyalah merupakan *game* UMNO dan BN. Jika tidak, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai *leader of the house*, harus mengambil inisiatif mendekati para Ahli Parlimen dan ahli-ahli politik dari luar Barisan Nasional supaya mengetepikan perbezaan parti dan memupuk pembangunan negara berdasarkan konsep 1Malaysia.

Beliau haruslah bertemu dengan para Ahli Parlimen dan parti-parti pembangkang di Parlimen dan membentuk platform semua parti untuk memastikan konsep 1Malaysia dicapai di setiap lapisan masyarakat Malaysia. Bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak melakukan semua ini sepanjang setahun beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pernah mencadangkan supaya satu jawatankuasa pemilihan Parlimen yang diketuai oleh pihak Ketua Pembangkang ditubuhkan atas isu 1Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Nanti, saya habiskan yang ini, ya. Cadangan ini tidak mendapat sambutan langsung dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Barisan Nasional semua menunjukkan sikap yang tidak berminat. Ini amat tidak masuk akal kerana sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sepatutnya memujuk para Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat supaya menyetujui dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai 1Malaysia dan bukan sebaliknya. Mengapakah ini berlaku? Adakah ini kerana jemaah Menteri penuh dengan Menteri-Menteri yang mencurigai konsep 1Malaysia dan menganggapnya tidak lebih daripada satu wayang politik dan tidak perlu dilayan dengan serius, ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timur. Kalau benar pihak pembangkang serius menyoalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapa tidak menjemput pembangkang, kenapa pula Yang Berhormat daripada pembangkang tidak meminta? Bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkan kami menyertai dalam Gagasan 1Malaysia ini? Itu kita hendak sama-sama. Kenapa tidak ada suara? Bahkan dalam berita-berita daripada akhbar-akhbar yang kita tahu lantang di belah sana sentiasa mencaci dan menentang dan segala-galanya ini. Namun kita bertanya kepada Yang Berhormat Ipoh Timur sama ada itu dibuat dahulu oleh pihak pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya berkali-kali sudah ada sebut. Saya ada buat cadangan terbuka bahawa adalah satu jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai 1Malaysia. Ini menunjukkan bahawa kita adalah satu platform di mana untuk memajukan konsep 1Malaysia, kalau ia sebenarnya untuk menyatupadukan semua rakyat di Malaysia. Di sini saya mahu tanya siapakah sebenarnya - siapakah Menteri-Menteri di dalam jemaah Menteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai DNA 1Malaysia? Adakah Yang Berhormat ada DNA 1Malaysia? Saya tidak nampak satu pun. Itulah sebab mengapa sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri-Menteri yang lain tidak seorang pun yang bertindak seperti seorang penyokong slogan dan konsep 1Malaysia. *[Tepuk]*

Ada tiga ujian mudah. *Three simple test* untuk menguji sama ada Yang Berhormat Padang Besar, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri jemaah benar-benar ikhlas dan serius dan komited terhadap 1Malaysia.

Satu, sama ada rela bersetuju dengan penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai 1Malaysia yang diketuai oleh Ahli-ahli Parlimen Pembangkang? Adakah setuju? *[Dewan riuh]* Adakah setuju? Kalau setuju, *you fill the first test*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Bersetuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bersetuju?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat, minta maaf. Saya tanya Yang Berhormat sama ada jemputan itu secara *sincere*, secara yang ikhlas. Namun kalau hanya bersuara dengan lantang untuk menentang, kita pun tahu baunya menentang. Jadi kalau kita sudah tahu menentang, kenapa kita hendak jemput? Namun kalau dengan serius, saya percaya kerajaan akan dan mampu membuatnya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya mencelah sedikit. Sambung sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Kenapa - mahu tanya kerajaan? Apa pendirian Yang Berhormat sendiri?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya, saya bersetuju. Kami semua bersetuju. Betul barisan di sini? *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* Ya, bersetuju semua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap begitu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Harap begitu. Sekurang-kurangnya bahawa adalah sikap yang menunjukkan selaras dengan konsep 1Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mencelah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti! *Test* yang kedua. Nanti bagi. *Test* yang kedua. Adakah semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, semua Menteri-Menteri atau Timbalan Perdana Menteri rela mengumumkan bahawa asas 1Malaysia adalah ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan rakyat Melayu. Adakah rela? Adakah rela? Adakah semua rela undi bersetuju? *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu tanya Yang Berhormat Rembau, adakah rela bersetuju bahawa 1Malaysia berlandaskan kepada satu ketuanan rakyat Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bagi laluan, bagi laluan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan bukan ketuanan Melayu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat Rembau.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Pertamanya saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Ipoh Timur kerana begitu suka dan menerima konsep 1Malaysia. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

Seorang Ahli: Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya rasa dia telah mengaku bahawa konsep *Malaysian Malaysia* dan Media Malaysia telah kalah dengan 1Malaysia. *[Tepuk]* Sebab itu dia begitu *caring* tentang 1Malaysia. Saya hendak merujuk sedikit kepada keikhlasan pembangkang. Hari ini kita mendengar hujah yang hebat daripada Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan bahawa 1Malaysia ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab dahulu! Saya tanya *test* itu. Adakah ini - saya kata bahawa... *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia sudah bagi peluang kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 1Malaysia asas kepada ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ke atas ketuanan Melayu. *[Dewan riuh]* Apa jawapan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya ada *floor*. Saya ada *floor*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *What's the floor?* Nanti, nanti dulu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You cannot take back the floor.* Ini buruk siku. *[Ketawa]* *Buruk siku, you cannot take back the...* Saya kasi tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bagi kerana jawab. Saya bagi supaya beliau jawab, tidak ada jawab, jawab kah itu?

Seorang Ahli: Jawab sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak cakap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak bagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya akan jawab, saya akan jawab. Sekejap!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Beberapa Ahli: Sabar, sabar. [*Dewan riuh*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak bercakap soal keikhlasan. Saya akan jawab tetapi saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur juga jawab apa yang saya hendak bangkitkan. Semalam dalam ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh. Sepatutnya Yang Berhormat Ipoh Timur Ketua Pembangkang.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia sebut bahawa 1Malaysia ini konsep ciplak. Ambil daripada Israel kononnya dan APCO syarikat PR telah memberi nasihat yang sama kepada kerajaan Israel pada tahun 1999. Ini perkara penting sebab ini mengelirukan rakyat. Ini satu penipuan yang besar sebab baru tadi APCO telah mengeluarkan satu kenyataan. Saya hendak baca sebab ini *clarify* segala-galanya tentang keikhlasan pembangkang tentang soal 1Malaysia ini.

APCO telah menyebutkan bahawa “*Contrary to the statements dengan izin made in the Malaysian Parliament. 1Malaysia was conceive of by the Prime Minister, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak prior to the Government of Malaysia retaining APCO.*

■1510

APCO has no role of any kind in creating the 1Malaysia concepts. [Dewan Riuh] which was fully formed and make public prior to APCO's engagement. It is also incorrect that APCO represented the government of Israel or the Israelis Prime Minister Ehud Barak as has been alleged in Malaysia Parliament. At no time has APCO being involved with the public relations campaign relating to 1Israel concept. The statement in Malaysia's Parliament that APCO was involved in such a campaign is faults.”

Bagaimana kita hendak percaya keikhlasan pembangkang sekiranya penipuan yang besar telah dilakukan dalam Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Jawapan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, keluhuran ketuanan Perlembagaan dan undang-undang itulah yang kita sokong dalam Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Tidak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana itu jawapan? *[Dewan Riu]* Saya tunggu jawapan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun] [Dewan Riu]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan lari. Ketua Pemuda UMNO lari. Tengok, ini pengecut. Pengecut, dia kata dia dapat itu jalan supaya dia kata dia akan jawab. Dia jawab dahulu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekarang ini bukan sahaja jawab. Akan tetapi telah mendedahkan penipuan besar pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah UMNO *Youth* rela menegaskan bahawa...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Penipuan besar pembangkang bagaimana hendak berdebat. Bagaimana hendak berhujah? Tipu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 1Malaysia berlandaskan kepada konsep Ketuanan Rakyat Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sudah tipu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan bukan... *[Dewan Riu]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, kelentong rakyat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab, apa jawab?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Perlembagaan. Berlandaskan Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jawab. bagi dia jawab. Apa dia lari.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Perlembagaan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pengecut!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak fahamkah Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pengecut! *UMNO Youth Leader* ini pengecut!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hei, Perlembagaan! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The richer... [Dewan riu]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** *[Bangun]*
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun][Dewan riuh]*
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Jawab!
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya sudah jawab. *[Dewan riuh]*
- Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Malulah.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya sudah jawab *stand* kita.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa jawabannya?
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Keluhuran Undang-undang dan Perlembagaan.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang lain diam.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Itu jawapan kita.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa jawapan?
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Keluhuran Undang-undang dan Perlembagaan.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak! *[Dewan riuh]* Adakah rela...
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Apakah soalnya? *[Dewan riuh]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu bukan jawapan. Tolak jawapan itu.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Apakah soalnya? *[Dewan riuh]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Soalnya ialah adakah rela menerima...
- Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey saya jawab. *[Dewan riuh]*
- Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Beri laluan, beri laluan.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Konsep 1Malaysia yang berlandaskan kepada Ketuanan Rakyat Malaysia dan bukan Ketuanan Melayu.
- Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *[Bangun]*
- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** *[Bangun]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Soalan ini khas untuk Yang Berhormat Ketua *UMNO Youth*. Selain daripada dia mengakui dia tidak layak menjadi Ketua Pemuda UMNO.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah jawab. Mungkin yang Ipoh Timur sebab sudah jadi dinosaur pekak. *[Ketawa]* Berapa kali saya hendak mengulang perkara ini? *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Malulah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sampai habis saya akan cakap perkara yang sama. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lari sana, lari sini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Hei. Jangan biasa biadaplah! *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Akan tetapi masalahnya saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu soalan yang begitu *simple*...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab tuduhan yang saya buat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes or no*, tidak boleh jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab tuduhan yang saya buat tentang Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes or no*, tidak boleh jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tentang Ketua Pembangkang jawab dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuduhan tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya menimbulkan soalan-soalan sama ada Ahli-ahli Jemaah Menteri, sama ada pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional, *sincere* dan serius mengenai konsep 1Malaysia? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tidak rela kata di landasan atas prinsip hak ketuanan Rakyat Malaysia. Tidak berani!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat melanggar dan tidak setuju dengan Keluhuran Perlembagaan Malaysia atau tidak?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat tidak menghormati...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ya. kalau berani.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tunggu. *UMNO Youth Leader where are you? Where are you going to?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat teruskan, teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah jawab. Berapa kali hendak jawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia mahu cabar! Dia mahu cabar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sudah jawab tadi. Saya dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana apa jawapan?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No*, jawab dia lari. Apa lari?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak lari!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya teruskan Yang Berhormat. teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana itu jawapan? Setuju atau tidak.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Permatang Pauh bohong semalam.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tidak faham kena sekolah balikkah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itulah soalan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bacalah Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Macam Yang Berhormat tidak mahu jawab tuduhan saya, saya bagi jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu Ahli-ahli Parlimen yang lain mengganggu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah bagi jawapan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengganggu hak Ketua Pemuda untuk jawab.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau Yang Berhormat masih lagi tidak faham saya tidak tahu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Mengetuk pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Keluruhan Undang-undang dan Perlembagaan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No need to go around the world.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat sudah lupa kepada Rukun Negara kah? Sudah lupakah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes or no? Apa lari go around the world? circumnavigation!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat boleh buat *personel attach* tetapi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur laluanlah. Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawab apa yang saya bangkitkan tadi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ini? Histeria.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa yang dijawab Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah tidak boleh jawab, histeria.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa dia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah tidak boleh jawab, histeria.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Bila tidak boleh cakap serang peribadi. Itulah dia.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Until this is settled the others are going to stand up. [Ketawa]* First test, relaxah semua memberikan sokongan kepada penubuhan *Select Committee Parliament* mengenai 1Malaysia? Kata "Ya, ya, ya!" Akan tetapi nantilah tengok sama ada rela untuk meluluskan satu usul mengenai perkara itu. Kedua saya akan tanya adakah sama ada semua rela bersedia untuk menegaskan bahawa asas 1Malaysia adalah ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh, Timur laluan sedikit. Yang Berhormat Ipoh Timur, laluan. Saya hendak tanya apakah itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum bagi jalan mana adil. Mana ada ada tatatertib. Nanti! *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi jalanlah sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada tatatertib. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh bagi jalanlah tidak Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Jangan kita membenarkan Yang Berhormat Rembau lari.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi jalanlah Yang Berhormat Ipoh Timur sedikit.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mana ada lari saya sudah jawab!

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sini, sini, sini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau berani bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu soalan yang begitu *simple*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan berikan alasan tidak mahu bagi jalan. Bagilah jalan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah sedikit. Yang Berhormat Rembau sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu soalan yang begitu *simple* begitu susah untuk jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah bagi jawapan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sehingga pergi *Oxford*...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You ask me an impossible question.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pun tidak boleh jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa dia tidak dengar?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sehingga pergi *Oxford* pun tidak boleh jawab. *[Ketawa]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah jawab. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Sekarang buat serangan peribadi, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagi laluan saya sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah satu soalan yang sangat susah!

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak saya pergi ke sana hendak bisik ke dalam telingakah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Opinion is grey to Oxford.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You can't even understand what I'm saying.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You cannot understand what I'm saying, is it?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat jawab pun dia kata Yang Berhormat tidak jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya jawab ya, habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah jawab pun dia kata tidak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes and no. Simple as that.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau berani bagi laluan kepada orang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak perlulah. Tidak perlulah *doctorate* untuk faham soalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apalah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagilah laluan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau mahu faham sekolah rendah pun faham. Kalau tidak mahu faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur sini, sini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagi dia tunggu. Adakah Yang Berhormat Rembau sudah *surrender?* *[Ketawa]*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Kapit, Kapit. Tidak pernah saya.

- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Ada surrender? [Ketawa]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan begitu Yang Berhormat.
- Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*
- Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*
- Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dia kata *are you surrender now?*
- Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *No, no. I'm not surrendered, I'm still standing here. I will give you the same answer until tonight.*
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Yang Berhormat Padang Besar.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sampai malam ini.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Yes and no. Cannot answer. [Dewan riuh]*
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya bagi jawapan yang sama.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak. *[Dewan riuh]*
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Soalannya ketuanan Melayu ataupun ketuanan Rakyat.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya kata kedua-duanya tidak boleh pakai.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kamu tidak faham soalan ini.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya kata kita percaya kepada keluhuran perlembagaan dan undang-undang, apa salahnya? *[Dewan riuh]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Yes I know. Saya faham.*
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Apa salahnya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak berani jawab, tidak mahu jawab.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur *deny concept* tersebut?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak mungkin jawab.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Deny* Rukun Negara. Ini masalah selalu..
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Selalu *deny* Rukun Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah. Ini menunjuk *UMNO Youth*. Ketua *UMNO Youth*. Bolehkah kita percaya Ketua 1Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Ipoh Timur, ini masa Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita berbalah diruang ini sampai habis masa. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak berani menjawab soalan ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sampai habis masa tidak mengapa saya masih berdiri di sini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya hendak tanya Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi atau tidak.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebab apa Yang Berhormat Ipoh Timur kata *surrender* saya tetap berdiri di sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia kata dia jawab tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Saya tanya hendak bagi jalan atau tidak? *Simple answer*, ya ataupun tidak, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia minta jawapan jadi saya bagi jawapan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jawapan ya atau tidak? Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey yang lain duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk. Yang Berhormat Ipoh Timur tidak bagi jalan. Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itulah soalan yang kedua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia masih tanya saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itulah soalan yang kedua. Saya harap bahawa *UMNO Youth* boleh balik bincang perkara ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak payah bincang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Supaya boleh memberikan satu jawapan yang jelas...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya akan bagi jawapan yang sama kepada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kepada rakyat Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jawapannya sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sama, sama.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak terima Perlembagaan. 1Malaysia berasaskan kepada Perlembagaan. Bila tidak terima Perlembagaan hendak ubah Perlembagaan, hendak pinda Perlembagaan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Malaysian Malaysia, Middle Malaysia,* semua...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Itu sebabnya tidak terima konsep 1Malaysia!
[Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berpaksi atas Perlembagaan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kalau konsep tadi berasaskan Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan panjang macam ini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau kita tidak menjunjung Perlembagaan kita tidak akan berada dalam Parlimen ini.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Ipoh Timur hendak Perlembagaan Singapura bawa sinikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *We are more equal, we more loyal to the Perlembagaan than anyone!* *[Dewan riuh]* Dua kali saya pergi ke penjara untuk apa? Oleh sebab saya cinta kepada rakyat. *[Ketawa]* Orang kata mereka tidak setia kepada negara hapus *corruption* kekayaan memporak-perandakan kepada negara. Apa dia?
[Dewan riuh]

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagi sayalah, Kapit. Saya tidak pernah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa *reason* sebenarnya?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, Sarawak, Sarawak.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Bagi sedikit Yang Berhormat Ipoh Timur. Sedikit, sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sekaranglah sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berbalik. Ini satu soalan,

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagi laluan.

■1520

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu *test* yang sangat penting. *Are we not prepared* untuk menegaskan bahawa 1Malaysia berlandaskan atas prinsip ketuanan rakyat Malaysia, hak ketuanan rakyat Malaysia bukan hak ketuanan Melayu. Saya harap bahawa UMNO *you go back and discuss* sama ada akan selaras dengan Perlembagaan Malaysia. Kalau selaras dengan Perlembagaan Malaysia, terima! Kalau 100% mengikut Perlembagaan Malaysia tidak ada masalah untuk jawab soalan ini. Akan kata betul bahawa ketuanan rakyat Malaysia bukan ketuanan Melayu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagi laluan sedikit. Ipoh Timur, Lenggong la pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat sebut dan patuh kepada Perlembagaan, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, dalam tahun 1974 bulan April tahun 1974, selepas 13 Mei, pertama kali tahun 1974, bukan! Tidak! Ya! *[Ketawa]* Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 57.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ada pindaan perlembagaan – Tahun 71, *sorry*.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat pada masa itu ada cadangan untuk pindaan perlembagaan untuk mewujudkan, menstrukturkan semula rakyat, untuk menyatukan rakyat tetapi dalam perbincangan ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat menggunakan perkataan *diabolical scheme*, ini adalah *diabolical scheme* oleh kerajaan dan Yang Berhormat menentang pindaan berkenaan. Adakah pada hari ini Yang Berhormat bersetuju bahawa Perlembagaan itu betul? Jawab. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *What we hold firm* ialah *original* Merdeka *Constitution* dan bukanlah dekat seribu pindaan...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tidak, belum pindaan tahun....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pada Perlembagaan dan ini sudah mencacat dan *completely* tukar wajah Merdeka *Constitution*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Pindaan yang dibuat pada bulan April tahun 1971, pergi baca Hansard bulan April...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya kata *we hold on the Merdeka Constitution*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Kalau... Bermaknanya pada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana dalam 53 tahun ini, kita lihat sudah beratus pindaan kepada Perlembagaan...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya kata pindaan pada masa itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hak-hak asasi, demokrasi rakyat Malaysia semua kaum adalah dicerobohi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Pindaan yang disebutkan itu ialah pindaan untuk menyatukan rakyat. Hari ini Yang Berhormat... Dahulu... *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Perception, that is your perception.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Adakah Yang Berhormat menarik balik *statement* itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Perception* atau Yang Berhormat Padang Besar, *that is up to you but the simple question, I put forward.* Kalau kita kata mahu 1Malaysia tetapi kita tidak rela kata bahawa prinsip 1Malaysia berlandaskan kepada ketuanan rakyat Malaysia dan bukan kepada ketuanan Melayu, *is it there, something is wrong?*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya hendak tanya, apa makna *diabolical scheme*, ada satu *scheme diabolical*, apa makna?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *That is... We can have a forum on that.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *Diabolical* pada saya adalah satu *scheme* yang diilhamkan oleh syaitan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *What? We can look to all the features then we can have a debate on that.*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya hendak tanya *is the question of 1Malaysia.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Makna *diabolical scheme* itu apa makna dia?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Diabolical scheme* – Hak-hak asasi

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Bukan! *Diabolical scheme* itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hak-hak asasi adalah di....

Seorang Ahli: Apa? Apa? [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Buka *dictionary* apa *diabolical*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya *diabolical*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *Diabolical* adalah satu perkara diilhamkan oleh syaitan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *One of the basic rights of freedom, democrats...*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: No.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Balik Pulau sedikit.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tolong bantu apa makna ia *diabolical*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berperingkat-peringkat adalah di...

Seorang Ahli: Kejap. Kejap.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Dikatakan diilhamkan oleh syaitan. Itu maksud ia.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Balik Pulau sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, I just have a second.*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The issue* ialah jangan lari daripada itu [*Dewan riuh*] Soalan yang kedua yang *simple*, ujian yang begitu *simple* sama ada kita rela untuk menegaskan bahawa 1Malaysia berlandaskan kepada ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu... [*Disampuk*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur. Bagi laluan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...sangat jelas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi laluan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sangat jelas bahawa semua ahli-ahli UMNO di sini, saya tidak tahu mengenai ahli-ahli MCA semua lari.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bagi laluan sedikit!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: GERAKAN semua lari, semua tidak ada di sini, apa pendirian mereka tetapi ini perlu disuarakan dan jawapan perlu diberikan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, terima kasih Ipoh Timur saya tertarik berkaitan dengan Yang Berhormat Padang Besar hendak cerita pasal perlembagaan. Saya mohon penjelasan Ipoh Timur, di negara ini selama semenjak merdeka, yang ada kuasa meminda Perlembagaan dari asal sehingga sekarang, siapa ada kuasa? UMNO – Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Saya mohon penjelasan jadinya cacamerba, jadi kelam kabut Perlembagaan Malaysia, kuasa sampai kuasa *review* mahkamah hilang semua ini, siapa yang pinda? *[Tepuk]* Ada malu la sedikit Perlembagaan Malaysia yang dijanjikan negara ini dibina atas keadilan dan kebebasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan Ketua Pembangkang sokong dulu?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Siapa yang ubah benda ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia Timbalan Menteri bukan?

Seorang Ahli: Jawab, jawab!

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini Pemuda UMNO, hendak cakap pasal pejuang kepada Melayu, mana yang dia pejuang? *[Tepuk]* *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Hey! Hey! Tadi *you...* *[Disampuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya mahu penjelasan sebagai orang... *[Disampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Balik Pulau tadi minta bercakap tentang pindaan Perlembagaan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Relax* la dulu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Siapa ahli dalam kerajaan?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Relax* la dulu Yang Berhormat Rembau ini. *Relax, relax. [Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Siapa Ketua Pemuda UMNO pada waktu itu? *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Seorang Ahli: Siapa... Pindaan demi pindaan. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Beberapa Ahli: Permatang Pauh! *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Sahlah... Yang Berhormat Balik Pulau ini... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat *[Dewan Riuh]* Cukuplah Yang Berhormat! *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, janganlah lupa yang...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia yang jadi Ketua Pemuda UMNO. Kuasa Perlembagaan, kuasa Raja-Raja... Siapa... Semasa meminda Perlembagaan... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Permatang Pauh.

Seorang Ahli: Mohon

Seorang Ahli: Masa dalam Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Balik Pulau. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Hipokrit nombor satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Siapa Ketua Pemuda?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Perlahan-perlahan. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur soalan saya, sebagai orang berpengalaman di dalam Dewan yang mulia ini, antara yang paling senior...

Seorang Ahli: Ya, ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tolong jelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Seorang Ahli: Cakap paling tua sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Pindaan-pindaan Perlembagaan negara ini, sudah berapa kali UMNO Barisan Nasional putuskan dalam Dewan ini, sejauh manakah mereka sudah terpesong daripada Perlembagaan Merdeka yang dikatakan tadi itu?

Seorang Ahli: Ya. *[Tepuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang memelihara hak asasi rakyat Malaysia. *[Tepuk] [Dewan Riu]*

Seorang Ahli: Betul. *[Tepuk] [Dewan Riu]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betul dan tepat bahawa UMNO bertanggungjawab mengenai segala-gala pindaan... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Yang merugikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang merugikan rakyat. *[Tepuk]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Nampak sungguhlah tidak tahu peranan masing-masing.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Termasuk bukan sahaja hak-hak rakyat tidak termasuk hak-hak Raja-Raja Melayu pun.

Beberapa Ahli: Ya. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semalam Timbalan Perdana Menteri kata bahawa kita di sini tidak tunjuk hormat kepada Yang di-Pertuan Agong oleh kerana ada *walk-out*. Ini bukan, kita semua hormat kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi orang yang tidak hormat Yang di-Pertuan Agong ialah mereka yang mahu melibatkan Yang di-Pertuan Agong supaya ucapan Titah Diraja yg ditulis oleh mereka adalah ayat-ayat yang mereka boleh eksploitasikan.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semacam hari ini sebab itu, orang yang sebenarnya tidak menghormati Institusi-institusi Raja-Raja. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Mohon jalan. Mohon jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ialah Barisan Nasional, UMNO sendiri.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Mohon jalan, boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau kita mahu rekod, Yang Berhormat dari...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Balik Pulau, kita boleh tulis buku-buku mengenai rekod UMNO yang menjejaskan rakyat dan hak-hak Raja-Raja Melayu dalam pindaan kepada Perlembagaan... *[Disampuk]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta jalan tadi pasal teks-teks?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang menyeleweng daripada Perlembagaan... *[Disampuk]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Merdeka tahun 1957

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan sedikit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai mohon.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan sedikit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai mohon laluan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Pasal teks-teks Titah Diraja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Alah, takut? *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih pada Yang Berhormat Ipoh Timur, saya terkejut apabila ucapan itu dibuat mereka sendiri untuk memuji. Apa salahnya kita tulis puji sedikit tentang Perdana Menteri jalan-jalan, *walkabout* kan? *[Ketawa]* Sebab walaupun telah diuar-uarkan oleh surat khabar turun Brickfields, turun kawasan Batu misalnya... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Kampung Baru.

■1530

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukit Bintang, Kampung Baru. Saya rasa rakyat tahu sudah tetapi tidak puas hati, kena Yang di-Pertuan Agong sebut juga baru... *[Ketawa]* Ini rasa macam hendak menaikkan ego anak-anak kita, jadi kita perlu puji sebegitu. Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur berpandangan bahawa ini satu perkara yang agak memalukan kita?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekali boleh Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betul.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekalilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekalilah, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak mahu beri laluan Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kapit di sini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekali sahaja.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya apa Yang Berhormat Kuala Krai kata...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak minta penjelasan sama ada Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan Duli Yang Amat Mulia Sri Paduka Baginda 'puppet'?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Eh! Mana boleh macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hendak tanya sedikit dan minta penjelasan sama ada Agong...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Orang muda tidak ada tertib.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...adalah 'puppet'?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana boleh, duduk.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak beri jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak beri.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat lain tidak perlu jadi Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa Yang Berhormat Kuala Krai katakan tadi sangat benar dan oleh sebab rencana ini di *MalaysiaKini*. *The Agong is not BN's pawn*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *MalaysiaKini* kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *MalaysiaKini* lidah rasmi pembangkang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *MalaysiaKini* pembohonglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The Agong is not BN's pawn*. Adakah Yang di-Pertuan Agong menjadi *pawn*?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah BN kata bahawa *pawn*. Tidak.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The speech...*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Peraturan mesyuarat. *Sit down*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya minta sedikit penerangan daripada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi bercakap tentang keperibadian Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada. Mana ada. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar.

Seorang Ahli: Mana peraturan mesyuarat? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Nanti lah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat lain diam dahulu. Kita perlu faham Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini berkenaan titah Yang di-Pertuan Agong sahaja, apa masalahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 36(8).

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey 36(8). Terima kasih yang bijaksana Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua. Apakah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* bukan tanya. Apa ini? Pergi *kindergarten*, balik, balik pergi tadika.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap.

Seorang Ahli: Tahu ke tidak tahu? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengapa Barisan Nasional tidak ada buat tadika untuk Yang Berhormat Kota Belud? [*Ketawa*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kami di Pakatan Rakyat boleh beri *free* tadika *lesson free for you*. [*Ketawa*]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Peraturan mesyuarat, Yang Berhormat Ipoh Timur sila duduk. 36(8).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat lain diam.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: 36(8) Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, 36(8) itu menyentuh tentang sifat Yang di-Pertuan Agong. Okey, saya faham mengenai ini tetapi sama-sama kita nilai...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. kita sekarang ini bercakap banyak tentang Titah Diraja. Ini merupakan titah yang dikeluarkan daripada mulut Seri Paduka Baginda. *Be careful on this, you might contravene* 36(8). Okey? Jikalau pun hendak bercakap tentang kelemahan Kerajaan Barisan Nasional tetapi apa yang dibincangkan sekarang ini adalah titah yang keluar daripada mulut Diraja. *Be careful*, kita mungkin melakukan kesalahan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri alasan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. *Point* habis.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh. *Sit down*. [*Dewan riuh*]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri sedikit alasan mengapa saya katakan seperti tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita perlu beri tadika untuk Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bercakap...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Hendak jadi Speaker kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pergi tadika lah. *Free of charge*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kuala Krai kah yang mana tadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Percuma...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada. Tidak faham?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua lah. *Please*. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak faham? Duduk.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pergi tadika.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beri saya ruang untuk memberi alasan untuk *point of order* tadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Siapa Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Ipoh Timur sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya buat *ruling* sekarang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Buat *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa yang saya mahu semua yang ada di dalam Dewan ini Yang Berhormat untuk berhati-hati...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Pergi tadika.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan terlanggar 36(8). Okey?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu tarik perhatian Dewan Yang Berhormat mulia ini mengenai apa yang ditulis dan dibincangkan oleh kalangan orang ramai yang sangat tepat. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*As if Barisan Nasional hadn't done the nation enough damage by corrupting and co-opting civil institutions like*

the police, judiciary and press, now it has apparently decided to involve the Agong in its sordid political game”.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya minta sekali Tuan Yang di-Pertua 36(8). Saya sudah baca artikel ini daripada Dean Johns.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Takut kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya sedang bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Please.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Takut kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya beri alasan kepada...

Seorang Ahli: Duduklah Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan begitu jadi takut lah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita *open society*.

Beberapa Ahli : *[Menyampuk]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan alasan yang saya bawa ini adalah penting sebab saya tidak mahu pertama sekali rakyat dikelirukan seperti mana yang dinyatakan sebelum ini walaupun kerajaan memberi input dan draf ucapan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, apabila dititahkan itu adalah *Command of the King* dengan izin. Saya beri contoh, saya lihat tadi Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan Agong ‘*puppet*’. Apa yang diserahkan kepada Baginda akan diutarakan. Tak betul! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua dalam kes pelantikan Menteri Besar Terengganu dan Perlis, Agong atau Sultan yang membuat keputusan. Mereka mempunyai pandangan peribadi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Saya tahu Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Walaupun mereka tidak bersetuju dengan draf yang diberikan oleh kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat Kota Belud. Saya tidak spesifikasi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tolong jangan layan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini termasuk Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* tidak guna Perlembagaan kah?

Seorang Ahli: Eh dia tidak faham lagi. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat – supaya tidak masuk jauh dalam isu ini Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Saya tidak pernah masuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekarang kita membincangkan tentang titah yang dibuat oleh Seri Paduka Baginda. Jangan libatkan Seri Paduka Baginda. Itu titahnya Yang Berhormat. *Please*, saya beri *portion* kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada apa-apa kritikan dan serangan kepada Yang di-Pertuan Agong. Sangat jelas. Kita perlu faham sebagai Ahli-ahli Parlimen apa sebenarnya kualiti dan status Titah Diraja. *Speech from the throne* apa ertinya? Ialah *government policy address*. Ya lah, ia satu ucapan kerajaan mengenai dasar-dasar 12 bulan ini. Sungguhpun itu adalah *speech from the throne* dan sebab itu bolehlah kita bahas, sebab itu kita bahas termasuk kritikan. Akan tetapi bukan kritikan peribadi Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No*, Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan Titah Diraja itu adalah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jikalau tidak mengapa diadakan perbahasan. Akan tetapi orang muda itu tidak faham.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itulah. *You* terlampau tua. *You* terlampau tua sebab itu *you* tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh sebab itu, adalah kebenaran sebenarnya sama ada di Malaysia, United Kingdom dan Australia ada *constitutional monarchy* di mana Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja boleh dipinda. Saya ingat 20 tahun yang lalu apabila saya kemukakan satu usul kepada menjunjung kasih diraja

adalah reaksi menteri-menteri yang sangat *undemocratic* dan tidak faham sistem itu dia kata inilah *creation* oleh sebab mahu pinda ucapan Titah Diraja. Bukan. Apa yang mahu dan perlu dipinda ialah mengenai dasar-dasar kerajaan. Nampaknya 2010 kita balik 50 tahun dahulu masih tidak faham. Fikiran begitu kolot, feudal, kuno dan tidak faham apa-apa ertinya.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Okey, sudah bagi saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya teruskan?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat boleh beri saya sedikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Ini kita perlu tahu oleh sebab kita mahu bahas apa fikiran orang ramai. *“The speech that the BN government gave Tuanku Mizan Zainal Abidin to read at the opening of the third session of the 12th Parliament on Monday was a flagrant abuse of the constitutional monarchy that Malaysia is supposed to be”. – flagrant abuse by the government...”*

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The Agong is the symbolic and ceremonial rule of all Malaysians.* Semua termasuk Pakatan Rakyat bukan sahaja UMNO.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, *point of order.* Saya rasa Tuan Yang di-Pertua kena tegas dalam hal ini. Saya sudah baca artikel oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You must be fair to me* Yang Berhormat. Saya belum baca pun artikel ini. *I am listening to him.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Let me read the thing.* *“The Agong is the symbolic and ceremonial rule of all Malaysians not some party political pawn or puppet and when he ritually addressed the Parliament, his role like that on the senior colleague in the UK Queen Elizabeth is to up line the government’s legislative program not see is partisan phrases of criticize opponents.”* That is valid. Mengapa? Bukan ada apa-apa kesalahan atau masalah dengan Tuan Yang di-Pertuan Agong. Masalahnya ialah kerajaan Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah saya balik kepada tajuk?

■1540

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya teruskan. [Dewan riuh]

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Bagi saya sedikit...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Saya bagi *three acid test*. *First, second already* kelam kabut. [Ketawa] *Acid test* yang ketiga.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sikit, sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti saya *acid test* yang ketiga dahulu. *Acid test* yang ketiga, *acid test* 1Malaysia *acid test*. Sama ada semua Ahli-ahli Parlimen, Barisan Nasional, Menteri-menteri, Timbalan Perdana Menteri bersedia untuk menyokong objektif 1Malaysia. 1Malaysia sebagaimana yang ditafsirkan oleh Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia untuk membentuk satu negara di mana setiap rakyat menganggap dirinya sebagai rakyat Malaysia dahulu dan mengikut kaum, agama atau wilayah.

Kemudian, *this is the "Government Transformation Programme, 1Malaysia The Road Map"*, dengan izin. *The goal of 1Malaysia. A nation where it is hope every Malaysian perceived himself or herself as Malaysian first and by race, religion, geographical region or social economic background, second. And whether principles of 1Malaysia are woven into the economic, political, social fabric of society.*

Adakah setiap pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Parlimen rela berdiri dan mengumumkan bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dahulu. Yang Berhormat Kota Belud bahawa *you are Malaysian first and a Malay second*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ulang balik perkataan tadi. Saya tidak dengar tadi. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mengumumkan sahaja. *Malaysian first, Chinese second!* Saya *Malaysian first, Chinese second!* [Dewan riuh] Adakah setiap pemimpin UMNO rela berdiri, [Dewan riuh] *Malaysian first, Chinese second*.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ipoh Timur, kalau *Chinese second*, ke mana Iban?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: MCA – *Malaysian first, Chinese second*.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Semua Malaysia berkata, kalau *Chinese second*, di mana Iban?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: MIC – *Malaysian first, Indian second*. Kadazan – *Malaysian first, Kadazan second*. Iban – *Malaysian first, Iban second*. Kenapa?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau Cina *second*, mana Iban?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nampaknya begitu eksklusif. Sangat *simple*, nampaknya begitu eksklusif. Kenapa?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana kita tidak mahu menerima *1Malaysia concept*. Siapa berani? Berdiri kata UMNO? *Are you a Malaysian first and Malay second?*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I'm a Malaysian first and Malay second?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes, are you? You declare that?*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I am.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Okay, good. So, you pass third test lah.*

Seorang Ahli: *Malaysian first, Iban second.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *For every leader that make that declaration. I don't know. I'm not so sure. [Dewan riu]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm not so sure if the Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri prepare to declare he's the Malaysian first, Malay second. Every Menteri prepare to pass this test.*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini berlainan sedikit Yang Berhormat Ipoh Timur, beri saya peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You can pass this test than there is hope and chance for 1Malaysia.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ipoh Timur bagi saya sikit lah. Lama sudah tunggu. *If you are a Malaysian first...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Shah Alam, Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, ya. *[Dewan riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. *[Dewan riu]*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Minta...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Shah Alam, Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Minta kasihan lah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Cubalah pembangkang tunjuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, ya Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya sebenarnya tertarik dengan apa yang dituliskan di dalam "*Government Transformation Programme, The Road Map*". Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Ipoh Timurlah, apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur sekiranya itulah matlamat kerajaan 1Malaysia ini? Bagaimana kedudukan parti-parti politik yang berdasarkan kepada kaum bukan berdasarkan kepada prinsip. *[Tepuk]* Adakah parti-parti politik yang berdasarkan kepada kaum merupakan satu percanggahan dengan matlamat yang dikatakan yang ingin diusahakan oleh kerajaan Barisan Nasional. Saya tahu orang UMNO akan kata, PAS pun berdasarkan pada Islam, maka ianya sama juga. *[Disorak]* Akan tetapi Islam bukan kaum. Ianya adalah berdasarkan kepada prinsip...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Lagi susah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang inginkan menegakkan keadilan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Lagi susah, *religion. Religion is worst!*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada orang kata Islam ini lagi susah, saya harap dia bukan orang Islamlah yang cakap begitu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi saya hendak pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Apakah wujudnya parti politik yang berdasarkan kepada kaum merupakan satu percanggahan dengan dasar 1Malaysia yang disebutkan di dalam dokumen tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat tujukan soalan kepada DAP tahu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, *consequently* ialah bahawa semua parti yang berasaskan kaum perlu dibubarkan. *[Dewan riuh][Tepuk]* Oleh kerana mereka menentang konsep 1Malaysia. *[Dewan riuh]* UMNO sendiri, MCA, MIC...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semua bertentangan dengan konsep 1Malaysia.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu saya kata, asid yang kedua. Ujian yang kedua, saya ada tanya ialah...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh beri laluan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah rela kata bahawa 1Malaysia berasaskan kepada ketuanan rakyat Malaysia.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh beri laluan tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri laluan?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasihlah, Yang Berhormat Kota Belud. Terima kasih Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh minta laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penakut! Pengecut!

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tadi kita sentuh tentang parti politik yang berdasarkan kepada kaum. Adakah rakan-rakan kakanda di sana bersetuju di mana apabila UMNO...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sebagai *chauvinist* Cina, akan tetapi kita lihat Pengerusi DAP, saudara Yang Berhormat Karpal Singh adalah Singh. Senator DAP, Tengku Aziz kerabat Diraja Melayu. Senator DAP di Selangor, Ramakrishnan orang India. Mana ada Cina! Yang penting kita kerja sokong bangsa Malaysia. Itu bezanya DAP dengan UMNO. *[Dewan riuh]* UMNO tutup pintu, kita cabar.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: UMNO bagi Ong Ka Ting untuk UMNO. Boleh tidak? Tidak boleh. *[Dewan riuh]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Akan tetapi Ong Ka Ting boleh masuk DAP. Yang Berhormat Rembau boleh masuk DAP jugak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kerana DAP buka pintu untuk semua kaum di bawah pimpinan Ipoh Timur. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ong Ka Ting itu wakil rakyat, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Inilah bezanya parti untuk semua dan parti untuk satu kaum.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Beri laluan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sampai sekarang dia tidak faham, kena masuk jalan Muzium Negara.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Ipoh Timur boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Banyak itu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Ini ucapan saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I must make some progress.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beri laluanlah! Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I must make some progress.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ipoh Timur popular. Bagilah saya *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain sabar Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita baca definisi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau berani jawablah. Beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apabila kita membaca definisi ini..

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Beri laluan kepada Yang Berhormat Padang Besar dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Optimally, a nation where every Malaysian perceived himself or herself as Malaysian first. And by race, religion, geographical region second.* Sebenarnya inilah Malaysian Malaysia. *[Dewan riuh]* Inilah Malaysian Malaysia yang dilaungkan pada permulaan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO ciplakkah, UMNO ciplakkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau 1Malaysia rela menerima asas ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Betullah Yang Berhormat Bayan Baru sebut tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita rela sokong, sebab itu kita cadang, rela membuat cadangan menubuhkan satu *Parliamentary Select Committee* supaya 1Malaysia berasas kepada fahaman ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang kita Malaysian Malaysia mahu boleh berjaya, ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Bagi kawan dia dahulu ya. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur dan Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan perbincangan dan perbahasan pada petang ini. Dalam nafas dan dalam nada semangat 1Malaysia. *[Dewan riuh]* Kalau boleh kita sokong tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur, saya ingin penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur. RM64 juta peruntukan bajet belanjawan yang sudah pun kita mengalami penguncupan, diserahkan dan di peruntukkan.

Diberikan kepada Biro Tatanegara yang merupakan lubuk perkauman. Menjana ketuanan Melayu, super misi UMNO sempit. Apakah ini tidak bercanggahan dengan panggilan dan slogan mantera keramat 1Malaysia. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Ipoh Timur tolong jelaskan kepada kawan-kawan sebelah sana. Ia adalah segala-galanya. Berlawanan, anti tesis kepada 1Malaysia. Bolehkah kita terima RM64 juta diperuntukkan untuk memperkukuhkan ketuanan UMNO Putera dan Melayu sempit seperti mereka. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Beri laluan sedikit tambahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Very correct.* Dan sebab itu kita mendoakan adakah sungguhpun Perdana Menteri ada utarakan konsep 1Malaysia bahawa ini adalah dapat sokongan yang serius dan jujur oleh rakan-rakan beliau dalam Kabinet, dalam UMNO.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apabila ada Biro Tatanegara bahawa ada peristiwa-peristiwa sebelum ini yang menunjukkan bahawa musuh yang terbesar kepada konsep 1Malaysia datang daripada UMNO dan datang daripada Barisan Nasional sendiri.

Seorang Ahli: Sudahlah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana media masa *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* tidak berhenti adalah racun, racun...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Racun berbisa. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Race* dan agama.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Racun berbisa...

■1550

Seorang Ahli: Racun berbisa. *Enthusiast 1Malaysia*. [Ketawa]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berilah ruang. Baru lah *gentleman*. [Ketawa] Kalau seperti ini tidak boleh menjadi Ketua Pembangkang lah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit dan ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Bagaimana baru-baru ini doktor-doktor muda atau pun *housemen* yang dihantar untuk *induction*, kursus induksi mereka. Salah satu daripada sesi kursus itu seorang pegawai daripada JPM, Bahagian Keselamatan, masuk-masuk sahaja, ayat pertama yang dibangkitkan adalah “*Siapa dalam kalangan kamu ini pembangkang atau pun ibu bapa nya pembangkang, keluar sekarang juga*” [Dewan Riu]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kepada doktor-doktor muda... [Dewan Riu]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud ingin mencelah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mengapa Yang Berhormat Kota Belud itu?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebut nama! Bila? Kita hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini *floor* saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* pakai tudung, jangan hendak menuduh!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jadi, ini yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta pegawai, nama pegawai, tempat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sikap dan gelagat pegawai kerajaan yang dibasuh fikiran mereka oleh pimpinan-pimpinan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beri nama! Beri nama!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tempat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mereka kepada doktor-doktor muda seperti itu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuduhan semua itu!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mereka hendak orang kata...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Fitnah!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini bukan tuduhan! Ini adalah perkara yang benar.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beri nama! Beri nama pegawai!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya boleh buktikan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beri nama pegawai!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya boleh buktikan! Jadi...

Seorang Ahli: Beri nama!

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Fitnah!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita pun hendak selesaikan perkara ini. Beri nama pegawai itu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tahu. Itu perkara benar bahawa...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Betul. Betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bahawa...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita pun hendak selesaikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bahawa adalah peristiwa...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini berlaku dan sebab itu kita adalah meninggalkan tiga *acid test* 1Malaysia. Kita tinggalkan *acid test*. Bolehkah pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri meluluskan *three acid test*. Berapa ramai Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai DNA 1Malaysia? [*Dewan riuh*] dan boleh lulus dalam tiga ujian mudah yang disebutkan tadi. Itu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: DNA 1Malaysia terdiri daripada ketiga-tiga aspek ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hendak beri jalan atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, hendak memberi jalan?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berilah. Yang Berhormat Kota Belud, kawan lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar. Yang lain silakan duduk. Yang lain duduk. Hanya Yang Berhormat Padang Besar sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Sebagai seruan pada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, kami dalam Barisan Nasional pun merasa malu kalau ada pegawai yang sebegitu sikapnya. [*Ketawa*] Kawan-kawan dalam Barisan Nasional, kita pun kalau ada pegawai sebegitu... [*Dewan riuh*] Beri nama kepada kita.

Kedua, sebab...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sebagai *prerequisite* 1Malaysia kah 1Malaysia kah, asas yang penting ialah sikap dan perpaduan anak-anak di sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, silakan duduk.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Adakah Yang Berhormat Ipoh Timur sanggup menyeru kepada semua ibu bapa orang Cina dalam negara ini menghantar anak-anak kepada sebuah sekolah kebangsaan? [*Tepuk*]

Di situ kita letak semua bahasa untuk dimasukkan supaya kita dapat menyatukan anak-anak kita dahulu daripada peringkat sekolah kemudian barulah kita

dapat menyampaikan satu gagasan rakyat yang betul-betul bersatu. Hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Ipoh Timur sanggup menjadi *champion*?

Seorang Ahli: Jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengapa ada berlaku aliran di mana banyak murid-murid kaum Cina di sekolah Tiong Hua rendah. Mengapa? Tahun 1970, apakah keadaannya? Siapakah yang menyebabkan keadaan ini? UMNO. Barisan Nasional. *[Dewan Riu]* Itulah!

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya bertanya Yang Berhormat, sanggup atau tidak kita menyeru pada hari ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun][Dewan Riu]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Menyebabkan-kedudukan sekarang ialah dasar pecah-belah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya. Kita rombak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dasar-dasar pecah-belah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Kita mahu rombak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: UMNO, Barisan Nasional.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kaji segala formula tetapi akhirnya apa yang mustahak ialah memberi rakyat merasa bahawa hak mereka tidak diceroahi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya. Sanggup Yang Berhormat kita rombak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Yang lain duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kelirulah kerana *point* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Padang Besar, adakah dasar 1Malaysia ini merupakan satu dasar yang bertujuan untuk menghilangkan identiti semua kaum? Adakah sekolah-sekolah vernakular yang berbahasa Cina dan Tamil, perlu dihapuskan? Adakah ini yang dimaksudkan dengan dasar 1Malaysia sehingga...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Padang Besar menuntut supaya semua sekolah ini, anak-anak murid ini dikeluarkan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. *[Ketawa]*

Ini kerana keliru. Kalau itulah yang dimaksudkan dengan dasar 1Malaysia, maka ia bukan merupakan satu dasar yang *inclusive* yang ingin menyatupadukan rakyat. Ia akan merupakan satu dasar yang menyebabkan ada suasana perkauman yang semakin meruncing.

Inilah sebabnya kita ini berbeza daripada UMNO, PAS ini. Kita ini berjuang atas dasar prinsip Islam yang menghormati hak semua kaum. *[Tepuk]* Itulah sebabnya walaupun kita menghormati hak semua kaum, walaupun kita hendakkan perpaduan, kita kata apa yang merupakan bahasa mereka, bahasa ibunda mereka, sekolah, vernakular mereka dan sebagainya, ia adalah hak mereka. Ia tidak merupakan satu institusi yang mencabar *[Tepuk]* atau pun mempersoalkan dan mempertikaikan kejujuran...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan kesetiaan mereka kepada negara. Itu adalah hak yang diiktiraf oleh Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan ini merupakan prinsip. Saya hendak penjelasan, adakah dasar 1Malaysia bertujuan untuk menghapuskan identiti semua kaum supaya akan kembali kepada konsep ketuanan Melayu, UMNO Putera, ketuanan Melayu sempit yang tidak menghormati hak kaum-kaum yang lain *[Tepuk]* Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Soalan itu tepat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Soalan itu tepat dan tentulah kalau tidak dijawab dengan memuaskan akan menjadi soalan mengapa rakyat tidak percaya kepada konsep 1Malaysia dengan jujur dan serius. Akan tetapi, saya menyerahkan kepada Yang Berhormat Padang Besar. Dalam ucapan beliau, bolehlah jawab perkara ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan tetapi, Yang Berhormat dari Telok Intan, beliau mahu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya mencelah sebentar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Ipoh Timur, bagaimanakah lebih kurang 7,000 orang anak murid Melayu pergi ke sekolah Cina? Adakah sebab suasana di sekolah nasional itu tidak begitu baik? Sebanyak 7,000 orang, 70,000 orang anak Melayu pergi-bagaimana ia boleh berlaku? Apakah anak orang Barisan Nasional sanggup menghantar anak mereka ke sekolah Cina? Sebab suasana di sekolah Cina lebih bagus untuk belajar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: 70,000 orang agaknya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap bahawa Yang Berhormat Padang Besar nanti dalam ucapan beliau...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh ambil isu ini oleh kerana timbul daripada soalan beliau ialah sama ada beliau mencadangkan asimilasi untuk *nation building, integration* sebagai asas untuk pembinaan satu negara, masyarakat majmuk. Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menenangkan keadaan *[Ketawa]* supaya semua tidak hilang punca.

Kita kembali pada tajuk asal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang keenam, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib mengumumkan dasar 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Dasar ini hendak menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dalam negara tercinta ini supaya benar-benar kita bersatu-padu untuk menjamin keharmonian, keamanan dan keselamatan. Satu tujuan yang sangat murni.

Saya berharap Yang Berhormat Ipoh Timur jangan mengelirukan masyarakat kerana - jangan lupa ayat penuhnya, dasar 1Malaysia bertunjangkan Perlembagaan negara. Maknanya apa yang ada dalam Perlembagaan, soal bumiputera, soal bangsa lain, tidak diusik. Cuma tujuannya untuk menyatupadukan. Jadi, kalau kita tafsirkan, mengikut tafsir masing-masing berdasarkan parti politik, kepentingan kita, ia akan bercanggah.

■1500

Jadi, saya harap Yang Berhormat Ipoh Timur yang berpengalaman, kita ubahlah tajuk lain supaya... *[Ketawa]* Terus sahajalah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang hendak disampaikan mungkin ada benda-benda yang baik yang boleh disampaikan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, silalah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sebelum berbangkit tajuk lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Lama saya minta peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Adillah sedikit orang Sarawak ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betul, bahawa apa yang kita utarakan berlandaskan atas Perlembagaan. Soalan *free acid test* yang saya kemukakan. Bukan sahaja *free acid test* mengenai kesetiaan kepada 1Malaysia juga kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab mengikut Perlembagaan pun berlandaskan Perkara 153 tidak dipertikaikan tetapi pada akhirnya Perlembagaan berasaskan kepada konsep ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu. Adakah setuju?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal Perlembagaan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan kita...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Tidak pula menafikan hak bangsa ataupun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kaum lain dalam negara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ketuanan rakyat Malaysia atasi semua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hak-hak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita semua rakyat Malaysia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, itulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Yang diiktiraf...

- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya kira mahu terima bahawa...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Oleh Perlembagaan dan 1Malaysia tidak bertentangan. Ia tidak bermakna sesuatu itu agak berbeza. Tidak.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mungkin saya...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Ipoh Timur...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Perlu *free acid test* yang...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *You* cukup-cukup...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Keempat...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bijak dalam perkara ini. Mari kita secara tenang terima konsep untuk menyatupadukan rakyat kerana...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Keharmonian.
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih atas...
- Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Okey.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Pencelahan Yang Berhormat Sri Gading dan saya rasa saya perlulah *acid test* keempat menerima bahawa Perlembagaan Persekutuan berasas kepada berkonsep konsep ketuanan rakyat Malaysia dan bukan ketuanan Melayu. Adakah menerima itu?
- Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tentu menerima itu. Oleh kerana...
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...Kalau kita ikut Perlembagaan, sesiapa boleh menjadi Perdana Menteri. Sesiapa boleh menjadi Perdana Menteri tidak kira kaum.
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Ya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak kira agama. *[Disampuk]*
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Ya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sungguhpun realiti yang lain betul. *[Disampuk]*
- Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Ya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sungguhpun realiti yang lain. Saya pun terima itu. Akan tetapi asasnya Perlembagaan Persekutuan ialah berasaskan ketuanan rakyat Malaysia bukan ketuanan Melayu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap itulah *acid test* keempat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Boleh saya jawab soalan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Sebentar tadi saya ada tanya. Berapa ramai Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai DNA 1Malaysia yang boleh lulus dalam tiga sekarang? Empat ujian mudah yang disebut tadi. Mana? Berapa ramai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang mempunyai DNA 1Malaysia dan boleh lulus dalam empat ujian mudah berkenaan? Jelas sekali 1Malaysia membawa makna yang berbagai. *A thousand and one versions* kepada Kabinet dan pemimpin-pemimpin parti-parti politik dari Barisan Nasional sama ada Menteri dalam UMNO atau bukan UMNO.

Apabila Menteri-menteri bukan UMNO seperti Menteri KPI yang bertanggungjawab terhadap pelan hala tuju Program Transformasi Kerajaan, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Menteri-menteri dari MCA, MIC, dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah dan Sarawak tidak berani mempertahankan konsep 1Malaysia dan berdiri berucap di mesyuarat Jemaah Menteri mengenai keingkaran dan pemberontakan JAKIM atau eksploitasi sentimen kaum dan agama secara tidak bertanggungjawab oleh media dan agen-agen UMNO.

Maka persoalan mengenai sama ada 1Malaysia mempunyai sebarang makna setelah dilancarkan buat pertama kalinya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan April yang lepas menjadi amat penting. Saya berani berkata bahawa sebagai hakikatnya musuh 1Malaysia bukanlah dari luar Barisan Nasional (BN) tetapi dari dalam UMNO sendiri. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah sebab mengapa cadangan saya...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Beri izinkah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. *Do not jump here. Let me at least come to...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat biarlah Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap. Siapa yang puas hati nanti bercakap. Saya akan beri peluang.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini lah sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat elok seperti ini. Tadi betul-betul macam pasar ikan sahaja kita.

Beberapa Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini ahli pasar ikan atau Ahli Parlimen?

Beberapa Ahli: Ahli Parlimen.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan sedikit boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini adalah sebab...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak beri Yang Berhormat...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak sedap dengar pasar ikan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah sebab mengapa cadangan saya supaya satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai 1Malaysia. Ia dapat sebarang sambutan termasuk dari Menteri KPI yang bermakna bahawa beliau tidak yakin *Government Transformation Program Roadmap* yang mendapatkan sebarang hasil ketara dan tidak akan terdaya menahan penelitian orang ramai dan Parlimen. *Government Transformation Program* 1Malaysia menyentuh mengenai menggalakkan media 1Malaysia are *inclusive* katanya dan saya petik daripada *the GTP*.

“Sebaiknya jika ada dan apabila terdapat kaedah pelaporan dan penulisan yang berbentuk terlalu berpusatkan sesebuah etnik atau lebih bersifat perkauman, maka ini akan memperkukuhkan lagi tembok perkauman dan bukan meruntuhkannya. Selanjutnya, daripada memberikan kritik yang sahih dan membina, sesetengah penulis menyalahi guna hak kebebasan. Bersuara yang lebih besar yang sedia ada dengan menggunakan istilah dan perasaan yang bersifat perkauman atau hasutan. Sementara penapisan adalah bercanggah dengan demokrasi, terdapat keperluan bagi memulakan menerap dan menghayati secara dalaman satu komitmen terhadap kewartawanan yang bercorak profesional, suatu perasaan bertanggungjawab dan kawal diri dengan sifat sensitif terhadap pelbagai pandangan dan perasaan pelbagai komuniti di Malaysia.”

Sebarang kajian bebas terhadap senario media massa di Malaysia akan menempatkan antara yang paling bersalah kerana kaedah pelaporan dan penulisan yang berbentuk terlalu berpusatkan sesebuah etnik atau lebih bersifat perkauman. Salah gunakan istilah dan perasaan yang bersifat perkauman atau hasutan langsung tidak sensitif terhadap pelbagai pandangan dan perasaan pelbagai komuniti di Malaysia. Selama dua tahun tsunami politik 8 Mac 2008 dalam pilihan raya adalah media-media UMNO, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* ialah siapa yang mencadangkan supaya *Utusan Malaysia* atau *Berita Harian* ditutup.

Akan tetapi apa yang telah dilakukan oleh mereka yang bertanggungjawab menghasilkan *Government Transformation Program 1Malaysia* khasnya Menteri KPI, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Selain daripada menyokong ia juga menggalakkan satu media 1Malaysia yang *inclusive* supaya berkomunikasi dengan media UMNO yang menyeleweng supaya memulakan, menerap, dan menghayati secara dalaman. Satu komitmen terhadap kewartawanan yang bercorak profesional, satu perasaan bertanggungjawab, kawal diri dengan sifat sensitif terhadap pelbagai pandangan, dan perasaan berbagai-bagai komuniti di Malaysia. Paling penting lagi ialah maknanya sebenarnya konsep 1Malaysia.

Ironinya, media UMNOlah yang membekalkan bukti terbaik mengenai kebangkitan *Middle Malaysia*. Dalam masa lampau semua racun, dusta, dan fitnah hasutan yang dikeluarkan secara bertubi-tubi oleh media UMNO seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* selama dua tahun berturut-turut ini misalnya fitnah DAP adalah anti Melayu dan mahu menghapuskan Sistem Raja Melayu dan menubuhkan republik tentu telah mencetuskan huru-hara di Malaysia khasnya sebelum 8 Mac 2008 di mana sumber maklumat rakyat jelata terhad kepada media arus utama.

Bagaimanapun, pada hari ini ramai tidak lagi berminat membaca semua racun dusta, dan hasutan yang disiarkan oleh media arus utama. [*Tepuk*] Ini kerana mereka tidak lagi berkredibiliti. Rakyat tidak lagi menjadi hamba media arus utama yang dimonopoli oleh UMNO/BN.

Ada *Harakah*, *Roket*, *Suara Keadilan*, [*Tepuk*] dan internet. Sungguhpun kuasa jahanam mereka untuk mencetus masalah tidak boleh dipandang ringan juga dalam masa-masa yang lepas pemimpin-pemimpin DAP tentu merasa cuma dengan semua dusta dan racun yang disebarkan oleh surat khabar UMNO ini. Hari ini sungguhpun kami tetap mengawasi laporan media UMNO tetapi adalah jelas dengan kebangkitan *Middle Malaysia* tidak lagi wujud keadaan di mana dusta dan pembohongan *Utusan Malaysia*

dan *Berita Harian* dianggap sebagai kebenaran yang tidak tercabar oleh orang ramai.
[Tepuk]

■1610

Rakyat Malaysia – semua kaum, Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, kini berupaya membezakan kebenaran daripada pembohongan, khususnya yang disebarkan oleh media UMNO. Cara paling baik untuk memaparkan kepalsuan, racun, fitnah dan dusta Utusan Malaysia dan Berita Harian adalah menyangkal dengan fakta dan hujah yang rasional. Sungguhpun ini, tidak bermakna pihak polis dan Peguam Negara tidak perlu mengambil tindakan terhadap media UMNO ini demi melindungi integriti dan kepentingan Malaysia yang majmuk.

Malang sekali kita tidak mempunyai institusi-institusi nasional yang berkesan, bebas dan profesional kerana Peguam Negara, polis, hakim, malah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia gagal melaksanakan tugas mereka secara adil dan saksama, menegakkan apa yang betul dan benar kerana sebaliknya lebih rela berkhidmat demi tuan politik mereka dan bukannya demi kepentingan negara. Rakyat Malaysia berhak bertanya mengapakah Kementerian Dalam Negeri begitu tidak sensitif dan tidak prihatin terhadap eksploitasi sentimen kaum dan agama yang terus-menerus dipermainkan oleh *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sehinggakan 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi bahan sindiran? Akan tetapi begitu cepat mengambil tindakan terhadap media lain seperti *China Press* yang salah melaporkan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan telah meletakkan jawatan sungguhpun beliau dijangka bersara dalam bulan September ini.

Menteri Dalam Negeri telah menafikan bahawa pengarang *China Press* telah dipaksa meletak jawatan. Jika tidak, surat khabar berkenaan akan digantung selama enam bulan sebagai hukuman. Beliau hanya mengakui bahawa surat tunjuk sebab telah dihantar kepada surat khabar berkenaan. Beliau sepatutnya menjawab di Parlimen apakah kesalahan, *what's the big deal* yang begitu serius yang telah dilakukan oleh laporan *China Press* berkenaan? Akhbar tersebut telah membuat satu kesilapan dan satu pembedulan telah diterbitkan.

Dalam sistem demokrasi yang matang di negara-negara maju, media mereka pernah membuat laporan bahawa Presiden atau Perdana Menteri mereka telah meletak jawatan dan sekiranya didapati laporan berkenaan silap, mereka akan menerbitkan pembedulan dan menghadapi masalah kredibiliti yang terjejas sebagai hukumannya. Mengapa Menteri Dalam Negeri begitu garang terhadap media dalam kes ini? Adakah

laporan yang berkenaan begitu serius sehingga boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara?

Sekiranya Yang Berhormat Menteri cuba justifikasikan tindakan ini dengan alasan-alasan seperti ini, ia hanya akan menjadi bahan ejekan ramai sahaja. Saya gembira ada baca berita baru-baru ini bahawa tidak akan ada apa-apa tindakan akan diambil oleh kementerian terhadap *China Press*. Ini adalah patut. Inilah *welcome*. Contoh-contoh tadi yang mencabar konsep 1Malaysia sepatutnya dikaji dan diteliti oleh satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen Mengenai Pelan Hala Tuju, *Government Transformation Program* sekiranya Jemaah Menteri dan Parlimen serius dengan objektif nasional ini.

Di sini saya ingin memberi notis supaya tidak dengan izin, *everybody was surprised* bahawa saya akan membentangkan satu usul untuk meminda Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja untuk menambahkan perkataan-perkataan berikut dan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen Mengenai Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan yang diketuai oleh seorang Ahli Parlimen Pembangkang di akhir ucapan saya. Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini bukanlah sahaja akan menyelia pelaksanaan prinsip-Prinsip 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan tetapi turut menyelia tujuh komponen isu dan inisiatif yang berkaitan dengan perpaduan iaitu:

- (i) ekonomi dan perpaduan negara di bawah 1Malaysia;
- (ii) pendidikan dan perpaduan negara di bawah 1Malaysia;
- (iii) menggalakkan interaksi sosial 1Malaysia;
- (iv) menguruskan populariti agama dan budaya;
- (v) ke arah Kerajaan 1Malaysia yang sebenarnya;
- (vi) menggalak dan mengamalkan politik 1Malaysia yang inklusif; dan
- (vii) menggalakkan media 1Malaysia yang inklusif.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen 1Malaysia juga akan menyelia pencapaian-pencapaian bidang keberhasilan utama nasional atau NKRA iaitu:

- (i) mengurangkan kadar jenayah;
- (ii) memerangi rasuah;
- (iii) meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan kemampuan;
- (iv) menambah baik pengangkutan awam;
- (v) memperkasa prasarana luar bandar; dan
- (vi) meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bulan yang lepas bersama-sama Ahli Parlimen DAP Kota Kinabalu, Serdang dan Segambut, saya telah membuat lawatan ke Kota Belud dan Tuaran. Satu pengalaman yang memberikan kesan kuat kepada kami semua iaitu mengapa impian dan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia boleh dikhianati selama lima dekad selama ini?

Di Kota Belud, 800 pelajar dan 54 guru SMK Tambulion menderita setiap hari untuk pergi dan balik dari sekolah kerana satu-satunya jalan yang sambung ke sekolah mereka adalah jalan lumpur dan dalam musim kemarau ini, pelajar dan guru-guru semuanya sampai ke sekolah kelihatan seperti orang Putih. *[Ketawa]* Keadaan memalukan ini akan berterusan selama satu atau dua tahun lagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah? Pasal Kota Belud.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti, nanti. Akan tetapi, masalah yang dihadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat Kota Belud. Duduk sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan beri ke sana, nanti. Habiskan dahulu, Yang Berhormat Kota Belud. Duduk dahulu. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh SMK Tambulion bukanlah satu-satunya masalah yang mencetuskan kemarahan umum. Kami turut melawat Kem Paradise, kompleks tentera yang berupaya menempatkan 1,800 kakitangan tentera. Apa yang kami nampak adalah kuarters-kuarters bertingkat tinggi yang kosong belaka. Kem Paradise kini sudah menjadi *ghost land paradise*, tempat hantu *paradise*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hanya 35 kakitangan yang duduk di kompleks yang bertujuan menempatkan 1,800 kakitangan. Pembaziran wang rakyat yang ketara. Adakah Kementerian Pertahanan akan menetapkan bahawa pihak berkuasa tidak akan menubuhkan sebarang kompleks kem tentera yang baru sehinggalah Kem Paradise digunakan sepenuhnya?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kami juga membuat lawatan ke jelapang padi di Kota Belud, di mana 5,300 ekar sawah padi dan 500 isi rumah ditenggelami air setinggi enam kaki dalam bulan Januari kerana tidak ada sistem saliran air yang baik. Hampir 50 tahun Sabah dalam Malaysia di bawah kawasan Yang Berhormat Kota Belud, malulah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya berterima kasihlah kerana melawat Kota Belud hanya dua, tiga jam, duduk di kedai kopi hanya 30 orang yang hadir dan di situlah ucapan berapi-api Yang Berhormat, penasihat 30 orang di kedai kopi. Tidak apalah, itu tidak apa. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Pertama sekali saya ingin minta penjelasan sama ada maklumat yang diberi oleh pegawai-pegawai komrad DAP di kawasan Kota Belud itu betul atau tidak.

Pertama sekali saya ingin tanya, enam kaki banjir itu betul kah tidak? Waktu itu banjir, waktu banjir ianya tidak ada kena mengena dengan pembangunan. Di mana-mana pun – di Kelantan pun banjir, Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat datang pada waktu banjir, maka banjirlah kawasan itu. Janganlah sampai itu pun dijadikan satu alasan. Itu yang pertama.

Saya juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat tahu bahawa Kem Paradise itu adalah digunakan untuk latihan terbang, penerbangan angkatan udara untuk menembak dari udara ke *ground, air to ground missile* yang memerlukan kawasan yang besar, 20 ribu hektar? Saya faham kedudukan kementerian. Walaupun kawasan itu besar, ia perlukan kawasan yang besar untuk menurunkan bom-bom tersebut. Ini tidak diberitahu oleh pegawai-pegawai yang malas memberitahu kepada Yang Berhormat.

Mungkin Yang Berhormat terlupa atau terlepas pandang. Saya minta penjelasan, apakah Yang Berhormat tahu bahawa di Kota Belud ini kerajaan telah menubuhkan satu agropolitan – telah mengadakan jelapang padi baru-baru ini yang diluluskan RM100 juta? Ini semua adalah pembangunan yang dibawa oleh Barisan Nasional. Jadi janganlah...

Oh ya, satu lagi, jalan raya tadi yang dikatakan jalan raya yang berhabuk, *dusty* dengan izin, yang menyebabkan 800 pelajar dan 54 guru-guru terpaksa berdepan dengan habuk jalan raya. Memanglah betul. Pada waktu ini Yang Berhormat, jalan itu sedang dibuat. Memanglah jalan yang tengah dibuat ini berdebu. Jadi kalau datang, pergi ke kawasan dan tidak tahu hujung pangkal ceritanya, saya rasa ini tidak begitu betul. Ia berjalan. Saya faham. Saya pun kadang-kadang bawa...

■1620

Saya mengakulah saya juga *follow* Yang Berhormat Ipoh Timur dalam *twitter* beliau. Dia jalan di Kota Belud, dia *twit*, oh jalan di sini berdebu. Dia tidak nampak kalau dia jalan lebih sedikit, dia akan nampak jentera-jentera yang besar yang sedang

membuat jalan itu. Jadi janganlah memberi fitnah dalam Dewan yang mulia ini. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya percaya rakyat dan penduduk di Kota Belud pun tidak akan terima penjelasan Yang Berhormat itulah. Jalan raya itu kenapa tidak dibina apabila sekolah - sekolah itu sangat cantik. Mahligai, *very beautiful except* semua pergi sana orang putih. Oleh kerana *shattered with* pasir. Saya diberitahu Yang Berhormat sendiri pun tidak pernah gunakan jalan raya itu oleh kerana *not useable*. Benar atau tidak benar? *Go back and ask the people there*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Janganlah. *Do not go lower than that level. Please, please. [Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Never mind, ask the people there* tetapi ini bukan soal persendirian tetapi itulah menunjukkan betapa mundur infrastruktur di Sabah khususnya - tidak begitu pedalaman sungguh pun sudah dekat 50 tahun. Saya pergi Tuaran dan kami mendapati ianya harus dimasukkan ke *Guinness Book of Records*. Ini adalah apa? Betul saya ada *tweet* Tuaran. In Tuaran, *attend DAP Chinese New Year open house Sabah tale of horrors continue*.

Tuaran has most unique hospital not just Malaysia but world, without a single bed. Satu katil pun tidak ada! 150,000 people in Tuaran have to go to KK for hospitalization. Big shame! For a nearly 30 years string of promises to build ward with a bed never met. Save Sabah, Save Malaysia.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh jawab juga itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lagi satu *tweet*, lagi satu *tweet*. *Second Tuaran horror, Deputy Education Minister, Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi promised last year work on new secondary school in Pekan Nabalu near Tuaran would start before Christmas, not kept. Horror ketiga, tahun 1994 UMNO, BN promised to build bridge over Sungai Damik, Tuaran. Promises repeated in four general elections, never kept - Save Sabah, Save Malaysia.*

Lawatan kami ke Kota Belud dan Tuaran antara mengesahkan masalah yang berlarutan di Sabah di mana kepentingan rakyat Sabah tanpa mengira kaum, agama atau kawasan mereka terlerai, didiskriminasikan dan dipinggirkan. Orang yang menyebabkan semua ini adalah sekumpulan kecil ahli politik yang mengaut keuntungan peribadi dari kekayaan negeri Sabah sementara rakyat Sabah terus merana menjadi orang paling miskin di Malaysia.

Tahun 2013, tiga tahun lagi akan menandakan ulang tahun ke-50 penubuhan Malaysia. Adalah sesuai bagi kita untuk bersiap sedia menghadapi ulang tahun ini dengan mengkaji sama ada impian rakyat Sabah tahun 1963 semasa penubuhan Malaysia telah ditunaikan atau dikhianati. Adakah rakyat Sabah menikmati hak kerakyatan sepenuhnya sebagai rakyat Malaysia selama lima dekad ini? Biarlah proses perbincangan dan *sole searching* bermula sekarang, mengenai mengapakah Sabah sebuah negeri paling kaya di negara kita, menjadi negeri paling miskin di dalam tempoh lima dekad ini?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam tahun 1990-an Barisan Nasional berjanji kepada rakyat Sabah bahawa kemiskinan di Sabah akan dihapuskan dalam tahun 2000. Bagaimanapun bukan sahaja kemiskinan kekal di Sabah malah kadar kemiskinan di Sabah kini merupakan yang paling buruk sekali di Malaysia.

Seterusnya Barisan Nasional berjanji bahawa kemiskinan tegar di Sabah akan dihapuskan dalam tahun 2010 selepas berjanji akan menghapuskan kemiskinan tahun 2000 sekarang berjanji bahawa akan membasmi kemiskinan tegar tahun 2010.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat? Fakta tidak betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Habis dahulu. Itu boleh ucapan. Ini merupakan satu lagi janji-janji kosong Barisan Nasional yang bertimbun-timbun di Sabah dan di Malaysia. Rakyat Sabah dan rakyat Malaysia masih ingat lagi. Pada suatu ketika dahulu dalam usahanya untuk menumbangkan kerajaan PBS Sabah, UMNO dan BN berjanji wujud perkongsian kuasa yang tulen di Sabah, di mana jawatan Ketua Menteri akan digilirkan di antara tiga kaum utama di negeri berkenaan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta mencelah. Ini *point* bagus. Saya mencelah sedikit boleh? Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apakah rekod pemerintahan UMNO BN di Sabah selama 16 belas tahun sejak tahun 1994.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat boleh saya mencelah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk, dengar dahulu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Janji selepas ini boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk, duduk.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh lepas ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apakah rekod pemerintahan UMNO BN di Sabah selama 16 tahun sejak tahun 1994? UMNO BN telah membelakangkan janji perkongsian kuasa menerusi sistem Ketua Menteri secara bergilir. Dalam 16 tahun ini, jawatan Ketua Menteri Sabah telah dipegang oleh masyarakat Kadazan selama sembilan bulan. Sembilan bulan!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah tidak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cina selama empat tahun. UMNO selama 11 tahun.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat fakta salah itu Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk dahulu, ini merupakan..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi saya ruang untuk menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk dahulu. Ini merupakan bukti..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jangan takut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk! Ini merupakan bukti paling kukuh mengenai begitu seriusnya pecah amanah dan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat boleh saya menjelaskan? Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pengkhianatan janji UMNO BN...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terhadap rakyat Sabah selama 16 tahun mereka memerintah Sabah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh saya mencelah sekarang ini Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jangan takut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini semua tertinggal jauh dari janji-janji yang diberikan kepada rakyat Sabah pada awal tahun penubuhan Malaysia.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey boleh saya mencelah Yang Berhormat? Bolehlah sedikit lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nantilah saya habis Sabah dan Sarawak dahulu. Ini soal masa.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap sahaja. Tuduhan yang agak berat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tajuk yang sama. [*Dewan riuh*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penipuan, fitnah dan tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Fitnah ialah *specialty* Yang Berhormat Kota belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bapa Malaysia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pertama, Tuanku Abdul Rahman..

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh macam ini kah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bapa Malaysia...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Duduk boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bapa Malaysia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pertama, Tuanku Abdul Rahman mengemukakan cadangan yang penuh bersejarah mengenai penubuhan Malaysia. Terdiri daripada Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura di ucapannya di Singapura Foreign Correspondents Club pada 27hb Mei, 1961. Rakyat Sabah dan Sarawak telah dijanjikan dengan kemajuan dan pembangunan sekurang-kurangnya pada tahap yang dicapai di Semenanjung Malaysia. Adakah janji-janji ini telah ditunaikan dalam lima dekad ini? Jawapannya jelas, tidak.

Ke mana perginya kekayaan Sabah dan Sarawak selama lima dekad ini? Setelah lima dekad berlalu ramai di Sabah dan Sarawak masih kekurangan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik yang berterusan, bekalan air paip yang tidak tergendala dan jalan serta jambatan yang baik. Perkara-perkara yang dianggap sebagai biasa dan asas di lain-lain tempat di Malaysia. Tahun ini rakyat Tawau menyambut majlis makan malam sekeluarga menjelang tahun baru *Chinese New Year Eve* dalam kegelapan kerana bekalan elektrik terputus lagi.

Satu keadaan yang sering berlaku di Tawau, Sandakan, Lahad Datu dan kebanyakan tempat di Sabah. Bekalan air paip berada di dalam keadaan krisis yang berterusan. Keadaan jalan dan jambatan boleh dikatakan sebagai skandal dan memalukan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti!. Rakyat Sabah berhak bertanya mengapakah Sabah yang begitu kaya dengan sumber semula jadi tidak menikmati kemudahan infrastruktur yang asas? Mengapakah? Sebagai contohnya rakyat Sabah terpaksa menghadapi masalah putus elektrik yang sering berlaku. Sesuatu yang tidak

lagi kedengaran di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Setar, Ipoh, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu mahupun di Kuching, Sibu dan Miri?

Setelah Tuanku Abdul Rahman mengemukakan cadangan bersejarahnya mengenai pembentukan Malaysia pada Mei 1961, beberapa proses perundingan telah diadakan berikutan dengan berbagai bantahan sama ada dari dalam atau dan luar Sabah dan Malaysia. Termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap cadangannya berkenaan Suruhanjaya Cobbold telah menjalankan soal selidik dengan rakyat Sabah dan Sarawak untuk menentukan pandangan rakyat tempatan terhadap cadangan penubuhan Malaysia. Saya rasa tidak ada cara yang lebih bermakna.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehlah Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dengar, saya rasa tidak cara yang lebih bermakna untuk menandakan ulang tahun ke-50 negara Malaysia untuk Sabah dan Sarawak selain daripada mengadakan satu kajian yang komprehensif mengenai kejayaan dan kegagalan semua aspek pembangunan di dua negeri, selama lima dekad yang lepas dan mengumpulkan pandangan dari rakyat Sabah dan Sarawak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey boleh?

■1630

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Maka, saya menyeru supaya Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai impian dan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia sama ada ianya telah tercapai atau dikhianati sepanjang lima dekad ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehlah Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ini ...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Duduk dahululah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Harus mengadakan perjumpaan awam di 57 kawasan Parlimen di Sabah dan Sarawak supaya suara hati rakyat Sabah dan Sarawak dapat diutarakan sepenuhnya. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak bersedia ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bolehlah Yang Berhormat, berilah peluang, sudah banyak fitnah itu. Sudah banyak tuduhan itu. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak bersedia menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja, maka Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Pelan Hala Tuju, *Government Transformation Programme* 1Malaysia harus mengambil alih tugas yang penting dan penuh cabaran ini. Adakah Yang Berhormat Kota Belud sokong?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa dia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada satu Suruhanjaya Diraja mengenai kemajuan sama ada aspirasi rakyat Sabah dan rakyat Sarawak menyertai Malaysia adalah dikotakan atau dikhianati. Adakah Yang Berhormat rela untuk menyokong?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh saya jawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, panjang lagi. Tadi banyak gangguan termasuk daripada Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tidak ada masa, saya tidak mahu beri jalan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, ini penting Tuan Yang di-Pertua. Saya perlu perjelaskan. Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu beri jalan. Tiada masa. Tuan Yang di-Pertua, atas nasihat ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, sudah beri jalan tadi. Tanya soalan tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Atas nasihat Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa. Okey, saya teruskan, saya teruskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua, tiga perkara saya perlu minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit sahaja untuk memberi sedikit penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, beri sedikit laluan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, terima kasih lah. Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, saya teruskan. Semasa ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia beri laluan kepada saya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya kata beri sedikit laluan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oh, beri laluan. Okey, saya mengikut petunjuk yang betul.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, bagus, 'Malaysian Malaysia' bagus. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf mengambil sedikit masa tetapi saya tidak boleh duduk di sini dan mendengar fitnah dan tuduhan yang melulu.

Pertama sekali konsep berkongsi kuasa di negeri Sabah. Saya membawa sedikit memori Yang Berhormat Ipoh Timur. Apabila penggiliran kuasa diadakan dua tahun, dua tahun, betullah. Itu adalah janji Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat negeri Sabah. Akan tetapi, apabila kita melalui dua tahun, dua tahun ini kita dapati ada banyak masalah. Apabila Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah mengambil tampuk pemerintahan pada tahun 2003, kerajaan negeri hanya mempunyai RM100 - RM200 juta sahaja dan sekarang ini dengan konsistennya pengalaman dan juga dasar-dasar kerajaan, RM2 bilion *reserve* Kerajaan Negeri Sabah ada sekarang ini. Ini tidak termasuk duit-duit yang ada di dalam GLC dan Yayasan Sabah.

Keduanya, mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi saya minta penjelasan. Sewaktu Yang Berhormat Tan Sri Dompok mewakili waktu itu, peluang KDM menjadi ketua Menteri. Bukanya dia dibuang. Dia kalah dalam pilihan raya, dia kalah dalam Dewan Undangan Negeri Moyog pada waktu itu. Apabila dia kalah menjadi wakil rakyat, maka beliau tidak boleh menjadi Ketua Menteri. Walaupun pada waktu itu baru sembilan bulan, sepuluh bulan. Itu hakikatnya. Jadi, penjelasan itu.

Ketiganya Yang Berhormat, saya ingin terangkan di sini sebenarnya alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu tidak betul. Perkongsian kuasa masih ada di negeri Sabah. Daripada sepuluh KSU di negeri Sabah empat terdiri daripada KDM. Statistik telah menunjukkan dengan jelas bahawa *scholarship* contohnya, penerima yang paling besar adalah KDM. Ini adalah fakta.

Mengenai dengan resolusi tadi yang ditanya kepada saya. Saya setuju. Resolusi referendum yang paling besar, yang paling aktif adalah pilihan raya dan setiap kali kita menang dan pembangkang kalah di dalam pilihan raya di negeri Sabah. Itu referendum Yang Berhormat minta tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalannya ialah rekod 16 tahun perkongsian kuasa untuk jawatan Ketua Menteri dikongsi bergiliran antara ketiga-tiga kaum. Rekodnya ialah Kadazan sembilan bulan; Cina empat tahun; dan UMNO sebelas tahun. Inilah hakikat. Tidak boleh lari daripada hakikat ini. Inilah adalah fakta-fakta yang tidak boleh dikelirukan. Ini adalah *fact*. Saya bukan memainkan *fact* itu. *It is a truth*. Lebih baik Yang Berhormat Kota Belud balik Sabah sekarang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berilah peluang kepada orang ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat memegang jawatan pada bulan April yang lepas, beliau mengumumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan satu model ekonomi baru untuk negara kita demi memastikan Malaysia akan melonjak ke hadapan dan mengelakkan peringkat pendapatan menengah dan menjadi negara yang berpendapatan tinggi menerusi penekanan ketara ke atas inovasi, kreativiti dan persaingan.

Dalam bulan Mei tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Kewangan II berkata bahawa model ekonomi baru akan diumumkan dalam tempoh separuh kedua tahun tersebut. Masa merupakan inti pati paling kritikal dalam pelancaran satu model ekonomi baru dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengakui secara terus terang dalam ucapan pada bulan Disember yang lepas bahawa Malaysia telah ketinggalan dalam satu dekad kerana tersangkut oleh keadaan ekonomi yang lembap.

Pada hakikatnya, tiga tahun yang lepas Bank Dunia telah mencadangkan supaya Malaysia mengamalkan model ekonomi yang baru. Menekankan bahawa negara-negara industri telah memacu ke arah model ekonomi *version 3* dan berikutan dengan persaingan yang semakin sengit di model ekonomi *version 1*, Malaysia tidak ada pilihan lain kecuali mencuba sedaya upaya mencapai model ekonomi *version* yang kedua.

Persoalannya adalah mengapakah nasihat daripada Bank Dunia supaya Malaysia berhijrah ke model ekonomi *version 2* telah diabaikan selama tiga tahun menyebabkan kita kehilangan masa yang bernilai untuk mencapai daya saing sedunia sehinggakan negara kita ketinggalan di belakang negara-negara yang lain.

Semasa negara kita merdeka pada tahun 1957, kita merupakan negara kedua termaju dalam segi pencapaian ekonomi di Asia, di belakang Jepun. Hari ini, GDP per

kapita Korea Selatan adalah US16,450,000, Singapura US34,346,000, dan Hong Kong US29,559,000, sementara Malaysia masih berada pada tahap US7,469,000. Jurang perbezaan antara Malaysia dan negara-negara lain semakin meluas. Malah, mengalami risiko ketinggalan di belakang negeri Thailand, Vietnam, dan Indonesia.

Tarikh untuk mengumumkan model ekonomi baru telah berkali-kali ditunda dari akhir tahun lepas ke permulaan tahun ini, ke bulan ini sekali dan dengan genap setahun jawatan Perdana Menteri dan kini ditunda lagi ke bulan Jun semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh dijangka dikemukakan di Parlimen. Kononnya, kedua-dua Rancangan Malaysia Kesepuluh dan model ekonomi baru akan diumumkan bulan ini untuk mendapatkan maklum balas dari orang ramai.

Gangguan rancangan, pengumuman model ekonomi baru sekali dengan genap satu tahun memegang jawatan sebagai Perdana Menteri merupakan satu tamparan kepada 1Malaysia serta modal ekonomi yang berdaya saing dan inovatif dan satu kejayaan bagi NGO dan NGI, UMNO Putera, DEB baru yang kini merupakan pembekal luar ada diberi *outsource* agenda NEP Putera UMNO.

Malaysia dan masyarakat dunia tertanya-tanya apakah jenis modal ekonomi baru yang akan dibentuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kononnya lebih tertumpu pada inovatif, kreativiti dan berdaya saing di pertengahan tekanan menentang kemajuan dan *ekstremisme* yang melaung-laungkan slogan cemas seperti masyarakat Cina akan mengambil alih negara ini dalam pilihan raya umum. Seterusnya bahawa artikel 153 Perlembagaan Negara akan diketepikan dan kepentingan-kepentingan orang Melayu.

Apa yang dimaksudkan adalah sebenarnya adalah kepentingan UMNO, NEP Putera dipinggirkan. Adalah penting untuk bertanya bagaimana Yang Amat Berhormat dapat mencetuskan keyakinan orang ramai terhadap model ekonomi baru *version* kedua sekiranya beliau tidak melakukan apa-apa dalam tempoh setahun selepas sebagai Perdana Menteri untuk menghalang *brain drain*, para cerdik pandai Malaysia dari meninggalkan Malaysia atau menarik balik cerdik pandai rakyat Malaysia supaya pulang ke tanah air.

Satu cadangan spesifik yang dibuat oleh Bank Dunia tiga tahun yang lepas supaya Malaysia berhijrah ke model ekonomi baru *version* kedua adalah dengan izin *engaging and attracting back talented, experienced, wealthy and well-connected members of Malaysia diaspora*.

■1640

Sekiranya Yang Amat Berhormat gagal menyekat arus *brain drain* yang menyebabkan negara kehilangan dua generasi rakyat yang paling cerdik pandai dan membina diaspora yang berjumlah dua juta di seluruh dunia, bagaimana Yang Amat Berhormat akan berjaya untuk menarik balik golongan cerdik pandai ini atau menghentikan *brain drain* yang berterusan. Bukan hanya rakyat bukan Melayu yang berhijrah ke luar negara. Semakin ramai rakyat Melayu yang kini berhijrah dan meninggalkan tanah air. Saya masih ingat lagi program yang bercita-cita tinggi dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 10 tahun yang lepas demi menterbalikkan *brain drain* dan *reverse brain drain* dan mentransformasikan Malaysia menjadi k-ekonomi dan masyarakat maklumat menerusi strategi dua mata:

- (i) mendapat 5000 *brain gain* setiap tahun dari seluruh dunia yang berkepakaran luar biasa;
- (ii) menarik golongan cerdik pandai tanpa kira kaum atau kerakyatan dari Bangalore dan California; dan
- (iii) menggalakkan 500 rakyat Malaysia berkemahiran tinggi yang menetap di luar Malaysia supaya pulang ke tanah air setiap tahun, mulai tahun 2001.

Program *brain gain* yang bercita-cita tinggi ini telah gagal dengan teruk, Malaysia bukan sahaja tidak dapat menarik cerdik pandai ke negara kita malah lebih ramai bakat tempatan yang telah mengalir keluar setiap tahun. Malaysia tidak kekurangan cadangan satu modal ekonomi baru versi kedua, bagaimanapun yang kita tidak ada adalah keazaman politik untuk melaksanakan model-model ini. Bagaimanakah Yang Amat Berhormat...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Ipoh Timur, minta penjelasan berkaitan dengan model.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya setelah hampir satu tahun kerajaan pimpinan Perdana Menteri kita tidak boleh ataupun tidak dapat menyediakan draf model ekonomi baru ini untuk dipersembahkan seperti mengikut janji iaitu di awal tahun ataupun di sekitar bulan tiga ini.

Ini kerana kalau kita tengok keazaman beliau untuk melaksanakan *Government Transformation Programme* itu dengan makmalnya, dengan meletakkan beberapa

pegawai kita berkampung di sesuatu tempat untuk merangka GTP itu. Saya tidak yakin mereka tidak boleh buat untuk perkara yang sama menyediakan draf modal ekonomi baru ini, jadi yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, saya dapat maklumat bahawa mereka sebenarnya ada model itu tetapi terdapat tekanan daripada puak-puak ekstrem yang menggelar diri mereka ini pejuang bangsa Melayu yang mahu menuntut pelbagai perkara sehingga menyebabkan kerajaan serba salah.

Jadi Yang Berhormat sebut *political will* tadi, adakah *political will* kerajaan ini dapat dipatahkan oleh tuntutan-tuntutan para-para ekstremis ini yang menyebabkan model ini tertangguh? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih, soalan yang sangat tepat iaitu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjadi *prisoner*, tawanan kepada ultra *rightist* khasnya macam NGO-NGO, NGI-NGI semacam Perkasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Yang Berhormat sudah dua jam, berapa lama lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 40 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: 30 minit boleh habis Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 40 sahaja ya! Saya cuba habis pukul 5.30. Bagaimana Yang Amat Berhormat boleh memastikan bahawa model ekonomi baru versi kedua yang akan diumumkan oleh beliau itu tidak akan gagal disebabkan kekurangan keazaman politik untuk melaksanakan Program Transformasi Kerajaan termasuk memulihkan keyakinan nasional dan antarabangsa terhadap institusi-institusi nasional, penting serta sistem pentadbiran di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, selepas satu tahun sebagai Perdana Menteri, keyakinan antarabangsa terhadap institusi-institusi nasional penting serta sistem pentadbiran di Malaysia tidak nampak pulih malah semakin buruk. Sungguhpun wujudnya pelbagai perbincangan mengenai pencapaian NKRA untuk memerangi jenayah, khasnya jenayah jalan raya.

Hakikatnya adalah untuk orang biasa, mereka masih hidup dalam ketakutan kerana kadar jenayah yang serius. Hakikatnya kini wujud semakin banyak *community gated* dan *guarded* di negara kita merupakan bukti paling baik bahawa semua perbincangan mengenai pencapaian NKRA dalam memerangi jenayah tidak membawa sebarang makna kepada rakyat biasa. NKRA memerangi jenayah hanya akan bermakna sekiranya rakyat merasa cukup selamat sehingga tidak lagi memerlukan *community*

gated and guarded dan bukan sebaliknya di mana semakin ramai yang terpaksa duduk di dalam komuniti *gated and guarded* kerana berasa tidak selamat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mesti menerima realiti bahawa salah satu unsur penting untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keberkesanan, kebebasan dan profesionalisme pihak polis adalah dengan pertukaran Ketua Polis Negara.

Inilah sebab kenapa Yang Berhormat Menteri tidak harus ambil tindakan drastik terhadap *China Press* yang melaporkan Tan Sri Musa Hassan meletak jawatan sebagai Ketua Polis Negara supaya pihak polis boleh membuka lembaran baru sempena Hari Polis pada 25 Mac. Sebenarnya, sekiranya laporan berkenaan dibuktikan benar, bukan sahaja rakyat Malaysia yang patriotik yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara akan merasa gembira malah pegawai-pegawai kanan polis dari setiap peringkat akan turut merasa lega hati.

Itulah mengapa pada 28 Julai 2009, saya mengetuai satu persidangan meja bulat Parlimen untuk mencapai persetujuan umum bahawa Malaysia memerlukan seorang Ketua Polis Negara baru untuk membentuk sebuah negara yang selamat. Terputus dari praktik zaman kolonial dan mengenalkan sistem polis yang demokratik untuk melindungi rakyat dan bukan rejim yang memerintah.

Mengapa pada 1 Ogos 2009? Saya berkata dalam ucapan di Kuantan bahawa Musa sedang melancarkan tindakan membalas dendam terhadap saya dan lain-lain pemimpin Pakatan Rakyat kerana mengadakan persidangan meja bulat Parlimen, menyeru supaya melantik seorang Ketua Polis Negara baru demi kepentingan negara yang lebih selamat dan kempen ini akan diteruskan sehingga kita lihat di mana daripada 12 laporan polis yang dibuat terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Exco-exco Pulau Pinang dan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat dan 11 daripadanya ialah dibuat oleh pihak polis.

Mengapa pada 27 Ogos 2009 saya mengeluarkan satu kenyataan mengatakan jika dilakukan undian rahsia di kalangan 200 pegawai polis kanan dari ASP ke atas, majoriti berkenaan tentunya menyokong pelantikan seorang Ketua Polis Negara yang baru dan pada 8 Ogos 2009 saya berkata dalam kenyataan media saya bahawa polis, Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri tidak dapat berdiri tegak dan rasa bangga di depan masyarakat antarabangsa sekiranya jawatan Musa diperbaharui kerana dalam tiga tahun kepimpinan dalam polis hanya 1% dari rakyat Malaysia yang rasa selamat.

Saya harap dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan memberi penjelasan sama ada Suruhanjaya Polis bila akan bermesyuarat dan siapa yang sudah dinamakan untuk menggantikan Tan Sri Musa sebagai IGP yang baru dari bulan September. Atas isu rasuah, di manakah ikan-ikan yu yang pihak berkuasa kata akan dihadapkan ke mahkamah, berhubung dengan RM12.5 bilion skandal *Port Klang Free Zone*? Saya merasa terperanjat apabila baca surat khabar hari ini di mana satu kenyataan dikeluarkan oleh Presiden MCA bahawa pembangkang tidak mahu beliau menang dalam pilihan raya Parti MCA yang lebih dikenali sebagai "Pilihan Raya Parti *Three Kingdoms*" supaya terpilih semula sebagai Presiden MCA.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa DAP tidak berminat langsung apa yang berlaku dalam pertempuran *three kingdoms* MCA ini, khasnya pertempuran kedudukan Presiden MCA yang dijangka melibatkan Ong sendiri, bekas presiden Tan Sri Ong Ka Ting serta Timbalan Presiden Dato' Seri Dr. Chua Soi Lek. Saya tidak ingin mencontohi bekas Presiden GERAKAN – Tun Dr Lim Keng Yaik yang baru-baru ini mengumumkan bahawa GERAKAN dengan izin, *lost Penang for good* dengan memberi markah yang amat rendah kepada penggantinya Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan secara menghina mengecil-gecilkan jawatan Perdana Menteri dengan berkata "*I give up talking to this government*".

■1650

Tidak! Saya tidak akan berkata sebegitu. Bagaimanapun, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA sekarang untuk dua minggu lagi bahawa sekiranya beliau dicatat dalam sejarah sebagai Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan yang paling pendek tempoh jawatannya, beliau haruslah bersara dengan izin, *with a bang and not a whimper*.

Beliau sepatutnya memastikan semua ikan yu dalam skandal PKFZ, RM12.5 bilion dihadapkan ke mahkamah dan bukannya hanya ikan bilis yang didakwa. Untuk beberapa bulan ini, saya menahan diri daripada membuat sebarang komen mengenai skandal PKFZ setelah memberikan tekanan kuat kepada Yang Berhormat Menteri supaya *tell all* mengenai skandal berkenaan hingga pada suatu tahap, saya mengemukakan tiga soalan setiap hari untuk selama 36 hari tanpa berhenti-henti mengumpul 108 soalan untuk memaksa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya mengambil tindakan mengenai skandal PKFZ. Saya ingin mengizinkan beliau bertindak bebas dan bukannya merasa terpaksa oleh apa-apa tekanan bila timbulnya petanda

bahawa ada tindakan yang diambil untuk memastikan skandal PKFZ sedang diuruskan dan akauntabiliti mula dipulihkan.

Bagaimanapun, sehingga sekarang hanya empat orang yang bukan watak utama yang telah didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah dan salah guna kuasa dalam skandal PKFZ. Sungguhpun Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani telah mendedahkan akhir tahun lepas bahawa ikan-ikan yu dalam skandal PKFZ akan dihadapkan ke mahkamah bila-bila masa sahaja. Seluruh negara menunggu dengan berdebar-debar penangkapan dan pendakwaan ikan-ikan yu dalam skandal PKFZ ini kerana tidak seorang pun yang percaya empat orang yang didakwa setakat ini yang bertanggungjawab sepenuhnya atau merupakan watak utama dalam skandal PKFZ.

Bagaimanapun, 27 juta rakyat Malaysia yang tunggu dari hari ke hari, minggu ke minggu dan bulan ke bulan, tidak nampak apa-apa perkembangan baru. Rakyat menjadi lebih kagum apabila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengaitkan masalah dan *survival* politiknya sebagai Presiden MCA kepada skandal PKFZ. Sungguhpun kesemua ikan yu skandal PKFZ masih bebas dan belum dikenakan tindakan. Semua rakyat Malaysia mahu satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, di manakah ikan yu RM12.5 bilion skandal PKFZ?

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika kita sampai ke penghujung tahun pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara masih tersangkut dengan persoalan-persoalan dan isu-isu yang belum diselesaikan antaranya, dua enjin jet yang hilang sampai ke Uruguay, kapal selam bernilai berbilion-bilion Ringgit Malaysia yang enggan menyelam, skandal PKFZ bernilai RM12.5 bilion yang belum kelihatan kemunculan ikan yu sebenar, kematian misteri Pembantu Politik DAP, Teo Beng Hock yang secara sukarela hadirkan diri di Ibu Pejabat SPRM Selangor pada 15 Julai 2009 tetapi tinggal mayatnya yang dijumpai pada hari kemudiannya.

Sampai bilakah SPRM akan memutuskan hubungan dengan tuan politiknya dan berhenti menjadi alat dan agen agenda politik UMNO BN sehingga melancarkan perang terhadap Pakatan Rakyat dan bukannya rasuah.

Dasar Sains Malaysia di peringkat antarabangsa yang terus menjunam serta kehilangan FDI dari pasaran tempatan, ulang tahun pertama slogan dan konsep 1Malaysia yang tercemar oleh politik kaum dan agama yang paling buruk dalam tahun-tahun ke belakang ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan media UMNO, *Utusan Malaysia*.

Ketiadaan keazaman politik pihak berkuasa untuk menginstitusikan perundingan antara agama demi memupuk persefahaman antara agama, *good will* dan keharmonian dibuktikan dengan kontroversi yang memecahbelahkan dan memudaratkan dalam soal penggunaan kalimah Allah. Kegagalan Yang Amat Berhormat mengumumkan model ekonomi baru versi kedua tambahan lagi dengan masalah *brain drain* yang semakin serius menunjukkan bahawa pentadbiran Yang Amat Berhormat tidak berazam untuk mentransformasikan kerajaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan pangkat yang sesuai demi membebaskan Malaysia dari jerat pendapatan menengah dan melonjak ke kelas pendapatan tinggi.

Penindasan dan perbicaraan Ketua Pembangkang Parlimen, Dato' Seri Anwar Ibrahim, kegagalan kerajaan untuk memulihkan keyakinan masyarakat dalam dan di luar negeri terhadap kebebasan integriti dan kredibiliti sistem kehakiman negara ini terserlah dalam keputusan Mahkamah Persekutuan, 5-0 dalam kes dua Menteri Besar Perak, konspirasi yang semakin mendadak dari UMNO dan BN untuk memecah dan menjatuhkan kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru meraikan ulang tahun kedua tsunami politik bersejarah 8 Mac yang menempatkan *paradigm shift* di pemikiran dan harapan politik Malaysia. Apa yang sebelum ini tidak dianggap boleh jadi dalam tempoh 50 tahun negara merdeka, telah menjadi realiti malah dianggap sesuatu yang sepatut berlaku. Kini, semua menunggu pilihan raya umum yang akan datang sama ada Pilihan Raya Umum Ke-13 akan menyempurnakan proses yang dimulakan oleh Pilihan Raya Umum Ke-12 dan membawa sebuah Kerajaan Persekutuan campuran baru di Putrajaya selain daripada perubahan di peringkat negeri.

Pilihan raya umum seterusnya yang dijangka akan berlangsung dalam tempoh 18 bulan akan memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan menarik termasuklah:

- (i) sama ada ramalan politik termasuk RAHMAN akan ditunaikan dengan Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri UMNO keenam yang juga menandakan Perdana Menteri UMNO yang terakhir;
- (ii) sama ada Pakatan Rakyat akan berjaya mengakhiri pemerintahan BN dan menggantikan sebagai Kerajaan Persekutuan seterusnya;
- (iii) sama ada 1Malaysia Najib dan model ekonomi baru versi yang kedua akan berjaya menyelamatkan UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum seterusnya; dan

- (iv) sama ada Pakatan Rakyat berupaya muncul dari berbagai masalah dalamannya baru-baru ini dan menjadi lebih kuat, *cohesive*, berdisiplin dan berarah tujuan jelas menyatupadukan rakyat Malaysia dan membentuk kerajaan baru demi merealisasikan potensi penuh Malaysia sama ada dalam segi kemanusiaan dan sumber-sumber semula jadi.

Hanya masa yang akan membuktikan semua ini. Biarlah semua rakyat Malaysia bersatu padu dengan satu tekad bersama menjadikan Pilihan Raya Umum Ke-13 ini satu titik permulaan baru Malaysia supaya betul-betul bersatu padu, adil, makmur dan harmoni di mana semua rakyat jelata tidak kira kaum, agama atau kawasan, semuanya berbangga dengan negara tercinta kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, yang ada disebut tadi saya berhasrat dalam akhir ucapan saya untuk mengemukakan satu usul pindaan dan ada satu *copy* di sini. *I give you the copy* dan ini boleh diputus di akhir perbahasan bersama-sama dengan keputusan.

Saya kemukakan pindaan kepada Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja untuk menambahkan perkataan-perkataan berikut pada akhir usul yang berkenaan ialah, "*Dan mengambil ketetapan untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai peta hala tuju Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia yang diketuai oleh seorang Parlimen Pembangkang untuk menyelia dan melaporkan mengenai pelaksanaan dan kemajuan peta hala tuju Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia*". Sekian, terima kasih. *Just a second*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur terhadap Usul Perbahasan Titah Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat Ipoh Timur? Habis. Yang Berhormat Pasir Mas.

4.58 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin dan berterima kasih di atas kesempatan untuk mengambil bahagian bagi Ucapan Titah Diraja Penggal Ketiga, Parlimen Kedua Belas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya adalah anak Melayu, warganegara Malaysia dan saya ingin menegaskan sebagai orang Melayu berwarganegara Malaysia di mana ianya berpaksi kepada Perlembagaan Malaysia dan juga ketaatsetiaan saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dengan cukup teliti ucapan daripada Ketua Pembangkang dan juga daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya mengambil pendirian untuk tidak mencelah dan tidak mengganggu kerana saya berpendapat mencelah dan mengganggu mereka ini bercakap tidak lebih daripada membuang masa dan sia-sia sahaja.

Saya hendak minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua kalau boleh untuk perbincangan akan datang kalau mereka ini bercakap boleh atau tidak saya hendak bawa biola. Masa mereka bercakap saya hendak gesek biola supaya dengan gesekan biola itu dapat kita mengertikan lagi bagaimana sandiwara, hipokrasi, dolak-dalik dan seumpamanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, oleh kerana Yang Berhormat bertanya dengan saya, kena main biola di luarlah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, kita main di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kena bagi tahu dengan TV, surat khabar Yang Berhormat main biola di luar tetapi hadir Parlimenlah itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dan kalau pun kita sebut apa sahaja rakyat Malaysia yang pertama, Cina yang kedua ataupun Melayu kedua, India kedua meletakkan kononnya rakyat Malaysia pertama tetapi kalau kita tidak pandai mengasuh bangsa kita menjadi bangsa kita yang fasih dan mengetahui dan lancar bercakap bahasa Malaysia, ianya tidak ada erti langsung. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak memulakan perbincangan ini dengan menyatakan bahawasanya saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izinnya sekali lagi saya berpeluang mengikuti titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu 15 Mac 2010.

Hakikat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berucap untuk merasmikan pembukaan sesi Dewan yang mulia ini pada setiap tahun adalah penting dan simbolik. Ia penting kerana baginda adalah simbol bahawa Malaysia dari segi sejarah, budaya, nilai, tamadun dan geografinya adalah sebuah negara Melayu dan bumi Melayu di rantau Nusantara. Jika Malaysia hari ini merupakan sebuah negara merdeka yang majmuk, hakikat ini adalah hakikat yang tercipta menerusi kemerdekaan tanah air di mana rakyat pelbagai etnik bukan Melayu atau bukan bumiputera telah diterima menjadi warganegara menerusi proses undang-undang atau lebih tepat lagi menerusi peruntukan-peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, warganegara Malaysia bukan Melayu dan bukan bumiputera mutakhir ini sewajarnya sedar dan insaf bahawa pemberian hak-hak kewarganegaraan kepada mereka di era menjelang kemerdekaan tanah air ini adalah sebagai pertukaran kepada pengiktirafan nenek moyang mereka terhadap hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera. Ini pernah dinyatakan oleh Liow H. Liu.

Pada waktu yang sama rakyat Malaysia keturunan Cina pada hari ini wajar juga menginsafi hakikat bahawa layanan terhadap masyarakat minoriti di Malaysia sejak dahulu hingga sekarang adalah lebih baik berbanding Cina di Indonesia ataupun di Thailand.

Seterusnya, hakikat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berucap dan merasmikan sesi Dewan yang mulia ini pada setiap tahun adalah simbolik. Ini membuktikan bahawa Malaysia adalah negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Menerusi sistem ini, prinsip-prinsip demokrasi perlu dipelihara. Institusi Yang di-Pertuan Agong pula jangan cuba diganggu-gugat kelangsungannya. Sesungguhnya institusi inilah yang memayungi kemerdekaan, kedaulatan, ketahanan, perpaduan, kepentingan serta kelangsungan Malaysia.

Pada waktu yang sama, sistem politik Malaysia yang demokratik ini pula usah dijadikan alasan bahawa atas nama demokrasi, maka tindak-tanduk, kenyataan dan percakapan kita perlu menjadi terlalu berani atau *western oriented* di mana kita boleh bertindak bebas secara *total*, tanpa etika, tanpa had dan tanpa susila.

Dalam konteks ini, saya mengalu-alukan teguran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tidak mempamerkan tingkah-laku dan tutur kata yang tidak mencerminkan

keperibadian sebagai wakil rakyat dan ini sudah ditegaskan berkali-kali kerana segala perbuatan dan tindakan kita ini, di Dewan yang mulia memang sentiasa diperhati oleh rakyat jelata seluruhnya. Oleh itu, janganlah ada lagi di antara kita yang akan berlagak sumbang, bersuara bongkak, seolah-olah bagai merak kayangan yang amat terpesona dengan kewarna-warnian diri sendiri. Sedang pada realitinya keindahan ini adalah disaluti ilusi dan kepura-puraan.

Berasaskan mukadimah ini, izinkan saya meneruskan ucapan ini dengan menghuraikan status Melayu dan bumiputera sebagai bangsa teras seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Menerusi proses kemerdekaan tanah air, Malaysia menjadi sebuah negara yang majmuk (*plural*), multi etnik, multi agama, multibudaya dan berbeza tahap ekonomi rakyat jelata. Biarpun begitu, Melayu dan bumiputera tetap menjadi bangsa teras di negara ini.

Oleh sebab itulah Perlembagaan Persekutuan sebagai doktrin undang-undang tertinggi di negara ini mengkategorikan warga Malaysia kepada dua entiti iaitu bumiputera serta bukan bumiputera. Kelompok bumiputera terbahagi kepada Melayu yang beragama Islam dan kepada bukan Melayu dan tidak beragama Islam. Kelompok bukan bumiputera pula terdiri daripada rakyat yang asal-usulnya adalah pendatang dan majoritinya adalah keturunan Cina dan kaum India. Nenek moyang mereka datang dari dua negara yang amat berbeza sejarah, nilai, geografi dan tamadunnya jika di banding dengan segala-galanya di bumi serta di alam Melayu di nusantara ini dan saya anak Melayu asli, asal dan bukan daripada keturunan kaum yang diimport.

Sementara itu, Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan antara lainnya pula mendefinisikan Melayu sebagai penganut agama Islam yang bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Takrif bumiputera pula dihurai dan diperjelaskan menerusi Perkara 160(2). Selanjutnya, keindukan status Melayu di Malaysia juga diperkukuhkan oleh Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan mengenai Yang di-Pertuan Agong, Perkara 3(1) yang memaktubkan Islam adalah agama bagi Persekutuan, Perkara 152 mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 memberikan status yang istimewa khususnya kepada Melayu dan bumiputera dalam konteks sosial ekonomi negara.

Status teras Melayu, agama Islam dan bumiputera dalam Perlembagaan Persekutuan ini juga dicerminkan menerusi statistik kedudukan Malaysia sejak era awal merdeka tanah air hingga ke hari ini. Contohnya, penduduk Malaysia pada tahun 1957 adalah 6.36 juta orang. Dari jumlah ini 3.12 juta adalah Melayu dan bumiputera, 2.33

juta Cina, 690,000 India dan 120,000 lain-lain keturunan – *Federation of Malaysia Year Book 1959* sebagai rujukan. Pada tahun 2000, penduduk Malaysia meningkat kepada 23.3 juta orang. Seramai 11.7 juta adalah orang Melayu, 2.6 juta bumiputera, 5.7 juta etnik Cina, 1.7 juta etnik India dan lain-lain etnik 269,000 - *Utusan Malaysia* 18 September 2003.

Penduduk Malaysia pada tahun 2008 pula adalah 25.056 juta. Daripada keseluruhannya, Melayu adalah 13,667 juta, bumiputera 2.963 juta, etnik Cina 6.256 juta, etnik India 1.880 juta, lain-lain etnik 290 dan bukan rakyat 2.826 juta – Unit Perancang Ekonomi 2008.

■1710

Seluruh perangkaan ini membuktikan bahawa Melayu dan bumiputera adalah bangsa teras di Malaysia dan oleh kerana Perlembagaan Persekutuan juga mengidentitikan Melayu sebagai bangsa yang beragama Islam, pastinya perangkaan ini juga bermaksud untuk memanasikan bahawa agama Islam juga agama utama di Malaysia dan juga mengesahkan bahawa umat Melayu adalah bangsa teras bagi negara Malaysia untuk kefahaman pihak yang berhormat Ipoh Timur yang berucap sebentar tadi. Itu dari segi sejarah yang dapat kita ketengahkan untuk makluman dan pengetahuan Yang Berhormat Timur Tengah, eh Yang Berhormat Ipoh Timur. Timur Tengah pula. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan - bagaimanapun status Melayu dan bumiputera serta status keunggulan Islam ini berhadapan dengan paradoks, percanggahan serta realiti suram dalam konteks penguasaan ekonomi dan kekayaan negara. Contohnya dalam tempoh 20 tahun sebelum kemerdekaan negara, iaitu pada tahun 1937, pelaburan etnik Cina di Malaysia ketika itu adalah sebanyak USD200 juta berbanding pelaburan asing ianya berjumlah USD454.5 juta Ling Leong Sik 1995. Pada tahun 1990-an, syarikat-syarikat Eropah menguasai 65% hingga 75% daripada perdagangan eksport dan 60% hingga 70% perdagangan import.

Syarikat-syarikat etnik Cina ketika itu pula menguasai 10% daripada agensi eksport. Syarikat milik etnik India menguasai 2% daripada perdagangan berkenaan. Pada ketika itu orang Melayu langsung tidak memiliki sebarang ekuiti dalam mana-mana kepentingan. Lihat Gomez and Jomo 1997 seterusnya sewaktu negara ini menerima kemerdekaan daripada British pada tahun 1957, etnik Cina pada ketika itu sudah pun menguasai ekonomi negara ini secara kukuh sementara orang Melayu masih dalam kemiskinan *department of statistic* dengan izin Kuala Lumpur 1958-1960. Perangkaan

adalah fakta realiti dan asas kebenaran. Ia menjelaskan sekali lagi dan kebenaran bahawa status ekonomi Melayu dan bumiputera yang daif di era pra merdeka tetap masih berterusan hingga ke hari ini.

Buktinya pada tahun 2000, hak milik bursa saham di Malaysia adalah RM62,976 juta atau 80.9% di tangan bumiputera, manakala RM28,119.4 juta atau 82% di tangan syarikat nomini, RM137,412.8 juta atau 41.3% dikongsi oleh bukan bumiputera dan RM103,909.4 juta atau 31.3% dalam kekuasaan asing. Modal saham yang dimiliki oleh bumiputera dalam tempoh ini pula terbahagi kepada RM47,343.6 juta atau 14.2% di tangan individu. Sebanyak RM9,830 juta atau 3.0% institusi dan RM582.4 juta atau 1.7% di tangan agensi amanah. Sebaliknya pecahan pemilikan saham bukan bumiputera adalah RM129,318.3 juta atau 38.6% di tangan etnik Cina. RM5,138.8 juta atau 1.5% di tangan etnik India dan RM2,987.7 juta atau 0.9% lain-lain etnik dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008, pemilikan modal saham di Malaysia adalah RM100 bilion atau 18.9% di tangan bumiputera. Sebanyak RM215 bilion atau 40.6% dikuasai oleh bukan bumiputera. Manakala RM42.3 bilion atau 8% oleh syarikat nomini, RM172.3 bilion atau 32.5% dipegang oleh pemodal asing. Daripada perangkaan ini, ekuiti bumiputera terbahagi kepada RM79.4 bilion atau 15% milik individu. Sebanyak RM11.9 bilion atau 2.2% milik institusi dan RM8.7 bilion atau 1.7% milik agensi amanah. Ekuiti milik bumiputera pula sebanyak RM207 bilion atau 39% dikuasai oleh Cina. Manakala RM6.4 bilion atau 1.2% dalam tangan India dan RM1.9 bilion atau 0.4% lain-lain kaum, *The Star* - 27/6/2008.

Sekali lagi indikator ekonomi ini adalah realiti dan manifestasi bahawa orang Melayu umat Islam golongan bumiputera yang menjadi warga teras di Malaysia adalah golongan yang masih jauh ketinggalan berbanding bukan bumiputera dan pemodal asing di Malaysia mutakhir ini. Hakikat ini jadi lebih ketara dan merunsingkan jika dikaji lain-lain petunjuk sosial ekonomi seperti pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan, kemiskinan tegar dan jumlah profesional Melayu serta bumiputera dalam sektor korporat dan sebagainya. Pendek kata walau dikaji ikut perspektif mana sekalipun terbukti bahawa Dasar Ekonomi Baru yang kemudiannya ditransformasi menjadi dasar pembangunan profesional memang masih belum berjaya mengatasi jurang perbezaan ekonomi dan kadar kemiskinan orang Melayu, umat Islam dan golongan bumiputera dengan bukan bumiputera di Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan latar belakang ini kerana saya harap warganegara Malaysia bukan Melayu dan bukan bumiputera menginsafi hakikat ini. Hentikanlah kenyataan-kenyataan emosi mengenai ekonomi Melayu dan bumiputera negara ini. Hindarilah hati Melayu dan nurani bumiputera daripada dilukakan oleh tindakan serta kenyataan yang mengungkit-ungkit keistimewaan Melayu dan bumiputera menerusi perkara 153 dan Perlembagaan Persekutuan. Jangan secara semberono mereka bertindak memberikan gambaran palsu kerana rakyat Malaysia dan dunia luar bahawa kerajaan Malaysia yang berteraskan Melayu, bumiputera dan Islam adalah kerajaan yang kononnya menindas bukan Melayu, bukan bumiputera dan bukan Islam.

Kepada kerajaan pula saya menyeru supaya jangan dikompromikan hak Melayu, hak bumiputera dan keunggulan Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Jika DEB terbukti gagal, dan kalau DPM masih belum mencapai matlamatnya untuk merapatkan jurang perbadanan ekonomi di negara ini, jangan pula Model Ekonomi Baru yang kini diperjuangkan oleh kerajaan mutakhir bukan telus menyebabkan Melayu dan Islam, lebih jauh ketinggalan ekonomi kesejahteraan mereka semata-mata kerana berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan maju di dunia. Saya menyokong penuh Model Ekonomi Baru kerana ia memberikan penekanan kepada inovasi, kreativiti, nilai dan tambah yang tinggi. Saya juga yakin bahawa Melayu dan Bumiputera secara umumnya akan merestui MEB.

Namun, saya tetap merayu semoga era globalisasi, yang kian mencabar ini, janganlah dasar-dasar *affirmative* mengenai Melayu dan bumiputera sampai terkorban oleh desakan dan tuntutan multinasional dan oleh kerana desakan dan tuntutan daripada bukan Melayu dan bukan bumiputera yang kadang kalanya keterlaluan dan cukup terlanjur bentuk dan bahasanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk di mana pada 7/3/2010 sebanyak 86 pertubuhan NGO Melayu mengadakan sesi meja bulat berbincang mengenai dengan cadangan terutamanya dalam aspek *policy statement* bersabit dengan Model Ekonomi Baru yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Mac ini.

Alhamdulillah pihak perunding Majlis Melayu telah pun selesai mengadakan perbincangan yang melibatkan para cendekiawan, tokoh-tokoh akademik, kalangan-kalangan yang berwibawa dan profesional serta melahirkan satu bentuk memorandum yang bernama memorandum mengenai Modal Ekonomi Baru kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Alhamdulillah semalam saya sempat menyerahkan memorandum ini kepada Perdana Menteri dan juga telah bertemu dengan pihak majlis penasihat ekonomi yang dipengerusikan oleh Yang Bhg. Tan Sri Amirsham dan ahli-ahli majlisnya juga telah menyerahkan memorandum ini. Kita berharap ianya dikaji dengan halusi, ianya diteliti dengan secara yang berprofesional, dengan secara bertanggungjawab tanpa mengira soal sentimen politik pun saya cadangkan .

■1720

Sebab ianya berasaskan kepada kajian fakta, berasaskan kepada kajian akademik yang tidak ada apa-apa emosi sentimen politik selain untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang betul-betul padu, kukuh, kuat, harmoni pada masa akan datang. Jadi kita mencadangkan, saya nak maklum dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, Model Ekonomi Baru di mana input dan cadangan daripada pihak Majlis Perundingan Melayu membahagikan kategori kepada:-

- (i) Keadilan sosial
- (ii) Keadaan ekonomi dan hak asas kepada pasaran
- (iii) Perlembagaan Negara
- (iv) Pertumbuhan dan pengagihan serentak

Dalam soal keadilan sosial, kita mahu kerajaan merujuk kepada *United Nations Social Economic Charter* dengan izin, *for marginalized people*. Kedua, pengagihan kekayaan berdasarkan komposisi penduduk mengikut kaum di negara ini. 67% bumiputera dan 30% bukan bumiputera. Apabila disebut *United Nations Social Economic Charter for marginalized people*, ianya bermaksud Tuan Yang di-Pertua, di mana sesebuah negara yang majoriti rakyat asalnya dalam keadaan ketinggalan, maka apa jua dasar tindakan yang dibuat, ianya merupakan tindakan nasional. Ianya merupakan agenda nasional, bukan lagi agenda dalam konteks Malaysia Melayu ataupun bumiputera tetapi ianya mewakili majoriti rakyat Malaysia. Ini yang disebut oleh *United Nations Social Economic Charter*. Maka, dengan itu tidak timbul soal *racist* ataupun seumpamanya apatah lagi ianya dibincang, dicadang dalam ruang lingkup yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Keadilan ekonomi dan hak akses kepada pasaran, menghapus penguasaan pasaran oleh market dominan minoriti bagi persaingan yang adil.

Kedua, mengurangkan amalan *cartel* dan monopoli oleh kaum Cina agar kaum lain boleh bersaing secara sihat dan adil. Saya mengemukakan pandangan ini. *Market dominant minority* ini Tuan Yang di-Pertua, rujuk kepada buku yang ditulis oleh Profesor

Amy Chua iaitu seorang profesor keturunan wanita Cina yang mengajar, *lecture* di Yale University dalam bukunya "*World on Fire*". Beliau mengatakan kalau dibiarkan *market dominant minority* menguasai kepentingan majoriti, pasti sesebuah negara tersebut tidak akan selamat. Dia merujuk banyak peristiwa yang berlaku di negara Asia Tenggara seperti di Filipina, seperti di South Africa di mana orang-orang di South Africa membakar kedai orang-orang India kerana minoriti India menguasai begitu kuat *market dominant* di South Africa menyebabkan berlaku rusuhan kaum. Maka, sebab itu kita cadangkan perkara ini diberi pertimbangan kerana di waktu Persidangan Dewan Perniagaan Cina baru-baru ini, Seminar 1Malaysia bersabit Model Ekonomi Baru. Salah seorang tokoh korporat daripada YTL menyatakan bahawa kerajaan sepatutnya *move forward* kepada *brutal competition*. Makna, persaingan *brutal* dan mengetepikan secara *total* apa yang dinamakan '*little brothers*'. Jadi, maknanya hapuskan semua sekali dan *go ahead* dengan semangat persaingan di atas padang yang sama rata.

Bunyinya sedap dan ada juga golongan Melayu liberal beberapa kerat terpengaruh dengan pandangan ini. Saya memberi hujah dengan izin, *even* YTL sendiri berjaya ialah kerana IPP dan IPPnya dibeli oleh TNB yang pernah dibincang dalam Dewan yang mulia ini begitu kontroversi sekali. Ada unsur elemen subsidi, ada unsur *affirmative action* yang diberi kepada golongan ini. sebab itu saya tidak hairan bila saya sebut Robert Kwok berjaya sebagai *billionaire* di Malaysia kerana dia memonopoli gula dan ada elemen subsidi. Begitu juga kita lihat lain-lain tokoh-tokoh korporat, Tan Sri Ananda Krishnan menguasai Astro, menguasai 012. Bukankah ini semua monopoli dan juga ada unsur-unsur subsidi? Kalau mereka menerima begitu banyak projek-projek besar istimewa oleh kerajaan, jangan diungkit, jangan diperlekeh, jangan dikecilkan kepentingan kaum majoriti yang kais pagi makan pagi dengan kononnya mereka harus berdiri sendiri dan buang apa yang dikatakan '*little brothers*' ini.

Maka, kenyataan saya pun disalah petik apabila saya mengatakan saya memberi hujah perbandingan. Maka, keluar kenyataan mengatakan saya selaku Presiden PERKASA melarang kerajaan, jangan bagi projek-projek besar kepada tauke-tauke Cina. Ini tidak betul sama sekali. Saya tidak mengatakan saya tidak menyokong mereka-mereka ini. Mereka boleh terus dengan peranan mereka. Selama ini pun kita tidak ganggu mereka, cuma saya mengatakan, mereka jangan buat kenyataan-kenyataan yang menyakiti hati kaum majoriti apatah lagi orang Melayu dengan mengatakan "*Dasar ini ialah dasar kononnya subsidi untuk orang-orang Melayu*". Bila sebut subsidi Tuan Yang di-Pertua, mentalitinya orang Melayu.

Semua subsidi, saya nak bagi tahu, banyak dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Gula, tidak ada gula untuk Melayu, untuk Cina, untuk India. Bila kerajaan bagi subsidi gula, semua layak menerima manfaat gula. Begitu juga harga petrol, macam-macam. Apa yang dikatakan subsidi untuk bumiputera? Buktikan kepada saya. Dulu pengagihan projek 30%, permit tidak memberi apa-apa makna. Biasiswa sekarang ini 51:49. Apa lagi hak yang ada pada bumiputera? Bukan kita nak jadi *racist*, saya tidak *racist* Tuan Yang di-Pertua. Saya adalah patriotik, nasionalis dan seorang Muslim, seorang Islam yang tidak menonjol seperti yang lain. Serban besar ke, bercakap Islam ke, naik baca khutbah ke tapi macam-macam kes diselubungi oleh mereka ini. Saya orang biasa sahaja. *Just a low profile*, pemimpin kerdil. Saya menyuarakan pandangan ini supaya ianya tidak disalah ertikan sebab saya sedih ada di kalangan Ahli-ahli MP pun saya dengar tadi bila kita katakan elok untuk perpaduan Malaysia, semua anak-anak Malaysia kalau dah sokong 1Malaysia, masuk ke sekolah satu aliran kebangsaan.

Ada pula bangun bercakap, orang Melayu bangun mengecam. Ini kononnya nak menutup sekolah ibunda kaum-kaum lain termasuklah Ahli Parlimen Shah Alam tadi saya dengar dan ini cukup mengecewakan. Usaha isu kalimah Allah, ada setengah-setengah Allah pun nak diguna, nak dijual dah tetapi saya nak bercakap bab soal ekonomi ini. Saya tidak sekali-kali bersikap sedemikian. Saya bercakap walaupun kadang-kadang dilaporkan salah tafsir tetapi semangatnya ialah untuk mempertahankan kepentingan kaum majoriti yang masih ketinggalan, yang masih daif, yang masih serba serbi dipinggirkan sebab kalau *market driven force* dijadikan asas, kata Profesor Amy Chua dalam buku "*World on Fire*", tunggulah kehancuran sesebuah negara tersebut. Ini ada buktinya. Hasil daripada kajian secara akademik. Jadi sebab itu Model Ekonomi Baru saya katakan tadi mesti berpaksi kepada roh tersebut iaitu selain daripada keadilan ekonomi dan hak akses kepada pasaran iaitu kepada Perlembagaan Negara, memelihara roh hak-hak dan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di bawah Artikel 153 Perlembagaan Malaysia. Itu perkara yang ketiga.

Yang keempat, pertumbuhan dan pengagihan berlaku serentak iaitu dengan izin, *not growth first and distribute later*. Terbukti *growth and distribution at the same time*, serentak, telah berjaya di negara ini dan di lain-lain negara. Model ini mencadangkan agenda pertumbuhan agihan, *economic growth with distribution* dengan izin, serentak diteruskan walaupun negara berdepan dengan kehendak dan keperluan menangani proses globalisasi dan liberalisasi. Walaupun demikian, strategi dan instrumen boleh disesuaikan kepada keadaan dan masa. Yang saya pentingkan tadi ialah daripada segi

dasarnya tidak boleh lari daripada ruang lingkup kepada empat asas perkara tersebut yang seharusnya menjadi tonggak kepada Model Ekonomi Baru.

Kita menyokong apa pun bentuk usaha nak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pertumbuhan ekonomi yang terus menerus meningkat. Usaha nak membawa pelabur asing (FDI) supaya Malaysia menjadi kompetitif. Ini semua kita sokong tapi tidak boleh lari daripada ruang lingkup.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tangga Batu, *30 second* sahaja lagi Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ha, tanya hari Isnin. *30 second* lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh lari daripada ruang lingkup apa yang saya pertegaskan tadi sebab inilah matlamatnya. Matlamat akhirnya, apa pun slogan Tuan Yang di-Pertua, cantik atas kertas, kita laung, kita adakan perayaan, kita tampal poster-poster tetapi kalau isinya, asas yang utama ialah pembahagian kekayaan negara ini iaitu *wealth distribution beside growth, beside competitiveness* tetapi kalau ada golongan kaum majoriti belum lagi tahap 30% tak tercapai, maka selagi itulah kedudukan negara ini tidak terjamin pada masa akan datang untuk semua kaum Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Ada lagi? Saya ingat belum habislah itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum habis ya?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Baru satu per tiga. *Insyallah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, terima kasih. Sambung pada hari Isnin. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 22 Mac 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.